

"SEKARANG, satu dekad telah berlalu, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang sangat bertenaga kepada pertumbuhan ekonomi. Perbankan dan kewangan Islam telah berkembang dengan kadar yang cepat serta mampu meningkatkan jumlah pasaran yang sihat." - Titah sempena Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 pada 5 Mei 2003.

Delita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"BAHAWASANYA orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." - Surah Al-Hujuraat ayat 10.

TAHUN 48 BILANGAN 19

RABU 7 MEI 2003/1424

رابع 5 ربيع الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Brunei bantu penubuhan bank Islam di Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Thailand melalui Suruhannya Bersama telah bersetuju supaya institusi-institusi kewangan Islam negara ini dapat bekerjasama sambil membantu pihak-pihak tertentu di negara Thailand untuk menubuhkan sebuah bank Islam yang pertama.

"Insya-Allah beberapa orang anak tempatan kita yang berpengalaman akan mengambil tugas yang mulia ini," titah baginda di Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 di ibu negara.

Terdahulu baginda bertitah bahawa kepercayaan dan keyakinan terhadap kemampuan kita dalam perbankan dan kewangan Islam juga telah dirasakan di peringkat antarabangsa.

Di majlis itu baginda juga melahirkan rasa bangga kerana kerjasama antarabangsa seperti itu bukanlah pertama kali pernah diungkapkan oleh institusi kewangan Islam Negara Brunei Darussalam di mana pada tahun 1996 dua buah Syarikat Takaful negara ini bersama tiga buah Syarikat Takaful di rantau ini telah menubuhkan sebuah Syarikat Takaful Semula yang dikenali sebagai ASEAN Retakaful International.

Baginda menambah titah, syarikat tersebut telah beroperasi dengan baik dalam memberikan Perkhidmatan Takaful

**Laporan
Sahari Akim,
Samle HJ dan
Siti Aishah HS**

Semula kepada syarikat-syarikat takaful di rantau ini dan antarabangsa dan merupakan satu projek besar yang telah dipersejuti semasa Mesyuarat Tahunan Kumpulan Takaful ASEAN.

"Pada hari ini, kita dapat meraikan satu lagi mercu tanda kejayaan institusi kewangan Islam kita dengan terbinanya dua buah bangunan baru iaitu Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2. Beta berharap institusi-institusi kewangan Islam akan terus mencapai kejayaan dalam mewarnai corak industri kewangan negara dan antarabangsa," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merasmikan Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 yang terletak di ibu negara.

P'khidmatan Perlindungan Takaful berdaya saing

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa tiga buah Syarikat Perkhidmatan Perlindungan Takaful yang terdapat di negara ini telah menunjukkan kemampuan masing-masing untuk berdaya saing dengan syarikat-syarikat insurans biasa serta mendapat kepercayaan masyarakat dan organisasi-organisasi besar.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, titah baginda, organisasi-organisasi besar di negara ini telah memberikan kepercayaan kepada Syarikat Takaful untuk mengurus dan mengaturkan perlindungan-perindungan bagi

aset dan risiko yang tinggi nilainya sehingga beratus-ratus juta ringgit.

Baginda bertitah demikian di Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 di ibu negara.

Baginda bertitah, 10 tahun yang lalu semasa kerajaan baginda memperkenankan perbankan Islam di negara ini, ramai orang menyoal kemampuan dan peranan sistem tersebut

dalam mengembangkan ekonomi negara.

Golongan tersebut, titah baginda, tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya sudah meragui satu sistem yang terbaik yang disuruh oleh agama memakainya.

Setelah satu dekad berlalu, titah baginda, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang sangat bertenaga kepada pertumbuhan ekonomi di mana ia telah berkembang dengan kadar

yang cepat serta mampu meningkatkan jumlah pasaran yang sihat, bukan sahaja di negara-negara Islam malahan di merata dunia.

Baginda menambah titah, ia turut diterima sebagai satu sistem bahkan sistem yang adil lagi saksama yang mengutamakan situasi menang sama menang atau 'win-win situation' bagi kedua-dua belah pihak, institusi kewangan dan pihak pengusaha serta

pelanggan.

"Satu komponen kewangan Islam yang semakin popular ialah Perkhidmatan Perlindungan Takaful. Walaupun ia masih di usia yang sangat muda, namun beta dengan sukacita mengambil maklum bahawa ketiga-tiga Syarikat Takaful yang ada di negara ini telah menunjukkan kemampuan masing-masing untuk berdaya saing dengan syarikat-syarikat insurans biasa," titah baginda.

Semua penduduk ASEAN berperanan cegah SARS

**Oleh
Abd. Karim HAB**

BANGKOK, 29 April - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, semua penduduk ASEAN termasuk orang perseorangan, berkeluarga, masyarakat dan kerajaan boleh memberi sumbangan dan menjadi sebahagian daripada penyelesaian krisis

Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dengan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengamalkan cara hidup sihat dan menyokong sepenuhnya langkah-langkah pencegahan yang disediakan oleh agensi-agensi penguat kuasa kesihatan.

Baginda menyatakan demikian semasa berangkat menghadiri Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai SARS yang diadakan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Thailand petang ini.

Para pemimpin ASEAN yang lain terdiri daripada Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Hun Sen; Presiden Republik Indonesia, Puan

Yang Terutama Megawati Soekarnoputri; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith; Pemangku Perdana Menteri Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi; Perdana Menteri Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe;

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Perbankan dan kewangan Islam terus berkembang - Muka 2

Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN - China Mengenai SARS

- Muka 4

Melirik Masa Silam

Dunia Moden Penyakit Moden - Muka 6

10 Pelan Strategi RBA dilancarkan

- Muka 7

Takaful IBB Berhad - Sejarah penubuhannya

- Muka 10

Utamakan penjagaan kesihatan asasi

- Muka 12

Membantu rakyat awam Iraq : Marilah kita hulur derma

- Muka 3 ANEKA

Kewajipan membayar hutang

- Muka 4 ANEKA

Program Amal bagi membantu rakyat Iraq anjuran JPCC

- Muka 9 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
2383941 / 2383804 / 2382192
Faks : 2381004 / 2380507

TAHUKAH AWDA

ASEAN Retakaful International (L) Limited (ARIL) adalah sebuah Syarikat Takaful Semula yang didaftarkan pada 17 Mei 1997 bagi memperluas dan memperkembangkan urusan perniagaan takaful untuk memenuhi keperluan penempatan lebih risiko. Syarikat ini berpejabat di Wilayah Persekutuan Labuan. Pemegang sahamnya terdiri daripada Takaful IBB Berhad, Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Syarikat Takaful Singapura (Agencies) Private Limited. - Sumber: Ristaan Satu Dekad Takaful IBB Berhad (2003 : 17)

HALUAN...

PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM TERUS BERKEMBANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Dunia hari ini tidak putus-putus menghadapi pelbagai cabaran. Ia datang silih berganti dengan menimbulkan banyak kebimbangan. Terutama sekali yang lebih membimbangkan ialah kejadian-kejadian yang tidak diduga yang tiba-tiba boleh menimpa dunia seperti wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang telah lebih sebulan melanda beberapa negara di rantau Asia dan Pasifik.

Sehingga kini, jangkitan wabak ini belum lagi menunjukkan tanda-tanda untuk reda. Ia bukan saja meragut jiwa, bahkan juga memberi kesan yang teruk kepada kehidupan harian biasa di mana-mana saja. Dan yang jelas, wabak ini juga telah menjejaskan sektor-sektor perniagaan, perhotelan, pengangkutan udara, pelancongan dan sebagainya dalam makna lain ia telah mengancam pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Di akhir-akhir ini pula, kesan wabak SARS telah mula dirasakan di sektor-sektor kewangan serantau dan antarabangsa. Para pelabur juga mula mengambil langkah berjaga-jaga, kerana ada tanda kemerosotan dari sentimen-sentimen pada bursa-bursa saham di rantau Asia. Namun alhamdulillah di negara kita kesan-kesan tersebut dapat dikawal, dan rakyat serta penduduk masih dapat meneruskan kehidupan harian mereka seperti biasa.

Bagaimanapun juga, kita tidaklah boleh leka atau lalai. Beta perlu merangka strategi dan perancangan untuk menghadapi apa saja cabaran, di samping jangan lupa memupuk ketakwaan kepada Allah dengan keyakinan, bahawa ikhtiar itu di tangan kita, sementara Allah pula penentu yang mutlak.

Sepuluh tahun yang lalu semasa kerajaan beta memperkenalkan perbankan dan kewangan Islam di negara ini, ramai orang menyoal kemampuan dan peranan sistem tersebut dalam mengembangkan ekonomi negara. Golongan ini telah tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya sudah meragui satu sistem yang terbaik yang disuruh oleh agama memakainya.

SEPULUH tahun yang lalu semasa kerajaan beta memperkenalkan perbankan kewangan Islam di negara ini, ramai orang menyoal kemampuan dan peranan sistem tersebut dalam mengembangkan ekonomi negara. Golongan ini telah tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya sudah meragui satu sistem yang terbaik yang disuruh oleh agama memakainya.

Pemangku Pengarah BIA yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 pada 3 Rabiulawal 1424/5 Mei 2003.

satu sistem dan bahkan sebenarnya sudah meragui satu sistem yang terbaik, yang disuruh oleh agama memakainya.

Sekarang, satu dekad telah berlalu, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang sangat bertenaga kepada pertumbuhan ekonomi. Perbankan dan kewangan Islam telah berkembang dengan kadar yang cepat serta mampu meningkatkan jumlah pasaran yang sihat. Ianya bukan saja dapat dilihat berkembang di negara-negara Islam, malahan juga di merata dunia.

Satu komponen kewangan Islam yang semakin popular ialah Perkhidmatan Perlindungan Takaful. Walaupun ia masih di usia yang sangat muda, namun

beta dengan sukacita mengambil maklum bahawa ketiga-tiga buah Syarikat Takaful yang ada di negara ini telah menunjukkan kemampuan masing-masing untuk berdaya saing dengan syarikat-syarikat insurans biasa.

Beta juga difahamkan, bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, organisasi-organisasi besar di negara ini telah memberikan kepercayaan kepada Syarikat Takaful untuk mengurus dan mengaturkan perlindungan-perindungan bagi aset dan risiko yang tinggi nilainya sehingga beratus-ratus juta ringgit.

Kepercayaan dan keyakinan terhadap kemampuan kita dalam perbankan dan kewangan Islam juga telah dirasakan di peringkat antarabangsa. Baru-baru ini kerajaan beta, melalui Suruhanjaya Bersama Brunei Darussalam dan Thailand telah bersetuju supaya institusi-institusi kewangan Islam negara ini

dapat bekerjasama sambil membantu pihak-pihak tertentu di negara Thailand untuk menubuhkan sebuah Bank Islam yang pertama di sana. Insya-Allah beberapa orang anak tempatan kita yang berpengalaman akan mengambil tugas yang mulia ini.

Beta juga lebih berbangga, kerana kerjasama antarabangsa seperti ini bukanlah pertama kali pernah diungkayahkan oleh institusi kewangan Islam Brunei Darussalam. Pada tahun 1996, dua buah Syarikat Takaful negara ini bersama dan tiga buah Syarikat Takaful di rantau ini telah menubuhkan sebuah Syarikat Takaful Semula yang dikenal sebagai ASEAN Retakaful International.

Syarikat ini telah beroperasi dengan baiknya memberikan perkhidmatan takaful semula kepada syarikat-syarikat takaful di rantau ini dan antarabangsa. Ia adalah satu projek besar yang telah dipersetujui, semasa salah satu mesyuarat tahunan Kumpulan Takaful ASEAN.

Pada hari ini, kita dapat meraikan satu lagi mercu tanda kejayaan institusi kewangan Islam kita dengan terbinanya dua buah bangunan baru iaitu Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2. Beta berharap institusi-institusi kewangan Islam akan terus mencapai kejayaan dalam industri kewangan negara dan antarabangsa.

Dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim dan dengan bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka beta dengan sukacitanya merasmikan Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2.

Sekian, Wabillahi Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



دغن نام الله يغمها
فموره دان مها فبايغ

Dari Sidang Pengarang

7 MEI 2003 BERSAMAAN 1424

5 ربيع الأول

PERBANKAN, KEWANGAN ISLAM SEMAKIN DIYAKINI

KEJAYAAN Negara Brunei Darussalam dalam sistem perbankan dan kewangan Islam terus menjadi perhatian masyarakat dunia. Kewibawaan negara dalam menguruskan perbankan yang berorientasikan Islam itu kini semakin mendapat kepercayaan dan telah diyakini di peringkat antarabangsa. Selain itu, Brunei juga telah berpadu tenaga dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat takaful di rantau Asia Tenggara ke arah menubuhkan sebuah Syarikat Takaful yang bertaraf antarabangsa.

Berikutan dengan perkembangan perbankan Islam yang menyerlah di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand melalui Suruhanjaya Bersama telah bersetuju agar institusi-institusi kewangan Islam di negara ini dapat membantu Thailand dalam usaha menubuhkan sebuah bank Islam yang pertama. Dalam persetujuan itu, beberapa orang anak tempatan kita yang berpengalaman akan bertugas di Thailand bagi memberikan kerjasama sambil membantu pihak-pihak tertentu di negara berkenaan dalam merealisasikan penubuhan bank Islam.

Sesungguhnya kepercayaan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam itu satu penghormatan tinggi untuk negara, walaupun kita masih muda dalam pelaksanaan dan perkembangan perbankan Islam. Keyakinan yang diberikan oleh negara luar itu juga membuktikan mengenai kejayaan Brunei dalam mengamalkan sistem perbankan Islam yang telah banyak memberikan manfaat kepada penduduk negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menitahkan perkara itu di Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 pada 5 Mei, menjelaskan bahawa kerjasama antarabangsa seperti itu bukanlah pertama kali diungkayahkan. Pada tahun 1996, dua buah syarikat takaful negara ini bersama dengan tiga buah syarikat takaful di rantau ASEAN telah menubuhkan Syarikat Takaful Semula yang dikenali sebagai ASEAN Retakaful International dan beroperasi dengan baik dalam memberikan perkhidmatan takaful kepada syarikat-syarikat takaful di rantau ini dan antarabangsa.

Sebenarnya penubuhan institusi kewangan Islam di Brunei seperti bank dan insurans adalah salah satu visi kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat mengambil perhatian berat terhadap keperluan ini demi kesempurnaan kehidupan beragama dan pembangunan ummah. Visi baginda dalam memartabatkan urusan niaga yang berorientasikan Islam ini adalah jelas bukan sekadar ke arah kepentingan keuntungan berasaskan kewangan, bahkan yang utama menjadi alat dakwah yang amat berkesan.

Dan alhamdulillah, sejak 10 tahun yang lalu, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang utama dalam pertumbuhan ekonomi negara kita. Walhal semasa kerajaan memperkenalkan sistem berkenaan, ramai suala telah mempersoalkan kemampuan dan peranan sistem tersebut. Tetapi sangkaan dan keraguan itu meleset, di mana perbankan Islam merupakan satu sistem yang terbaik dan terbukti banyak memberikan manfaat kepada rakyat dan penduduk bumi bertuah ini.

Urus niaga atau muamalah cara Islam ini tetap menarik dan merapatkan lagi hubungan di antara pengusaha, peniaga, penyimpan dan pelabur dengan pihak bank. Sebab itu adalah diyakini, lebih ramai lagi orang dan organisasi yang akan terpicat dengan sistem perbankan dan kewangan Islam ini.

Terbinanya Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2, merupakan satu lagi mercu tanda kejayaan institusi kewangan Islam kita. Adalah diyakini, institusi-institusi kewangan Islam seperti Bank Islam Brunei Berhad (IBB), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) akan terus mencapai kejayaan dalam mewarnai corak industri kewangan negara dan antarabangsa, di samping tetap akan menjadi pemangkin dalam menggerakkan dan merealisasikan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan perbankan dan kewangan Islam yang diuar-uarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedekad yang lalu, kini telah terbukti menjadi penggerak yang sangat bertenaga kepada pertumbuhan ekonomi. Penubuhan tiga buah syarikat takaful juga telah berjaya memberikan perkhidmatan yang kompetitif dan berdaya saing serta sebanding dengan syarikat insurans secara konvensional. Selain itu kita juga percaya lebih banyak lagi negara luar yang akan meminta bantuan kepakaran dalam kejayaan kita menguruskan perbankan yang berorientasikan Islam.

terus menjadi Ahli Lembaga Pengarah BIA.

Dengan pertukaran ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memperkenalkan perantaraan Awang Haji Ali bin Apong, Penolong Kanan Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) untuk menjadi Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei mulai dari 1 Mei 2003 bersamaan dengan 29 Safar 1424.

Doktor dan jururawat menangani SARS diwajibkan ambil langkah keselamatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mei. - Kementerian Kesihatan mengambil langkah wajar dalam memastikan keselamatan doktor dan jururawat yang bertugas mengendalikan penapisan pesakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) di Pusat-pusat Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Langkah itu antaranya ialah dengan memastikan pemakaian sarung tangan, penutup mulut dan apron khas kepada semua doktor dan jururawat yang bertugas dalam menjalankan tugas ketika mengendalikan penapisan pesakit SARS.

Selain itu pesakit SARS dikehendaki memakai penutup mulut sebelum dibawa ke bilik pengasingan bagi pemeriksaan seterusnya.

Oleh
Abdullah Asgar

nya oleh doktor yang bertugas, di samping doktor yang bertugas juga diarahkan berbuat demikian.

Dr. Roslina binti Haji Metussin memberitahu pemberita dalam Sidang Media di Pusat Kesihatan Ong Sum Ping mengenai Langkah-langkah Pengendalian Penapisan Pesakit SARS.

Katanya, setiap kali selepas memeriksa pesakit semua sarung tangan, penutup mulut dan apron akan dibuang dalam kotak khas untuk dimusnahkan dengan menggunakan pembakaran yang tinggi.

"Bilik pengasingan akan dibersihkan setiap kali selepas digunakan

dengan menggunakan mop dan baldi yang dikhaskan," jelasnya.

Untuk panduan doktor, kriteria pengendalian pesakit SARS tambahan, ialah pesakit yang melawat negara-negara yang terjejas dengan SARS tetapi tiada ada batuk, demam panas yang mengejut, bolehlah dibenarkan pulang dengan memberinya nasihat untuk terus berjumpa doktor jika mereka kurang sihat selepas seminggu menjalani penapisan.

Manakala bagi pesakit yang terlibat SARS setelah melawat negara-negara yang terjejas SARS serta menghidap batuk dan demam panas hendaklah dilaporkan ke Unit Kawalan Penyakit dengan mengikut keadaan, sama ada

dikuranti di rumah atau dirujuk ke Unit Kemalangan dan Kecemasan bagi pengendalian seterusnya.

"Bagi pesakit yang dikuranti di rumah, mereka akan diberikan cuti selama 10 hari dari tarikh tiba di negara ini," katanya.

"Jika mereka yang mengalami ketiga-tiga kriteria seperti batuk, demam panas mengejut dan susah bernafas mestilah dirujuk ke Unit Kemalangan

dan Kecemasan dan dilaporkan ke Unit Kawalan Penyakit," tambahnya.

Setakat ini China dan Hong Kong serta Kanada khususnya di Toronto terus menerima pesakit baru SARS dan angka kematian bagi SARS juga terus bertambah di mana telah membunuh lebih 400 jiwa dan menjangkiti lebih 5,000 orang di 20 buah negara.

Lawatan kerja

Oleh
Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 April. - Seramai 20 orang pegawai dari Unit Teknologi Maklumat Pertahanan, Kementerian Pertahanan membuat lawatan kerja ke Hongkong & Shanghai Bank Corporation (HSBC) di bangunan HSBC di sini.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh HSBC, lawatan tersebut diketuai oleh ahli dalam bidang Teknologi Maklumat iaitu Dayang Hajah Naf'ani binti Awang Haji Mohammad Taib dari Unit Teknologi Maklumat Pertahanan, Kementerian Pertahanan.

Sejurus tiba, para pelawat dialu-alukan oleh Pengurus Perkhidmatan Teknikal, Dayang Sylvia Chong, diikuti taklimat ringkas mengenai Sistem Teknologi Maklumat dan Sistem e-Perbankan seperti perbankan internet yang disampaikan oleh Awang Albert Roche, Komunikasi Pemasaran.

Manakala taklimat mengenai Eksekutif e-Perbankan dan HEXAGON disampaikan

oleh Dayang Lim Lih Fang dari Jabatan Bank Elektronik.

Program pertukaran lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk menambahkan pengetahuan kakitangan pihak Unit Teknologi Maklumat Pertahanan dalam bidang sistem teknologi maklumat, sistem pengurusan jaringan dan pusat struktur data.

Lawatan itu juga memberi kesempatan kepada para kakitangan unit untuk bertukar-tukar pandangan dan idea dengan pihak HSBC terutama sekali dalam meneliti dan memeriksa struktur teknologi informasi di pusat data bank tersebut.

HSBC kini mempunyai 9,500 pejabat di 80 buah negara dan kawasan serta mempunyai aset lebih dari AS\$ 759 bilion sehingga pada 31 Disember tahun lepas dan ianya adalah sebuah bank kewangan yang terbesar di dunia.

Dua warganegara Brunei tidak memenuhi kriteria WHO

BERAKAS, 30 April. - Dua orang wanita warganegara Brunei Darussalam yang di-khabarkan menghidap jangkitan penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) di negara ini sekembalinya dari Kanada adalah tidak benar dan merupakan khabar angin.

Pegawai Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Pengiran Haji Hishamuddin ketika menjelaskan kepada media di sidang akhbar yang diadakan di Kementerian Kesihatan di sini berkata sebenarnya pada 27 April lalu, dua orang rakyat Brunei telah didapati mempunyai suhu badan yang tinggi, semasa pemeriksaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei selepas kembali dari negara-negara terjejas iaitu Kanada dan Republik Singapura.

Oleh
Haji Ahmad HS

Beliau seterusnya menambah seperti garis pandu yang ada, kedua-dua wanita itu dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di ibu negara dengan menggunakan ambulans khas untuk pemeriksaan lanjut di Pusat Pemeriksaan SARS.

Semasa pemeriksaan itu menurutnya, mereka didapati tidak memenuhi semua kriteria untuk aspek suspek atau 'probable' SARS, iaitu kriteria yang diberi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Walau bagaimanapun ujarnya mereka telah dibenarkan balik ke rumah dan dari surveilans lanjut yang dikendalikan oleh Bahagian



DR. Pengiran Haji Hishamuddin menjelaskan kepada media mengenai dua orang rakyat Brunei di-khabarkan dijangkiti penyakit SARS. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Kawalan Penyakit, mendapati mereka dalam keadaan sihat dan tidak mempunyai suhu panas badan yang tinggi ataupun sebarang tanda-tanda penyakit SARS.

"Sungguhnya tidak diperlukan, kedua-dua wanita itu telah menjalani kurantun sendiri di rumah untuk 10 hari selepas tiba di negara ini," katanya.

Dalam sidang akhbar itu Dr. Pengiran Haji Hishamuddin juga menjelaskan mengenai kes konteks SARS, di mana katanya kes konteks yang berlaku terhadap seorang warga Singapura masih dalam kurantun di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan setakat ini warga Singapura itu tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda penyakit SARS.

Kajian memajukan Pulau Muara Besar sebagai Pusat Pelabuhan Global

BERAKAS, 29 April. - Kajian akan dibuat bagi kemungkinan memajukan Pulau Muara Besar untuk dijadikan sebagai sebuah Pusat Pelabuhan Global yang berdaya saing dengan memanfaatkan lokasi yang strategik di samping kedalaman air persekitarannya.

Ke arah itu Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) mengumumkan perlantikan firma konsultan Halcrow Group untuk mengendalikan kajian itu yang merupakan sebahagian daripada dua strategi inisiatif lembaga tersebut untuk memulakan proses mempelbagaikan ekonomi negara yang akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Hamid, Pengerusi LKEB ketika mengulas perjanjian bersama Halcrow Group berkata, inisiatif itu sejajar dengan matlamat Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dan usaha LKEB dalam mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, memandangkan berlakunya beberapa perubahan besar dalam pembangunan industri-industri pelabuhan dan perkapalan kebelakangan ini maka adalah bertepatan dan mustahak bagi kajian itu dilaksanakan untuk menilai setiap cabaran serta peluang yang ada melalui pembangunan tersebut dan bagaimana negara ini harus mempersiapkan dirinya untuk memanfaatkan faedah-faedah yang terbuka.

Hasil daripada kajian akan memuatkan analisis trend pasaran pengangkutan kontena global, penilaian terperinci bagi kemungkinan menjadikan Pulau Muara Besar sebagai Pusat Pelabuhan Global yang berdaya saing, mengenal pasti dan

pemilihan bentuk-bentuk pembangunan di pulau tersebut serta perakuan bagi penglibatan sektor-sektor swasta.

Kajian itu bermula pada bulan Mei ini dan dijangka siap dalam masa empat bulan di mana hasilnya nanti akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, perwakilan tetap, dewan perniagaan dan pihak swasta pada bulan September nanti.

Semasa mengulas perkembangan itu Awang John Perry, Ketua Pegawai Eksekutif LKEB menyatakan berbesar hati memperoleh khidmat Halcrow Group sebuah konsultan kejuruteraan terkemuka antarabangsa yang mempunyai rekod prestasi dalam pembangunan pusat pelabuhan global seumpama itu.

"Satu penilaian yang bebas untuk memajukan Pulau Muara Besar adalah sangat penting dalam jangka masa panjang khususnya untuk membangun projek-projek yang mampan dan mempunyai asas yang kukuh," ujarnya.

Sementara itu ketika melahirkan rasa amat bangga atas perlantikan bagi pengendalian kajian tersebut, Pengarah Pelabuhan bagi pihak Halcrow Group, Richard Clarke berkata, tahun-tahun kebelakangan ini memperlihatkan beberapa perubahan besar dalam corak industri perkapalan termasuklah perubahan trend ke atas saiz kapal yang mana akan memberi peluang kepada negara ini untuk menempatkan diri dalam kemajuan industri itu.

"Melalui pengalamannya yang luas, Halcrow Group yakin akan dapat memberi sumbangan besar kepada strategi mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam," tegasnya.



Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-China Mengenai SARS

Liputan Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh Harun HR

KERJASAMA ASEAN - CHINA MUSTAHAK BAGI ATASI PENYAKIT

SARS

BANGKOK, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kerjasama di antara ASEAN dengan Republik Rakyat China adalah mustahak bagi masa depan rantau ini terutama dalam mencegah merebaknya wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

Baginda bertitah menekankan bahawa kedua-dua belah pihak perlu bertukar-tukar maklumat yang mustahak dan bekerjasama dalam membendung dan mencegah penyakit SARS dan seterusnya mengenal pasti langkah-langkah yang berkesan untuk dilakukan bersama.

Kerjasama seumpama itu, tegas baginda, adalah mustahak dalam meningkatkan rasa keyakinan orang ramai dan memberi jaminan kepada mereka

bahawa masalah ini dapat diatasi.

Baginda bertitah demikian semasa berangkat menyertai para pemimpin ASEAN dalam perjumpaan bersama Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wen Jia Bao di Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-China Mengenai SARS yang diadakan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, petang ini.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan di sini, di akhir Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-China Mengenai SARS, para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik Rakyat China telah mengeluarkan sebuah kenyataan bersama yang antara lain mengukuhkan kerjasama ASEAN-China untuk membendung merebaknya penyakit SARS di rantau ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik Rakyat China yang menghadiri Mesyuarat Khas SARS.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dialu-alukan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra (atas).

BAGINDA dan para pemimpin ASEAN dan Republik Rakyat China semasa berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang disempakan oleh Perdana Menteri Thailand (kanan).

Berangkat ke Majlis Santap Malam

BANGKOK, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik Rakyat China malam tadi berkenan berangkat ke

Majlis Santap Malam yang disempakan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra yang diadakan di Vithes Samosorn, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Thailand.

Para pemimpin ASEAN yang lain terdiri daripada Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Hun Sen; Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith; Pemangku Perdana Menteri Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi; Perdana Menteri Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam, Tuan Yang Terutama Phan Van Khai.

Keberangkatan tiba baginda dan para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wen Jia Bao di majlis itu dialu-alukan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan para Menteri Luar ASEAN yang lain juga berangkat sama di majlis itu.

Para pemimpin ASEAN dan Republik Rakyat China berada di sini bagi menghadiri Mesyuarat Khas ASEAN-China Mengenai SARS yang diadakan selama sehari di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Thailand dalam usaha menangani penyakit berkenaan.



BAGINDA dan para pemimpin ASEAN sejezus berangkat masuk bagi Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa berangkat menghadiri Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) di Vithes Samosorn, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Thailand (kanan).



SUASANA semasa baginda bersama para pemimpin ASEAN menghadiri Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Korn Dabbaransi sejurus sebelum berangkat balik di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Thailand sambil disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Mohd. Yunus.



BAGINDA bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

Kebawah DYMM berangkat balik

BANGKOK, 30 April. - Teruk (SARS).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat meninggalkan Bangkok selepas menghadiri Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN dan Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-China Mengenai Sindrom Pernafasan Akut

Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Korn Dabbaransi dan para pegawai kanan Kerajaan Thailand, Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lt. Sunthorn Niyomyath; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Mohd. Yunus bin Haji

Mohd. Hussien dan para pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Bangkok berada di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Thailand, Don Muang bagi mengucapkan selamat berangkat.

Sejurus sebelum berangkat, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Semasa Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), satu Deklarasi Bersama telah dikeluarkan yang memperingkatkan lagi kerjasama ASEAN dan tindakan bersama untuk membendung dan mencegah merebaknya SARS.

Deklarasi itu menyatakan bahawa para pemimpin ASEAN telah mengenal pasti beberapa langkah yang perlu untuk mencegah merebaknya SARS di dalam dan di luar rantau ini.

Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-China Mengenai SARS juga mengeluarkan kenyataan bersama yang akan mengukuhkan lagi kerjasama di antara ASEAN dan China. Dalam kenyataan itu, kedua pihak bersetuju untuk bertukar maklumat yang mustahak dan pengalaman serta cara-cara memperbaiki

Liputan
Abd. Karim HAB
Gambar-gambar
oleh Harun HAR

langkah-langkah mengawal dan mencegah merebaknya SARS.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri juga berangkat sama ke mesyuarat khas itu.

Turut sama dalam rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dan para pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan.

rn, Bangkok, Thailand
April 2003



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra bersama seorang delegasi ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-China Mengenai SARS di Bangkok.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri beramah mesra bersama Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa doa selamat dibacakan sejurus sebelum keberangkatan balik.

BAGAI-BAGAI perkara yang mulanya kita tidak terfikir, tetapi selalu sahaja ada di hadapan dan terpaksa pula dihadapi, kalau tidak ianya bakal membawa banyak kemungkinan termasuk kesesahan bahkan mengancam nyawa seperti terjadinya macam-macam penyakit. Usaha dan upaya manusia yang dibekalkan dengan akal yang sempurna dengan ilmu yang sempurna untuk kesejahteraan manusia sejagat akan tidak berhenti-henti menghadapinya dengan tabah pada mendapatkan penawar, sebab setiap penyakit itu, ada ubatnya, tinggal ganya lagi, kita harus mencari, mendapatkannya dan menggunakannya.

Selain daripada usaha demi usaha itu, kita disuruh agar tidak berputus asa. Selaku umat Islam yang yakin dan percaya atas kekuasaan Allah Yang Tiada Sekutunya, kita digalakkan agar senantiasa berdoa untuk kesejahteraan umat manusia agar terhindar dari segala macam penyakit, kesesahan dan kemelatan baik yang diakibatkan oleh mala petaka alam, kerakusan dan kedurjanaan manusia sendiri dan demikian juga kerana keangkuhan dan kekufuran yang seolah-olah mencabar Maha Perkasa Allah, Maha Pencipta dari segala yang boleh mencipta. Sesungguhnya 'Kun-Fayakun' itu adalah hanya teruntuk bagi Maha Suci Allah Yang Maha Menjadikan dan Mematikan.

Maka itu, dilihat kepada pelbagai penyakit yang terjadi sejauh ini, baik dahulu mahupun sekarang, sama ada orang yakin atau tidak, bahawasanya semua itu adalah lebih merupakan peringatan (kalau pun mungkin ada yang tidak mahu menganggapnya sebagai amaran) supaya kita lebih waspada agar tidak bakal 'terlompah' pagar yang dilarang' kerana Janji Allah terhadap akibat yang bakal diterima adalah amat buruk. Berbahagialah bagi mereka yang beriman.

Maka itu, kiranya ada yang berfikir demikian, itulah juga yang berlaku di masa yang sudah-sudah apabila pelbagai usaha telah dilakukan untuk terlepas dari 'bala' yang menimpa. Orang dahulu mudah sahaja menerima kejadian sesuatu yang memusykilkan itu terutamanya penyakit dan menganggapnya 'bala' yang juga diertikan sebagai akibat dari kemurkaan Allah Subhanahu Wataala.

Di sebalik itu, ada pula yang menganggap kejadian-kejadian seperti itu sebagai 'rahmat Allah' yang lebih memberi erti tentang betapa perlunya 'bersabar' sambil meningkatkan ketakwaan. Selain dari mencari ubat-ubatan tradisi, ubat-ubatan biasa dan pelbagai lagi ikhtiar lain, mereka jua mengambil sikap menerusi amalan keagamaan seperti bersembahyang hajat dan doa tolak bala, membaca Surah Yaasin berjemaah, bersedekah (sama ada dalam bentuk wang dan makanan harian - yang bukan sahaja kenduri-kendara), menjamu anak-anak yatim, anak dagang, fakir miskin dan orang-orang yang susah,

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

DUNIA MODEN PENYAKIT MODEN

terutamanya kepada guru-guru mengaji dan yang mengajar hal-hal yang berkaitan dengan ilmu agama seperti 'mengaji sifat' (sifat dua puluh atau mengaji usul - sekarang Usulluddin).

Dalam menerima segala kejadian yang berat seumpama itu, selain daripada berikhtiar, kita diajar supaya mengurangkan atau mengawal terdetusnya keluhan atau keputusan, kerana ianya dikuatir akan boleh saja menyusut-turunkan darjah keimanan apa lagi jika ianya sudah dipupuk sejak sekian lama, inilah antara lunas penting bila ianya dikaitkan dengan keperibadian 'orang beragama' yang akan senantiasa digandungi dengan pelbagai ikhtiar bila berhadapan dengan sesuatu yang sulit, tidak terkecuali terhadap sesuatu yang berupa gugatan atau ancaman terhadap diri sendiri, menggugat kemakmuran dan kesejahteraan hidup, baik ia berupa pendapatan atau rezeki mahupun tahap kesihatan yang mengim-bangkan sama ada terus hidup atau pulang menyahut panggilan Allah Yang Maha Pengasih.

'Sabar dan ikhtiar adalah dua lunas yang amat berharga dalam hidup manusia'. Ini adalah antara yang pernah kita ikuti dalam beberapa pesan nasihat dari guru-guru dahulu. Pesan begini juga selalu kita temui dalam tulisan-tulisan sastera lama seperti syair dan hikayat. Budaya hidup orang dahulu pun akan senantiasa digambarkan oleh pesan-pesan yang boleh membentuk sikap yang demikian bahkan perkataan 'sabar dan tawakal' adalah seumpama sama garam hidup orang dahulu. Di dalam 'tawakal' itu adalah juga 'ikhtiar' yakni usaha dan cara bertindak dengan tidak melupakan kekuasaan Allah Yang Maha Pencipta terhadap sesuatu yang diciptakan itu, biarpun ada tangan-tangan manusia yang melakukannya namun 'kalau ia jadi, maka jadilah ia, atas kehendak-Nya jua'. Sebab, setiap sesuatu itu ada dengan hikmatnya, hanyasanya, perlulah melihat kemanfaatannya sama ada kita berupaya atau tidak, namun kita disuruh berusaha dengan bersenjatakan kesabaran. Lagipun, kita selalu diperingatkan betapa kesabaran itu merupakan sebahagian daripada iman, dan juga penjaga diri dari melakukan sesuatu yang melampaui kemurnian lalu menurut kehendak, yang tidak mesti hanya dalam soal-soal 'birahi' tetapi juga dalam soal-soal yang lain yang boleh merosak kemurnian itu sendiri, apa lagi yang boleh

menawarkan bahaya-bahaya penjejasan umat yang perlu beribadah.

Selain daripada disebutkan di atas itu, orang dahulu ada-ada saja ikhtiar yang dilakukan oleh mereka termasuklah apabila ditimpa oleh penyakit yang ganjil-ganjil atau yang dikatakan oleh orang sekarang ini sebagai penyakit misteri, umpamanya dirasuk syaitan, dari ilmu-ilmu hitam, dari pugai-memugai, dari pantak dan ranggau, dari penanggalan atau tuju-tuju, akibat dari melampaui kawasan yang 'ditatangi', akibat dari kalangkahan, kesurukan, akibat dari melanggar pantang larang, akibat dari 'isim' (bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disalahgunakan) dan mungkin ada lagi yang di luar kemampuan jangkauan pengetahuan kita. Selain daripada itu, soal-soal yang berkaitan dengan 'racun buat-buat' juga tidak terkecuali yang menyebabkan berlakunya penyakit yang sukar diubati kecuali dengan dukun yang tahu akan lubuknya dan demikian juga dengan penyakit 'jangkit-jangkitan' yang boleh dipindah-pindah yang lain daripada penyakit-penyakit yang biasanya disebut sebagai penyakit berjangkit seperti yang diketahui oleh dunia perubatan moden seperti taun, ketumbuhan, cacar selain dari jenis-jenis penyakit yang menurun seperti batuk kering dan kencing manis dan penyakit jantung. Itulah yang selalunya ditanyakan oleh doktor-doktor dahulu yang ingin tahu sejarah seseorang pesakit tentang jenis-jenis penyakit yang pernah dihidapi oleh sama ada bapa atau ibu pesakit. Mungkin keadaan sekarang juga begitu. Maka ikhtiar pengobatan terhadap penyakit-penyakit yang dihidapi dahulu itu terdapat banyak cara mengikut zaman mereka. Selain dari perubatan biasa melalui sama ada Rumah Sakit dan ubat-ubatan yang boleh dibeli di kedai-kedai ubat termasuk selepas berjumpa dengan tabib-tabib Cina, cara orang kita juga ada berbagai-bagai tetapi atas 'nasihat dukun'. Kalau tabib-tabib Cina menawarkan ubat-ubatan dari ramuan-ramuan tumbuhan, organ-organ binatang yang dikeringkan, akar-akar kayu, gula batu, sira takang dan banyak lagi, maka orang kita atau 'dukun' di kalangan orang Melayu kita pula akan menggunakan cara yang lain seperti dengan cara 'bertuturan' atau disebut juga dengan cara 'berhantu', tawar-menawar dan jampi-menjampi. Ubat-ubatan tradisi dan ramuan-ramuan di hutan

seperti daun-daunan, akar-akar kayu, tumbuh-tumbuhan, mandi-mandian termasuk menggunakan wasai-wasai yang tertentu, telaga-telaga yang tertentu, bahkan ada juga penyakitnya yang diubati dengan cara 'mandi aying pelacahan' dan mungkin ada lagi yang belum kita tahu sehingga sekarang. Bagi mereka yang sedang mengkaji hal begini, elok benar dibuat secara bersungguh-sungguh kerana ianya amat berguna, yang bukan setakat untuk pengetahuan umum dan kepentingan studi bahkan ianya masih menyangkut kepada aspek-aspek budaya, seni, daya fikir, memanfaatkan alam semula jadi, dunia mistik, bahasa, muzik dan alat-alat muzik tradisi, alai dan tari, nyanyi dan lagu serta irama, pakaian dan perhiasan dan banyak sudah lain yang perlu diperhatikan secara pendekatan yang lebih terperinci. Sebab, sebahagian daripada cara pengobatan yang demikian itu, sama ada sekarang ini masih terpakai atau sebaliknya, masih sukar ditentukan apa lagi cara 'berdukun' dan 'berbohoh' atau yang seumpama itu masih dipersetujui sebagai pengobatan alternatif atau cara lain daripada pengobatan biasa. Dulu memang lain caranya, dan sekarang adalah juga lain cara, pendekatan dan praktiknya yang tujuannya adalah untuk lebih berkesan dan untuk sembuh, kalau boleh sembuh serta-merta - itulah yang dimahukan oleh orang yang sakit.

Sekarang seluruh dunia sedang bergelut untuk menangani dan menghapuskan serangan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) bermula di Cina sejak November, 2002. Menurut berita itu, seramai 148 orang di seluruh China telah meninggal dunia akibat SARS dan menjangkiti lebih 3,300 lagi sejak virus itu dikesan pertama kalinya di Guangdong akhir tahun lalu, manakala seluruh dunia, SARS sudah mengorbankan lebih 400 jiwa dan lebih 5,750 lagi dijangkiti dan Beijing dikatakan sebagai kawasan yang paling teruk terjejas. Dengan yang demikian, langkah berjaga-jaga adalah amat perlu dan negara kita tidak terkecuali untuk berusaha sama, dengan upaya yang ada agar wabak yang menakutkan itu dapat dihalang dari meningkat apa lagi merebak ke kawasan-kawasan yang bebas daripadanya. Kita sama-sama berdoa semoga akan segera dipertemukan penawar yang mujarab untuk menumpaskan wabak yang membimbangkan itu. Apa yang penting sekarang ini, selain dari berserah ke hadrat Allah Yang Maha Pelindung, maka adalah juga perlu pada mematuhi nasihat-nasihat yang senantiasa diberikan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, sementara di pihak yang bertanggungjawab itu pula, kita perlu harga-menghargai sebarang usaha yang dilakukan mereka, kerana tugas mereka adalah untuk kebaikan semua. Hanya dengan seia dan sekata, maka yang berat akan menjadi ringan dan yang sulit akan menjadi mudah, dan yang senang itu adalah sesama kita jua.

Jenayah penyeludupan dan perdagangan manusia dan jenayah transnasional

Brunei memperkenalkan undang-undang ketat

BERAKAS, 1 Mei. - Negara Brunei Darussalam tidak mengalami masalah mengenai jenayah penyeludupan dan perdagangan manusia serta jenayah transnasional kerana undang-undang ketat yang diperkenalkan berhubung kait dengan hal-ehwal imigresen, apa lagi kerjasama padu dari semua agensi penguatkuasaan undang-undang yang giat memantau dan melakukan pembersihan secara berterusan di darat dan perairan negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika ditemu bual PELITA BRUNEI selepas menghadiri Persidangan Menteri-menteri Serantau Bali Kali Ke-2 mengenai Penyeludupan dan Perdagangan Manusia serta yang berhubung kait dengan Jenayah Transnasional, di Lapangan Terbang Antarabangsa.

"Apa yang perlu ialah tentang keperluan kita untuk memperbaiki dan mengemaskini undang-undang yang sedia ada terutamanya sekali dari aspek penyeludupan manusia," tambah Yang Mulia.

Di persidangan dua hari itu, para menteri telah



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI selepas menghadiri Persidangan Menteri-menteri Serantau Bali Kali Ke-2 Mengenai Penyeludupan dan Perdagangan Manusia dan Jenayah Transnasional. - Gambar oleh Masri Osman.

menekankan bahawa penyeludupan manusia dan penghijrahan secara haram dalam bentuk lain adalah masalah sejagat yang melibatkan negara-negara asal, persinggahan dan negara yang dituju yang berpunca dari aspek-aspek ekonomi, sosial dan politik.

Justeru para menteri turut bersetuju bahawa kemiskinan, perbezaan pencapaian ekonomi, pelu-

ang-peluang pasaran buruh dan konflik merupakan punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kejadian penyeludupan manusia di merata dunia dan perlu ditangani secara komprehensif dan kerjasama.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, para menteri yang bersidang menekan-

kan keselamatan sempadan merupakan bahagian utama dalam menentukan keselamatan negara dan sejagat di mana sebarang bentuk kerjasama hendaklah diasaskan kepada pemahaman bahawa setiap negara mempunyai hak kedaulatan dan kepentingan yang sah untuk membentuk dan menguatkuasakan undang-undang yang sendiri bagi menangani isu penyeludupan manusia.

Para menteri turut mengesyorkan supaya setiap negara meningkatkan perhatian untuk menyelesaikan punca utama penghijrahan haram dan mencari pemahaman komprehensif terhadap isu itu dan penyelesaiannya yang melibatkan kerjasama bilateral, multilateral, serantau dan antarabangsa.

Setiap negara juga disarankan untuk meningkatkan usaha dengan berkesan bagi membasmi penyeludupan manusia termasuk cara mewujudkan undang-

Oleh
Samli HJ

undang yang telah berkuat kuasa bagi menjadikan aktiviti tersebut sebagai satu kesalahan jenayah.

Dua kumpulan pakar yang telah ditubuhkan sebelum ini juga dialu-alukan mengadakan pelbagai aktiviti untuk membincangkan isu-isu bagi meningkatkan kerjasama secara berkesan di peringkat antarabangsa dan serantau bagi membantu negara-negara yang terlibat untuk mengukuhkan lagi amalan-amalan pembuat dasar, aturan-aturan undang-undang dan penguatkuasaan.

Antara perkembangan yang dicapai oleh kumpulan pakar itu ialah penubuhan website serantau yang berfungsi sebagai forum bagi pertukaran maklumat di kalangan negara-

negara terlibat.

Kumpulan itu juga mengenal pasti langkah-langkah perlu bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah berkenaan bagi mengelakkan penghijrahan secara haram, penyediaan maklumat dan undang-undang bagi membantu kerajaan untuk menyedikan dan menguatkuasakan undang-undang tempatan.

Pelbagai langkah juga diperkenalkan bagi memperbaiki tatacara pengesahan pengenalan dan pemeriksaan dokumen perjalanan, di samping adanya pengukuhan jaringan kerja dan kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang di negara masing-masing.

Menyedari mengenai hasil-hasil positif yang telah dicapai sejauh ini, para menteri telah bersetuju supaya proses di Bali diteruskan dengan penerusan kerja-kerja yang dilak-

sanakan oleh kedua-dua kumpulan pakar dan melaksanakan kesesuaian pelan-pelan tindakan yang telah disediakan bagi memerangi penyeludupan manusia dan jenayah-jenayah transnasional yang berkaitan.

Persidangan dua hari itu telah diadunai oleh Mesyuarat Peringkat Pegawai-pegawai Kanan yang diwakili oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman.

Persidangan yang di-pengerusi oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia dan Australia itu disertai oleh seramai 28 orang menteri daripada 32 buah negara serantau dan wakil daripada 'United Nations High Commission For Refugees', 'International Organisation For Migration' serta wakil 27 buah negara dan pertubuhan antarabangsa selaku pemerhati.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika menyampaikan anugerah kepada seorang pegawai Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang telah berkhidmat selama 25 tahun di Majlis Malam Gala dan Pelancaran Perancangan Strategi Baru RBA. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.

16 Pelan Strategi RBA dilancarkan

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 25 April. - Sejumlah 16 pelan strategi telah dilancarkan dalam rancangan pembangunan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) bagi tempoh 10 tahun akan datang dengan jumlah pelaburan sebanyak \$1.12 bilion.

Antara pelan strategi itu termasuklah pembelian pesawat baru bagi tempoh 2002 hingga 2008 dengan nilai pelaburan sejumlah B\$324 juta di mana RBA juga akan melabur sejumlah B\$730 juta bagi pembelian pesawat baru untuk menggantikan pesawat 767-300 bagi tempoh 2008 hingga 2013.

Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Peter Foster di Majlis Malam Gala dan pelancaran pelan strategi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif juga menyatakan RBA akan melabur sejumlah \$56.8 juta dalam tempoh 2003/4 yang melibatkan pelbagai alat-alat

sistem hiburan dalam pesawat, meningkatkan keparas maksima ketika berlepas bagi tiga daripada empat pesawat dan latihan teknikal pesawat Airbus.

Dalam pelan itu, RBA juga melebarkan lagi sayapnya dengan melancarkan perkhidmatan baru kepada beberapa negara

iaitu Auckland, Tokyo, Seoul, Sydney dan Bandaraya Ho Chi Minh tahun 2003 hingga 2005.

Di samping itu, RBA juga akan memulakan penerbangan terus-menerus antara Frankfurt dan Bangkok, antara London dan Negara Brunei Darussalam dalam tahun ini dan 2004.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair yang juga selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menyampaikan anugerah kepada seorang pegawai RBA yang telah berkhidmat selama 20 tahun. - Gambar oleh Masri Osman.

Menteri-menteri serantau bincang masalah penyeludupan

BALI, 29 April. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Diraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof menyetujui delegasi Negara Brunei Darussalam ke Persidangan Bali Kedua Menteri-menteri Serantau Mengenai Penyeludupan dan Perdagangan Warganegara Asing dan Jenayah Transnasional yang berlangsung di Bali, Republik Indonesia.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, persidangan tersebut diadakan bagi membincangkan cadangan-cadangan kumpulan pakar 'Ad-Hoc' dalam meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa.

Bagi kumpulan pakar 'Ad-Hoc II' perbincangan berkisar mengenai peningkatan kerjasama antara

Oleh
Siti Aishah HS

agensi-agensi penguatkuasa undang-undang dalam menangani isu penyeludupan dan perdagangan warganegara asing serta jenayah transnasional yang berkaitan.

Manakala Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin mengetuai delegasi mesyuarat ke peringkat pegawai-pegawai kanan pada 28 April yang lalu.

Ahli-ahli delegasi yang lain ke persidangan tersebut ialah Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, para pegawai kanan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Pasukan Polis Diraja

Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Siaran akhbar itu juga menyatakan persidangan di antara Dewan Bahasa dan Pustaka bersama lapar orang penulis tempatan berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

DBP tandatangani perjanjian dengan lapar penulis

BERAKAS, 28 April. - Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara Dewan Bahasa dan Pustaka bersama lapar orang penulis tempatan berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim ketika mengalu-alukan penulis-penulis tempatan termasuk Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Oleh
Bolhassan HAB

Awang Badaruddin antara lain berkata, DBP juga akan menerbitkan enam buah buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan.

Buku karya Yang Dimuliakan yang berjudul 'Padi Hemat Saya' merupakan sebuah antologi perseorangan berasaskan

kepada pandangan dan pendapat peribadi penulis.

Sementara buku ilmiah karya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid adalah mengenai Perkembangan Persekolahan Agama di Negara Brunei Darussalam dari tahun 1956 hingga 1984.

Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa karya Dr. Haji Maimun Aqsha merupakan sebuah buku ilmiah Muslim Burmat dan karyanya : Satu Analisis Statistik tesis Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhammad.

Tiga buah novel yang berjudul 'Kembali Mengabdi' karya Pengiran Omar bin Pengiran Haji Othman, sebuah novel remaja, 'Kota Kaca' dihasilkan oleh Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Raden dan 'Tiada Lagi Perjalanan' ditulis oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Muhammad.

Majlis yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perlantikan pertukaran dan penetapan lapar pegawai

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik, menetapkan dan pertukaran bagi beberapa orang pegawai. Mereka ialah Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditukar ke Kementerian Kewangan dalam jawatan yang sama mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003; Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, Pengarah Penyelidikan dan Perancangan di Jabatan Perkhidmatan Awam dilantik sebagai Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003 dan Awang Abdul Majid bin Alias, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia di Jabatan Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Setia ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003.

Awang Johan Thani bin Abdullah, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ditetapkan dalam jawatan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003; Awang Haji Mohammad bin PADP Haji Abdullah, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan di Jabatan Belia dan Sukan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Belia dan Sukan di Jabatan Belia dan Sukan mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003 dan Pengiran Sabri bin Pengiran Haji Mohammad, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perkhidmatan Bomba ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003.

Pengiran Haji Tejudin bin Pengiran Puteh, Penolong Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di Jabatan Kerja Raya ditukar ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003 dan Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohamad, Pegawai Pentadbir Tingkat I di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditukar ke Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam jawatan yang sama mulai 29 Safar 1424/1 Mei 2003.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN, JABATAN KERJA RAYA (KUALA BELAIT)

UNIT PENGURUSAN BANGUNAN (Bahagian I)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	'Respond' (tindak balas) kepada aduan (Pemeriksaan akan dibuat selepas menerima aduan)	5 hari
2.	Kerja-kerja 'Direct Labour' Penyiapan ('straight forward cases') (Selepas pemeriksaan, kerja-kerja membaiki akan dilaksanakan)	5 hari
3.	Kerja-kerja Sebut Harga 3.1 Penaksiran kos kerja dan persediaan sebut harga (selepas pemeriksaan, kerja-kerja menyediakan dokumen seterusnya untuk ditawarkan)	15 hari
	3.2 Sokongan Sebut Harga ('straight forward cases') (Penelitian sokongan sebut harga dilaksanakan selepas sebut harga ditutup)	3 hari
	3.3 Penyediaan akaun sebut harga terakhir ('straight forward cases') (Selepas perakuan siap kerja praktikal)	20 hari

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

12 RABIULAWAL 1424
14 MEI 2003

*...Islam kini memang sedang diuji,
umat Islam sedang diajak dan dipengaruhi untuk mengasingkan diri
dari ajaran-ajaran Islam yang sebenar,
yakni sedang didorong ke arah tindakan-tindakan yang menyalahi ajaran-ajaran Allah.
Jika perkara ini tidak segera disedari,
maka umat Islam akan semakin terpinggir dan lemah.*

*Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al- Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saibuddien Sa'adul Khairi Alhaddien*

*Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam,
Pada hari Sabtu 12 Rabiulawal 1423 bersamaan 25 Mei 2002*



DITERBITKAN OLEH : JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

6/2003

TAKAFUL IBB Berhad adalah sebuah syarikat tempatan yang memberikan perkhidmatan perlindungan berlandaskan hukum Syariah. Ia ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1957 dengan kebenaran khas daripada Kementerian Kewangan. Mula beroperasi satu dekad yang lalu pada 13 Zulkaedah 1413H bersamaan dengan 5 Mei 1993, Syarikat Takaful IBB Berhad merupakan syarikat takaful yang pertama memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dengan memberikan beberapa perlindungan keperluan asas antaranya Takaful Kenderaan dan Rumah Kediaman. Menurut Tataurusyen Syarikat, Takaful IBB Berhad mempunyai modal yang dibenarkan berjumlah B\$20 juta dan modal yang berbayar berjumlah B\$10.2 juta.

Kaunter dan Pejabat pertama Takaful IBB Berhad terletak di tingkat 3 dan 4, Bangunan IBB Lama, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan. Sekarang syarikat ini mempunyai 11 buah cawangan dan Kaunter Takaful di seluruh negara termasuk sebuah cawangan dan satu-satunya pejabat atau cawangan takaful atau insurans yang beroperasi di Daerah Temburong.

SUMBER TENAGA MANUSIA

Pada awal penubuhannya operasi harian takaful IBB Berhad dilaksanakan oleh 11 orang anak tempatan terdiri daripada empat orang pegawai dan tujuh orang kakitangan. Seiring dengan perkembangannya yang pesat, alhamdulillah Takaful IBB Berhad sekarang dapat membuka peluang pekerjaan yang stabil kepada seramai 67 orang rakyat dan penduduk negara ini.

Memandangkan industri takaful dan insurans merupakan satu industri yang sangat mencabar dan menghadapi persaingan yang kompetitif, Takaful IBB Berhad mempunyai warga kerja terdiri daripada pegawai-pegawai lepasan atau graduan daripada universiti dan institusi tinggi tempatan dan luar negeri. Mereka telah diberikan latihan intensif dan khusus (specialist) dalam bidang masing-masing bagi meningkatkan tahap profesionalisme dan memperluaskan pengetahuan dan pengalaman kerja.

STRUKTUR ORGANISASI BARU

Takaful IBB Berhad diterajui oleh sebuah Lembaga Pengarah yang berwibawa dan mempunyai pengalaman yang luas dan diketuai oleh seorang Pengerusi. Lembaga Pengarah ini berperanan untuk memberikan hala tuju dan merangka dasar-dasar perniagaan yang dapat menjurus kepada kejayaan cemerlang syarikat.

Sementara pengurusan dan pentadbiran harian syarikat dipertanggungjawabkan kepada seorang Pengarah Urusan yang dibantu oleh Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar. Bagi membolehkan pentadbiran berkesan dan efisien, Takaful IBB Berhad telah dibahagikan kepada lima bahagian yang diketuai oleh seorang Pengurus Kanan. Bahagian-bahagian tersebut

adalah Bahagian Takaful Am, Bahagian Takaful Keluarga, Bahagian Kewangan, Bahagian Penilaian dan Perundangan dan Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan. Kesemua bahagian tersebut mempunyai jabatan-jabatan dan unit-unit tertentu bagi membolehkan pemberian dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan.

KONSEP TAKAFUL

Perniagaan Takaful diurus atas konsep Al-Takaful yang bererti saling jamin-menjamin antara satu sama lain. Berasaskan konsep ini, syarikat takaful mewujudkan satu sistem di mana satu rancangan disediakan bagi perlindungan bersama di antara para peserta atas rasa perpaduan, tanggungjawab dan perhubungan persaudaraan. Di dalam rancangan perlindungan tersebut, para peserta berpakat dan bersetuju untuk sama-sama menanggung sesama mereka jika ditakdirkan berlaku apa-apa kerugian atau kehilangan akibat ditimpa musibah atau tragedi seperti bencana, malapetaka, kematian, kemalangan dan seumpamanya.

Konsep Al-Takaful ini dapat direalisasikan melalui perakuan oleh para peserta yang bersetuju bahawa bayaran sumbangan atau caruman takaful dibuat atas niat tabarru'. Tabarru' ertinya menderma atau membuat kebajikan dengan reda untuk tujuan berbakti atau membantu. Selain itu, perniagaan takaful juga dilaksanakan atas prinsip al-Mudharabah, di mana para peserta merupakan tuan puanya wang (sahibulmal) yang menyerahkannya kepada syarikat takaful siapa yang bertindak sebagai pengusaha (mudharib).

Dengan prinsip tabarru' ini, setiap peserta bersetuju bahawa sebahagian daripada sumbangan atau caruman takaful yang dibayarnya sebagai balasan kepada penyertaan dalam apa-apa khidmat takaful. Kumpulan wang ini akan digunakan oleh syarikat takaful untuk menyediakan sejumlah wang sebagai bantuan kewangan yang menyamai perolehan manfaat tuntutan yang dibayar kepada mana-mana rakan peserta yang menderita kerugian atau kehilangan akibat ditimpa sesuatu musibah.

TAKAFUL IBB BERHAD SEJARAH PENUBUHANNYA

TAKAFUL IBB BERHAD BERKEMBANG MAJU (Sumbangan Takaful IBB Berhad)

SISTEM kewangan Islam sama ada perbankan, skim perlindungan dan sebagainya mendapat sambutan dan kepercayaan bukan sahaja dari umat Islam malah masyarakat berbagai bangsa dan agama. Ia dapat dilihat dari perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh institusi-institusi kewangan Islam di merata dunia seperti Perbankan Islam, Takaful dan lain-lain.

Di negara ini institusi kewangan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Berhad (IBB), Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) mengalami perkembangan yang amat menggalakkan. Institusi-institusi kewangan Islam tersebut malah mampu bersaing dengan institusi-institusi kewangan konvensional yang lain.

TAKAFUL IBB Berhad misalnya merupakan salah sebuah institusi perlindungan Islam berjaya dan berkembang pesat di negara ini sepanjang 10 tahun penubuhannya (5 Mei 1993). Ia kini menyediakan pelbagai produk perlindungan mengikut hukum syarak. Sempena penubuhannya disiarkan rencana mengenai sejarah penubuhan dan perkembangannya.

Memandangkan apa yang dilakukan dengan sumbangan takaful yang dibayar oleh tiap-tiap peserta itu adalah nyata dan dijelaskan pula dalam akad, maka tiada lagi timbul unsur 'ghharar' (tidak jelas) yang boleh mengharamkan akad. Selain daripada itu, oleh kerana perolehan manfaat tuntutan yang dibayar kepada peserta yang malang adalah datangnya daripada sejumlah wang yang terkumpul daripada pemberian tabarru', maka unsur maisir (perjudian) yang juga boleh mengharamkan akad tidak lagi timbul.

PRODUK-PRODUK TAKAFUL

Sejak ditubuhkan Takaful IBB Berhad telah memberikan pelbagai produk bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan yang berubah bentuk dan meningkat dari masa ke semasa. Di awal penubuhannya produk Takaful IBB Berhad terhad kepada 11

sahaja tetapi setelah 10 tahun beroperasi jumlah produk yang ditawarkan meningkat kepada 20 jenis produk iaitu 10 produk Skim Takaful Am dan 10 produk bagi Takaful Keluarga.

PRODUK TAKAFUL AM

Produk-produk Takaful Am menyediakan perlindungan kepada para pelanggan bagi menghadapi bencana-bencana yang mungkin berlaku ke atas harta benda yang dimiliki oleh seseorang peserta seumpama bangunan, rumah atau kenderaan. Selain dari itu terdapat juga produk Takaful Am yang menyediakan perlindungan ke atas liabiliti dari segi perundangan yang biasa ataupun yang lazim diperlukan oleh organisasi atau institusi perniagaan.

* Skim Takaful Kenderaan Bermotor

Produk ini menyediakan manfaat perlindungan



BANGUNAN baru Takaful IBB Utama yang baru dirasmikan di ibu negara terletak bersebelahan Bangunan Bank Islam Brunei Berhad (IBB).

komprehensif atau pihak ketiga bagi kenderaan bermotor persendirian atau komersil jika berlaku kemalangan atau kecurian.

* Skim Takaful Kebakaran

Produk ini menyediakan manfaat perlindungan ke atas bangunan atau harta benda jika berlaku kebakaran, letupan atau kerosakan akibat bencana alam.

* Skim Takaful Kemalangan Diri/Berkelompok

Skim ini memberi manfaat perlindungan takaful kepada peserta sekiranya mengalami kecederaan tubuh badan disebabkan oleh kemalangan luaran, kekerasan

dan perbuatan yang nyata. Skim ini memberi manfaat perlindungan 24 jam sehari semalam dan meliputi seluruh dunia.

* Skim Takaful Tanggungan Awam

Skim ini menyediakan perlindungan takaful bagi bertujuan melindungi tanggungan peserta jika mereka bertanggungjawab di sisi undang-undang sehingga menyebabkan pihak ketiga mengalami kecederaan tubuh badan atau kerugian.

* Skim Takaful Pampasan Pekerja

Skim ini menyediakan manfaat perlindungan takaful kepada pekerja-pekerja peserta di bawah Akta Pampasan Pekerja Negara Brunei Darussalam. Pampasan yang diberikan akan meringankan lagi bebanan yang akan ditanggung oleh majikan jika berlaku kematian atau kecederaan tubuh badan akibat kemalangan ke atas pekerja-pekerjanya.

* Skim Takaful Semua Risiko

Skim ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada peserta bagi hartanya seperti alat-alat perabot pejabat, komputer dan lain-lain sekiranya hilang, rosak ataupun musnah akibat daripada ben-

cana seperti kebakaran, kerosakan akibat kemalangan atau kecurian.

* Skim Takaful Wang

Skim ini memberikan manfaat perlindungan takaful kepada peserta ke atas wang yang disimpan dalam perjalanan ke destinasi yang ditentukan. Skim ini menyediakan dua jenis perlindungan iaitu Wang Dalam Perjalanan dan Wang Dalam Premis.

* Skim Takaful Bon

Skim ini merupakan satu bentuk kontrak yang berbentuk satu Jaminan Takaful yang diberikan kepada pihak tertentu untuk menerima tanggungjawab dalam mematuhi kontrak dari satu pihak yang lain jika terjadi kegagalan pihak kontraktor dalam memenuhi syarat-syarat kontrak.

* Skim Takaful Musafir

Skim ini memberi perlindungan kepada peserta semasa dalam pelayaran mereka ke luar negeri sama ada untuk berniaga, beristirehat, melawat saudara-mara ataupun berbulan madu. Skim ini antara lain memberi perlindungan kemalangan diri, perbelanjaan perubatan, kehilangan bagasi dan sebagainya.

Bersambung



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan menyampaikan sijil lantikan Penghulu Mukim Kuala Belait kepada Awang Haji Pungut bin Ali.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan merasmikan papan tanda kediaman Penghulu Mukim Kuala Belait.

Jaga kebersihan sebagai budaya hidup

Berita dan gambar-gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

kampung.

"Sesungguhnya kawasan-kawasan rumah, kampung dan mukim yang bersih, cantik dan indah serta bebas dari pencemaran itu sememangnya mempunyai banyak kemanfaatan dan faedah bukan sahaja dari aspek kesihatan, kesejahteraan malah daya tarikan yang akan dapat membantu dalam menaikkan nama, imej kampung dan mukim itu sendiri khasnya dan negara amnya," kata Yang Mulia di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Pungut bin Ali yang diadakan di rumah beliau di Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan di sini.

Yang Mulia menambah dengan adanya Projek Kawasan Taman Peranginan (Lagoon) yang begitu indah dan cantik yang telah siap dibina oleh pihak kerajaan dengan kos perbelanjaan yang begitu besar di Mukim Kuala Belait, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat di mukim berkenaan khasnya dan penduduk daerah ini amnya memastikan kemudahan tersebut digunakan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya dan persekitarannya sentiasa bersih.

Selain itu agama Islam sendiri kata Yang Mulia memang jelas menitikberatkan mengenai perlunya menjaga kebersihan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman.

Oleh itu Yang Mulia menyarankan agar menjadikan kebersihan itu sebagai cara hidup, budaya dan amalan orang Brunei untuk menjadikan bukan

sahaja rumah, kampung dan mukim bahkan negara supaya sentiasa bersih dan bebas dari pencemaran demi untuk kesihatan dan kesejahteraan semua.

Selain itu selaras dengan peranan penghulu dan ketua kampung sebagai mata, telaga dan lidah kerajaan, Yang Mulia menyeru mereka supaya sentiasa peka dan proaktif dalam memantau secara berterusan mengenai kejadian yang mencurigakan atau masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, kes jenayah, kegiatan penyeludupan barang yang ditekong atau dikawal oleh undang-undang, kemiskinan pendatang tanpa izin dan sebagainya untuk dilaporkan kepada agensi penguat kuasa agar perkara berkenaan dapat ditangani dengan secepatnya.

"Dalam usaha mengelakkan kegiatan antisosial di kalangan belia remaja, ibu bapa adalah memainkan peranan yang utama dalam memata-matai, memeduli dan juga ingin tahu tentang aktiviti atau tingkah laku anak-anak biskita bukan sahaja di dalam rumah bahkan di luar rumah bagi memastikan mereka ini tidak terlibat dengan kegiatan seumpama itu," ujar Yang Mulia.

Perkara ini tambah Yang Mulia bukan semata-mata menjaga nama baik keluarga bahkan memastikan belia berakhlak mulia serta akan menjadi aset yang amat berharga kepada negara.

Kata Yang Mulia bagi memastikan segala program yang dirancang itu berjalan dengan teratur dan menepati cita rasa anak-anak kampung khususnya kaum belia adalah perlu bagi penghulu

dan ketua kampung sering mengadakan permuakarah bersama mereka yang berkenaan bagi memastikan segala program yang akan diumumkan itu menepati sasarannya dan mendapat sokongan yang penuh dari anak-anak buah kampung dan mukim.

Menyentuh mengenai tugas jawatan penghulu mukim, Yang Mulia menegaskan bahawa tugas tersebut bukanlah boleh diambil mudah malah memerlukan komitmen yang jitu, penuh beribawa, prihatin, penuh pemedulian dan tanggungjawab kepada masyarakat yang dipimpinnya.

Ini kerana masyarakat yang dipimpinnya menaruh harapan yang tinggi kepada beliau untuk membawa mereka ke arah keadaan yang lebih baik, bersatu padu dan harmoni dalam masyarakat berkampung, kata Yang Mulia.

Sementara itu Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah pada majlis itu juga telah menyampaikan ucapan-nya dengan menyaran mereka yang memegang jawatan penghulu supaya memahami secara mendalam mengenai peranan dan tugas yang telah diamanahkan kepada mereka.

"Salah satu ciri seorang penghulu atau ketua kampung yang dikehendaki ialah mempunyai kualiti seorang pemimpin terutama yang boleh mencapai matlamat untuk memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk dari masa ke semasa," katanya.

Beliau menambah kualiti seorang pemimpin itu akan lebih terserlah apabila berjaya melaksanakan matlamat tersebut dalam keadaan persekitaran yang serba mencabar, bersaing dan tidak menentu.

Awang Haji Pungut bin Ali, berusia 61 tahun sebelum ini memegang jawatan Ketua Kampung Pandan selama enam tahun. Beliau memegang jawatan Penghulu Mukim Kuala Belait selama setahun bagi menggantikan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Mohammad Said yang telah bersara dari perkhidmatannya. Awang Haji Pungut dilantik menjadi Penghulu pada 20 Mac lalu. Mukim Kuala Belait mempunyai keluasan 725,396 kilometer persegi dengan keramai penduduk 34,175 orang dan bilangan rumah sebanyak 10,527 buah.

Ibu bapa, guru dapat pahala didik anak-anak

KUALA BELAIT, 26 April. - Pegawai Pelajaran Agama, Jabatan Pengajian Islam Kuala Belait, Ustazah Hajah Norlia berharap ibu bapa supaya sentiasa bekerjasama dengan guru-guru bertanggungjawab mendidik anak mereka yang masih memerlukan bimbingan.

Katanya ibu bapa dan guru-guru akan sama mendapati ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wataala apabila mereka memberikan didikan yang baik dan sempurna kepada anak-anak mereka sehingga menjadi anak yang salih dan salihah.

Berucap pada Majlis Peraduan Azan Subuh dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait Ke-15 beliau menambah peraduan tersebut akan dapat melahirkan generasi yang membesar dengan

suasana yang sempurna serta mempunyai akhlak yang mulia dan taat perintah Allah.

Selain itu katanya peraduan tersebut juga membolehkan murid-murid berani tampil di khalayak ramai dan menggalakkan mereka mengamalkan laungan azan sebelum memulakan sembahyang fardu lima waktu dan dapat menghadapi bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dengan baik dan lancar.

Sebanyak 13 buah sekolah rendah menyertai peraduan tersebut yang bertujuan memupuk dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama dengan menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan azan yang diadakan di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin di sini.

Johan Peraduan Azan Subuh, Abdul Rauf bin

Jawawi dari Sekolah Rendah Kuala Belait; naib johan, Hazwan Hamizan bin Haji Haminuddin dari Sekolah Rendah Sungai Liang dan di tempat ketiga, Mohd. Afiq Aizuddin bin Rosali dari Sekolah Rendah Tunas Jaya PGGMB.

Manakala johan Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim, Nabilah binti Haji Mohd. Naim dari Sekolah Rendah Sungai Liang; naib johan, Norsalihah binti Haji Osman dari Sekolah Rendah Lumut dan Nurul Nahdiah binti Abdullah Sani dari Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin di tempat ketiga.

Pengerusi majlis, Cikgu Abdullah bin Namit dalam ucapan alu-aluannya berharap guru-guru, ibu bapa dan murid-murid akan dapat menghayati semangat cintakan Al-Quran

bagi mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan melibatkan diri murid dalam kegiatan yang bercorak keagamaan serta mengasah bakat dan kebolehan mereka.



PEGAWAI Pelajaran Agama, Jabatan Pengajian Islam Kuala Belait, Ustazah Hajah Norlia menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim.

Liputan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM
dan Hamadi HM

BERAKAS, 30 April.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda kajian telah menunjukkan bukti kukuh bahawa sistem kesihatan yang berasaskan prinsip-prinsip pemuduhan kesihatan adalah selamat dan lebih efektif dalam mencapai objektif kesihatan yang baik dan lebih berkesan dalam mengumpul jumlah perbelanjaan kesihatan.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, penjagaan kesihatan asasi adalah perlu mendapat keutamaan dan kepentingan dalam sistem penjagaan kesihatan di negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Penganugerahan Diploma Lepas Ijazah Penjagaan Kesihatan Asasi di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, adalah perlu bagi Kementerian Kesihatan menitikberatkan secara berterusan mengenai pentingnya penyediaan perkhidmatan klinikal yang bermutu tinggi kepada pesakit di semua peringkat.

Menyentuh mengenai dengan peranan doktor, Duli Yang Teramat Mulia bersabda mereka memainkan peranan penting dalam memberikan penjagaan kesihatan asasi kepada pesakit sesuai dengan peranan mereka di barisan hadapan.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia lagi, adalah penting mempunyai doktor dan pembantu kerja yang terlatih kerana ianya amat penting dalam memastikan penyediaan dan penyelenggaraan penjagaan yang bermutu tinggi dalam perkhidmatan kesihatan.

Oleh itu perancangan yang kukuh dan efektif dalam mengem-

Utamakan penjagaan kesihatan asasi

bangkan Sistem Penjagaan Kesihatan Asasi dengan doktor dan pembantu kerja yang berkemahiran diberi keutamaan.

Duli Yang Teramat Mulia merasa yakin bahawa Kementerian Kesihatan akan terus dan giat berusaha untuk memperbaiki kualiti dan mutu perkhidmatan klinikal yang mereka sediakan terutama dalam mengembangkan bidang penjagaan kesihatan asasi.

Di majlis itu seramai 12 orang doktor telah menerima diploma masing-masing setelah menamatkan kursus mereka selama 3 tahun di mana tiga darinya telah dianugerahkan seba-

gai penerima Anugerah Terbaik.

Terdahulu dari itu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ke majlis itu dijunjung oleh Menteri Pendidikan selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Kursus yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Sekolah Perubatan Hospital St. George's dan Universiti Brunei Darussalam mula dilancarkan pada 9 Februari 2003 merupakan mercu tanda kejayaan dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Inisiatif yang diungkapkan ini merupakan sebahagian dari proses ke arah meningkatkan dan hala tuju dalam mengembangkan lagi peranan sistem penjagaan kesihatan asasi Kementerian Kesihatan di negara ini.

Selain itu kursus ini juga merupakan salah satu matlamat yang terkandung dalam Rancangan 10 Tahun Penjagaan Kesihatan Kebangsaan yang memberi keutamaan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menyaksikan pameran dan seterusnya mengabadikan kenangan melalui sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengabadikan kenangan melalui sesi bergambar ramai bersama para penerima Diploma Lepas Ijazah Penjagaan Kesihatan Asasi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menganugerahkan Diploma Lepas Ijazah Penjagaan Kesihatan Asasi kepada dua orang doktor yang telah menamatkan kursus di bidang Penjagaan Kesihatan Asasi selama tiga tahun (atas dan bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan pameran mengenai penjagaan kesihatan asasi yang dipamerkan sempena Majlis Penganugerahan Diploma Lepas Ijazah Penjagaan Kesihatan Asasi (atas dan kanan).



BKN tahan 49 orang dipercayai terlibat dadah

GADONG, 30 April. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam 'Operasi Bersih' telah berjaya menahan 49 orang yang dipercayai terlibat dengan dadah.

Operasi besar-besaran itu dilancarkan oleh pasukan BKN dengan membuat penyerbuan ke 32 tempat kediaman dan tempat-tempat yang dipercayai tempat berkumpul penagih-penagih dadah pada awal pagi tadi sehingga tengah malam semalam.

Dalam sidang akhbar hari ini bersama media tempatan, Penolong Pengarah Cawangan Pelaksana dan Risiko BKN, Awang Haji Ahmad bin Metassan menjelaskan, mereka yang ditahan terdiri daripada 42 orang lelaki dan tujuh

Oleh
Aliddin HM

perempuan yang kebanyakannya warga tempatan.

Operasi yang dilancarkan di tiga buah daerah negara ini iaitu Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait membabitkan 90 orang anggota dari cawangan-cawangan BKN dan dibahagikan kepada 12 pasukan di bawah arahan Pengarah dan Timbalan Pengarah BKN dan diperintah oleh Penolong Pengarah Cawangan Pelaksana dan Risiko BKN, Awang Haji Ahmad bin Metassan.

Beliau berkata, dari hasil penyiasatan dan pemeriksaan lanjut, empat orang di-

tahan untuk disiasatkan di bawah kesalahan mengedar dadah, manakala 42 orang lagi ditahan atas kesalahan memakan dadah dan tiga orang dibebaskan setelah ujian contoh air kencing mereka tidak mengandungi sebarang jenis dadah yang terkawal.

Sementara yang lain masih ditahan bagi tujuan penyiasatan dan dibebaskan dengan ikat jamin atau akan dihadapkan ke mahkamah pada hari ini (30 April).

"Kebanyakan penagih-penagih yang ditangkap dalam operasi itu adalah orang-orang yang sudah pernah ditangkap dan dijatuhi hukuman sebelumnya," jelas beliau.

Dengan tertangkapnya

penagih-penagih dadah ini katanya, akan dapat mencapai matlamat di dalam pengurangan bekalan dan permintaan (supply and demand reduction), di samping meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya di kalangan pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah bahawa kegiatan mereka sentiasa dipantau dan mereka tidak akan terlepas dari tindakan undang-undang.

Dari bulan Januari hingga 29 April tahun ini, BKN menangkap 226 orang yang terlibat dengan kegiatan dadah berbanding 293 orang pada tempoh yang sama pada tahun lepas.

Beliau turut menekankan perihal pentingnya pemimpin masyarakat khususnya para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung lebih peka terhadap kegiatan anak buah kampung masing-masing dalam membebaskan negara ini daripada ancaman dadah.

Kebanyakan dadah yang dirampas adalah jenis syabu dan sejumlah kecil dadah kodein serta sejumlah wang tunai dan lain-lain yang dipercayai hasil dari pengedaran dadah.

Biro Kawalan Narkotik di dalam usahanya membanteras kegiatan dadah di negara ini akan meneruskan operasinya ke kawasan-kawasan di seluruh negara dari masa ke semasa.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan hormat Pemerintah Tentera Udara Republik Filipina, Leftenan Jeneral Nestor Reyes Santillan. - Gambar oleh Masri Osman.

Timb. Menteri Pertahanan terima kunjungan hormat

Oleh Bolhassan HAB

BERAKAS, 24 April. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith telah menerima kunjungan hormat Jeneral Pemerintah Tentera Udara Republik Filipina, Leftenan Jeneral Nestor Reyes Santillan di sini.

Sejurus selepas kunjungan yang berlangsung di Bolkia Garison, Leftenan Jeneral Santillan telah diiringi oleh Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Kolonel (U) Haji Mahmud

bin Haji Saidin.

Lawatan pengenalan selama dua hari itu adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan dua hala dan kesefahaman yang lebih baik dalam bidang pertahanan serta mengadakan latihan ketenteraan khususnya di antara Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Udara Republik Filipina.



PENOLONG Pengarah Cawangan Pelaksana dan Risiko Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Ahmad ketika menjelaskan kepada media tempatan mengenai 'Operasi Bersih' Biro Kawalan Narkotik (BKN). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

WI anjur tiga pertandingan sempena ulang tahun keputeraan Kebawah DYMM

BERAKAS, 30 April. - Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 bagi Daerah Brunei dan Muara melalui Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) menganjurkan tiga pertandingan untuk orang ramai.

Tiga pertandingan itu ialah Peraduan Mengarang Esei Mengenai Kebersihan Sampah Sarap dan Alam Sekitar, Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap dan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup.

Peraduan Mengarang Esei dibuka kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini bagi Daerah Brunei dan Muara sahaja dan dibahagikan kepada empat kategori iaitu kategori A penuntut sekolah menengah atas dan pusat tingkatan enam dan kategori B penuntut sekolah vokasional dan maktab termasuk Universiti Brunei Darussalam.

Sementara itu kategori C terbuka kepada ahli-ahli

Oleh
Abdullah Asgar

persatuan wanita dan persatuan belia yang berdaftar secara rasmi, manakala kategori D khas untuk orang ramai.

Dalam taklimat media di Jabatan Penerangan oleh Yang Dipertua WI, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali menjelaskan pihak penganjur telah menyediakan lapan tajuk pilihan bagi Peraduan Mengarang Esei.

Katanya, tajuk-tajuk esei tersebut ialah kaitan kebersihan dan pencemaran alam sekitar dan kebersihan manusia, kaitan pengurusan sampah sarap dengan perlindungan alam sekitar, tanggungjawab bersama dalam melindungi alam sekitar, tanggungjawab bersama dalam pembuangan sampah sarap, kebersihan alam sekitar sebagai pendorong kepada pelancong, tugas pihak berkuasa dalam pengurusan pembuangan sampah sarap, perlindungan alam sekitar bagi generasi mas-

depan dan cara-cara yang terbaik dalam pengurusan sampah sarap bagi penduduk/masyarakat/negeri.

Jelasnya, keterangan lanjut dan borang penyertaan boleh diperolehi mulai sekarang dari pihak penganjur dan Jabatan Penerangan di mana tarikh tutup ialah pada 30 September.

Tambahnya, WI telah menyediakan wang tunai untuk dimenangi bagi setiap kategori iaitu kategori A pertama, \$200; kedua, \$150 dan ketiga, \$100 manakala kategori B pertama, \$250; kedua, \$200 dan ketiga, \$150.

Bagi kategori C hadiah pertama \$300; kedua \$250 dan ketiga \$200 manakala kategori D pertama \$400; kedua \$350 dan ketiga \$300.

Sementara bagi Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap dibahagikan kepada lima kategori iaitu rumah perseorangan di darat, rumah perseorangan di Skim Perumahan Negara di darat, rumah perseorangan di Kampong Ayer, landskap dan kebersihan perseki-

tan kampung keseluruhan di darat dan kelima, landskap dan kebersihan persekitaran kampung keseluruhan di air.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan, Jawatankuasa Penganjur, Jabatan Penerangan dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai sekarang dan tarikh tutupnya ialah pada 29 Mei.

Perkara ini dijelaskan oleh wakil Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Kim Hon Bangau semasa taklimat media yang diadakan petang tadi.

Manakala bagi Pertunjukan Bunga-bunga Hidup keterangan lanjut bolehlah diperolehi di Kaunter Jabatan Penerangan mulai sekarang atau dengan menghubungi telefon 2383400.

Tarikh tutup bagi menghantar penyertaan Pertunjukan Bunga-bunga Hidup ialah pada 28 Julai 2003.

CAWANGAN BARU TAP

LEMBAGA Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa sebuah cawangan baru TAP yang beralamat di No. G25, Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkia, Bandar Seri Begawan telah dibuka dan memulakan operasinya bermula 1 Mei 2003.

Menurut Siaran akhbar TAP, cawangan baru ini memberikan perkhid-

matan-perkhidmatan bagi menerima pembayaran caruman melalui cek, perkhidmatan pelanggan dan pertanyaan serta penerimaan borang-borang pendaftaran dan skim pengeluaran.

Siaran itu menjelaskan, langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan TAP kepada para majikan dan ahlinya.



YANG Dipertua Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Datin Hajah Masni menjelaskan mengenai tiga pertandingan anjuran pertubuhan itu sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 bagi Daerah Brunei dan Muara. Juga kelihatan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut. - Gambar oleh Abdullah HAD.

ARENA SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan perlawanan antara Negara Brunei Darussalam dengan TKN Perak. - Gambar oleh Hamadi HM.

Sukan Perpaduan Rakyat eratkan perhubungan

Oleh Samle HJ

PASUKAN Persatuan Belia Kampong Lambak berjaya merebut Piala Pusangan Sumbangan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Sukan Perpaduan Rakyat Mukim Berakas di Kompleks Sukan Berakas pada 27 April lalu.

Ketika merasmikan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan berkata, melihat cara, gaya dan tuntutan kehidupan masa ini membuat kita merasa bimbang kerana manusia semakin hari semakin sibuk mengejar dan memenuhi tuntutan keperluan kehidupan seharian.

"Kesibukan itu sehingga tidak mempunyai masa untuk memberikan perhatian yang sewajarnya kepada keluarga sendiri, jiran tetangga apa lagi untuk menghadiri acara-acara kemasyarakatan," jelasnya.

Beliau berharap, kegiatan sukan akan mengumpul dan mempertemukan pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat untuk saling mengenali, menjalin dan mempererat hubungan silaturahim antara anak-anak kampung serta mukim.

Beliau menambah, melalui kerjasama persefahaman dan jalinan silaturahim yang baik antara semua pihak itu akan dapat mewujudkan dan memelihara perpaduan, ketenteraman dan keselamatan.

"Ia memerlukan kesungguhan, pengorbanan, ketabahan dan semangat kerjasama yang rapat," ujar tetamu kehormat.

Hampir 20 jenis sukan yang berunsurkan riadah dipertandingkan dan disertai oleh pasukan-pasukan yang mewakili dari kampung-kampung kawasan Mukim Berakas.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan turut menyertai acara jalan kaki VIP dan menyam-

paikan hadiah kepada pemenang.

Peraduan tarik kalat, mengupas buah pinang, menendang bola, gergaji kayu, lari bawa piring di atas kepala dan bowling padang antara sukan kerai-an yang menarik pada kejohanan julung kali anjuran Persatuan Belia Kampong Lambak (PERBEKAL).



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan merasmikan Sukan Perpaduan Rakyat Mukim Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Gaya hidup sihat jamin kesihatan

Oleh Aishah HS

GADONG, 25 April. - Kesedaran mengamalkan gaya hidup sihat, memainkan peranan penting dan perlu dilaksanakan secara berterusan untuk menjaga kesihatan badan dan juga bangsa supaya dapat menyumbang ke arah pembangunan negara dengan cara yang lebih berkesan melalui bersukan.

Schubungan itu juga, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam menggiatkan diri mereka dengan mengadakan Ke-

johanan Bulu Tangkis Piala Penaung Kali Ke-7 2003 dan dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali yang berlangsung di Kompleks Sukan Menglaili di sini.

Sebanyak lapan pasukan menyertai kejohanan tersebut yang terdiri daripada perkumpulan

BAKTI, IWC, PERTIWI, Siswazah Wanita, Pandu Puteri, PGMB, PELITA dan Perkumpulan WI.

Kejohanan pada kali ini diselenggarakan dan diungkuhkan oleh WI, salah satu persatuan wanita dinamik dan diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh komitmen dan bertolak

ansur sambil tegas dalam peraturan dan undang-undang perlawanan.

Kejohanan tersebut antara lain bertujuan untuk mengimbangi berat badan dan pergerakan fizikal bagi mengurangkan risiko kepada satu pertiga dari beberapa jenis penyakit kanser serta menambah kualiti kehidupan dengan status kesihatan yang baik.



PASUKAN-PASUKAN yang menyertai Kejohanan Badminton Piala Penaung merakamkan gambar kenangan sejour pembuka rasmi oleh Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajah Masni. - Gambar oleh Hamadi HM.

SKUAD NEGARA TERLEPAS PELUANG

Oleh Haji Ahat HI

KEMENANGAN yang dikejar, seri pula yang dapat. Begitulah episod perlawanan bola sepak Liga Perdana 2 Malaysia dengan Skuad Negara hanya mampu seri 1 - 1 dengan

TKN Perak pada perlawanan terakhir pusingan pertama di Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Keputusan seri itu amat menghampakan semua pihak, dan dalam masa yang sama pula menjejaskan jurang kedudukan carta liga untuk Skuad Negara terus bersaing mencapai tangga atas.

TNK Perak yang menduduki tangga terbawah liga bukanlah saingan yang mencabar sebaliknya pula telah mempamerkan semangat kental dan berjaya memanfaatkan kesempatan untuk membawa pulang satu mata berharga.

Skuad Negara yang dilihat nampak yakin menyingkirkan pasukan pelawat itu menguasai permainan sepenuhnya dengan mendahului 1 - 0 melalui tandukan Fadlin Gelawat, hasil hantaran kiri Shahruil Rizal.

Selepas mendahului 1 - 0, Skuad Negara terus menerus melakukan asak-

an bertali arus ke pintu gol pasukan pelawat melalui gandingan penyerang Afini Yati Tuah bersama Awangku Mohd. Shahrom, namun segala percubaan itu tersasar keluar dan dihadap oleh penjaga gol Azlan Mohd. Salleh.

Melihat kepada keketatan pertahanan pasukan pelawat itu Mark William Tomas pula sekali-sekala naik membantu penyerang namun usaha itu juga gagal dan sebaliknya, pasukan pelawat pula hampir menjaringkan gol dari gerakan Mohammed Zaidi.

Pada separuh masa kedua, Skuad Negara bermain lebih menggempur pasukan TNK Perak dan ketua pasukan mereka, Aidi Rizal bersama Sharin Saoud dan Albert Mani

lebih bijak mengawal keadaan.

Sedang permainan dikuasai oleh Skuad Negara dari pelbagai sudut, pasukan pelawat pula berjaya melakukan serangan mengejut pada 15 minit terakhir permainan melalui Mohammed Zaidi yang bergerak secara solo di tengah dan menewaskan dua pertahanan sebelum merembat masuk menewaskan penjaga gol Alizanda Sitom.

Jaringan penyamaan itu menyedarkan jurulatih Zainuddin Haji Kasim untuk melakukan pertukaran, begitupun ianya tidak memberikan apa-apa perubahan sebaliknya TNK Perak berhasil menyekat tuan rumah dari meraih kemenangan.



FADLIN Gelawat menjaringkan gol tunggal Skuad Negara, bagaimanapun TKN Perak berjaya menyamakan kedudukan sehingga kedudukan terikat seri 1 - 1. - Gambar Hamadi HM.

Tarik kalat ATPBDB

UNIT Khidmat Pemuliharaan Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) akan mewakili ATPBDB dalam Perlawanan Tarik Kalat Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Unit tersebut muncul juara dalam kategori ringan 70 kilogram ke bawah dan berat 70 kilogram ke atas di Perlawanan Akhir Tarik Kalat ATPBDB pada 24 April lalu di Bolkiah Kem.

Pada perlawanan akhir di antara Unit Khidmat Pemuliharaan dengan Khidmat Keselamatan bahagian ringan 70 kilogram ke bawah Khidmat Pemulha-

raan menang mudah dengan dua tarikan, manakala perlawanan akhir bagi berat badan 70 kilogram ke atas Khidmat Pemuliharaan pula mengalahkan Khidmat Logistik/Hiburan juga dua tarikan.

Enam unit-unit mengambil bahagian dalam perlawanan itu yang diadakan sejak awal bulan ini sebagai persiapan awal bagi peringkat ABDB dan perediaan peringkat kebangsaan yang akan diadakan dalam bulan Julai nanti.

Menyampaikan hadiah ialah Timbalan Pemerintah ATPBDB, Letenan Kolonel Haji Abdul Ghani bin Haji Abdul Wahab.

ARENA SUKAN

Lt. Kol. (B) Hj. Ibrahim rangkul Piala Kejohanan Golf

JERUDONG, 27 April. - Piala rebutan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 menjadi milik Leftenan Kolonel (B) Haji Ibrahim apabila menjadi juara keseluruhan acara gross, Perlawanan Golf yang berlangsung hari ini di Royal Brunei Golf and Country Club di sini.

Manakala di tempat kedua acara gross ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohd. Saifullah dan ketiga disandang oleh Haji Abdul Aziz bin Md. Kassim.

Juara keseluruhan acara nett pula disandang oleh Pengiran Haji Mohd. Ayub,

Oleh
Haji Ahmad HS

kedua dimenangi oleh Pengiran S. Hassan Al-Haj dan tempat ketiga oleh Awang Jeffery Shim.

Sementara divison-divison dalam acara nett pula, Divison 'A' dijuarai oleh Hamzah bin Abu Hassan. Divison 'B' dimiliki oleh Awang Moxin Junaidi dan Frederick Wong menjuarai dalam Divison 'C'.

Perlawanan sehari itu disertai oleh 90 orang pemain golf tempatan.



LEFTENAN Kolonel (B) Haji Ibrahim menjuarai Kejohanan Golf Sempena Hari Kebangsaan Ke-19 yang berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club Jerudong. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Perkhidmatan Perubatan juara sepak takraw berpasukan



SALAH seorang pemain melakukan tandukan tinggi dalam Perlawanan Akhir Kejohanan Sepak Takraw Berpasukan Kementerian Kesihatan antara Pasukan Perkhidmatan Perubatan dengan Hospital Temburong merebut piala sumbangan Dr. Haji Affendi. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 April. - Pasukan Perkhidmatan Perubatan muncul juara di Kejohanan Sepak Takraw Berpasukan Kementerian Kesihatan merebut piala sumbangan Dr. Haji Affendi setelah menewaskan Pasukan Hospital Temburong di perlawanan akhir di Dewan Kompleks Sukan Hospital RIPAS di sini.

Kemenangan yang dicapai oleh Pasukan Perkhidmatan Perubatan melalui kemenangan dua regu itu cukup memaksa para pemainnya menggunakan kemahiran serta pengalaman yang ada setelah diberi tentangan yang cukup sengit oleh pasukan lawan.

Ini jelas terbukti apabila kemenangan yang mereka capai itu bukanlah seperti memenangi mudah yang diharapkan apabila kedua-dua pasukan yang mewakili Perkhidmatan Perubatan itu dipaksa bermain dalam set penentuan.

Pada perlawanan regu pertama, Perkhidmatan Perubatan yang mencapai kemenangan mudah di set pertama dengan 15 - 8 dikejutkan di set kedua apabila ditumpaskan dengan kiraan 17 - 18 sekalipun pada awalnya menunggalkan dengan kiraan 14 - 6, namun menguasai perlawanan di set ketiga dengan kiraan 15 - 13.

Dalam perlawanan regu kedua kebangkitan Pasukan Hospital Temburong di awal permainan belum cukup menguji kemantapan pemain Pasukan Perkhidmatan Perubatan sekalipun memaksa untuk bermain dalam set penentuan, namun mereka tetap akur dengan keputusan setelah tewas dengan kiraan 15 - 13, 11 - 15 dan 15 - 8.

Kegagalan pasukan Hospital Temburong dalam acara berpasukan tetap tidak melemahkan semangat mereka apabila muncul juara antara regu setelah mendapat kemenangan mudah ke atas Pasukan Perkhidmatan Kejururawatan melalui straight set.

Dengan kiraan 15 - 10 dan 15 - 11 cukup mengubat pasukan itu untuk membawa pulang piala dan hadiah yang menjadi rebutan kepada enam buah pasukan yang mengikuti perlawanan.

Hadir menyaksikan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Affendi.

Bersukan elak kegiatan negatif

PARA penuntut disaran supaya sentiasa memenuhi masa lapang dengan me-

lakukan kegiatan yang berfaedah seperti bersukan bagi mengelakkan diri dari-

pada penyalahgunaan dadah atau kegiatan pemugut.

Pegawai Pemerintah Balai, Balai Bomba Muara, Awang Haji Salleh bin Haji Ludin ketika membuat saranan itu menjelaskan, dengan melakukan perkara-perkara yang mendatangkan faedah akan dapat menghindarkan diri penuntut daripada kegiatan negatif.

Beliau menjelaskan melalui laporan akhbar dan televisyen terdapat golongan belia atau pelajar terjejak dengan kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan salah satu cara untuk menghindarkannya ialah menyertai kegiatan sukan dan beriadah.

"Oleh itu janganlah buat perkara-perkara yang tidak memberi faedah seperti melepak di tempat-tempat tertentu ataupun melakukan perkara-perkara yang ber-

tentangan dengan undang-undang negara seperti penyalahgunaan dadah," katanya semasa merasmikan Temasya Sukan Tahunan Ke-7 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri, di Padang Jabatan Belia dan Sukan.

Menyentuh mengenai perbuatan pemugut yang merosakkan kemudahan awam pula beliau menasihati mereka agar menghentikan perbuatan tersebut serta menghargai kemudahan yang disediakan oleh pihak tertentu.

"Perbuatan pemugut seperti merosakkan telefon awam, tandas, pondok perhentian bas, dinding bangunan dan segala macam kemudahan dan diconteng-

conteng dengan warna dan tulisan yang kurang baik perlu diberhentikan segera kerana ianya merugikan semua pihak," katanya.

Pada Temasya Sukan Tahunan sekolah itu, Pasukan Rumah Maharaja muncul juara keseluruhan dengan merangkul sejumlah 45 pingat dengan 19 pingat emas, 13 perak dan 13 gangsa, manakala juara persembahan perbarisan disandang oleh Rumah Pehin dengan memperolehi markah 83 peratus.

Temasya lima hari ini disertai kira-kira 200 pelajar dari pasukan-pasukan Pehin, Datu, Seri dan Maharaja dan pada hari terakhir pula mempertandingkan 10 acara lelaki dan wanita.

Pelumba Brunei menyerlah di Miri

Oleh
Abdullah Asgar

PELUMBA-PELUMBA basikal dari Negara Brunei Darussalam terus cemerlang dengan menyapu bersih semua kategori di Second Soon Hup Borneo Mountain Bike Challenge Trophy yang diadakan di Ladang Soon Hup Sungai Rait di Miri pada 26 April lalu.

Kecemerlangan pelumba-pelumba Negara Brunei Darussalam diperolehi melalui Chung Kwee Ming dengan menjuarai Kategori Expert dengan menerima piala rebutan, wang tunai RM500.00 dan piala iringan yang disampaikan oleh Pengerusi Soon Hup Group, Yang Berbahagia Peter Chin.

Chung Kwee Ming mencatat masa 1 jam 01 minit 50 saat pada empat pusingan dengan setiap pusingan sejauh lima kilometer. Beliau mengalahkan 23 orang pelumba yang lain.

Manakala Chiew Chiew Lie di tempat ketiga yang tiba lebih tujuh minit kemudian dengan menerima wang tunai RM100.00, kategori ini disertai pelumba-pelumba dari Kuching yang pernah mewakili Sarawak di SUKMA lalu yang diduga menjuarai perlumbaan selain pelumba-pelumba dari Miri, Sibul, Bintulu, Limbang dan Kuala Lumpur.

Sementara bagi Kategori Sports yang disertai oleh 55 orang pelumba juga disapu bersih oleh tujuh peserta Negara Brunei Darussalam yang dijuarai Mohd. Rafi Udin menerima wang tunai RM300.00 bersama piala iringan dengan catatan masa 32 minit 50 saat; kedua, Muhd. Nurazizul Awang menerima RM200.00 dan ketiga, Sonadey Abdul Jalil menerima RM100.00.

Juga berjaya ialah Muhd. Halid Satta di kedudukan keempat, Mohd. Sukairi Abdul Rahman keenam, Abdullah Asgar ketujuh dan Moslan Haji Kurus kesepuluh. Mereka menerima peralatan sukan bernilai RM60.00. Kategori ini diperlukan menamatkan dua pusingan pada laluan yang sama digunakan Kategori Expert.

Manakala Kategori Veteran 40 Tahun Ke Atas juga dijuarai oleh peserta Negara Brunei Darussalam yang disandang oleh Zakaria Haji Bakar dengan catatan masa 18 minit 36 saat menerima wang

tunai RM300.00 dan kedua Haji Oslu Haji Md. Nor dengan catatan masa 15 minit 50 saat menerima wang tunai RM200.00. Mereka hanya diperlukan menamatkan satu pusingan saja yang disertai oleh 20 orang pelumba.

Kejohanan ini merupakan yang kedua dianjurkan oleh Soon Hup Group. Kejohanan tahun lalu telah dijuarai oleh Chiew Chiew Lie dan tempat ketiga Reduan Yusof.

Perlumbaan tahun ini lebih mencabar dengan empat pendakian bukit yang agak curam, begitu juga dengan susunan bukit curam 'zig-zag' malah di setengah tempat, pelumba terpaksa mengangkat basikal kerana menyeberangi longkang besar yang disusuli dengan menolak naik basikal kerana bukit terlalu curam yang melebihi 70 darjah tungsunya pada jarak lebih 70 meter.

Pengunjung tidak menyangka pelumba dari Negara Brunei Darussalam boleh menjuarai di kesemua kategori memandangkan kebanyakan pelumba-pelumba dari Kuching dan Miri yang memang diduga muncul juara, namun atas strategi yang disusun ternyata membuahkan hasil dengan mengemukakan penganjur dan pengurus dari Kuching.



PEGAWAI Pemerintah Balai, Balai Bomba Muara, Awang Haji Salleh bin Haji Ludin menyampaikan piala kepada juara keseluruhan Sukan Tahunan SMPDSM, Mentiri yang dirangkul oleh Pasukan Maharaja yang memenangi 19 pingat emas, 13 perak dan 13 gangsa. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Sukan Ria Kg. Kasat

AHLI-AHLI Pasukan Hadrah dan Dikir Masjid Kampung Kasat telah menganjurkan Sukan Ria Bola Sepak Sembilan Orang Sepasukan dan Tarik Kalat yang terbuka kepada penduduk-penduduk kampung tersebut.

Temasya sukan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim

dan memupuk rasa muhibah di kalangan penduduk itu mempertandingkan acara bola sepak sembilan orang yang disertai oleh empat pasukan dan acara tarik kalat juga disertai oleh empat pasukan termasuk pasukan penduduk kampung.

Penerima hadiah Penjaring Terbanyak disandang

oleh Awang Redzuan bin Haji Chuchu, Pemain Terbaik Belia ialah Awang Fathurrahman bin Penghulu Haji Bakar, manakala Pemain Veteran Terbaik pula disandang oleh Awang Sidup bin Haji Kalong.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor.



TARIK ... Kegembiraan jelas terbayang apabila memenangi Pertandingan Tarik Kalat dalam temasya Sukan Ria bagi penduduk Kampung Kasat, Mukim Lumapas. - Gambar ihsan Jawatankuasa Sukan Ria Kampung Kasat.

SARS jejas pertumbuhan ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mei. - Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) telah menjejaskan sektor-sektor perniagaan, perhotelan, pengangkutan udara, pelancongan dan sebagainya selain mengancam pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

"Sehingga kini jangkitan wabak ini belum lagi menunjukkan tanda-tanda reda. Ia bukan sahaja meragut jiwa, bahkan juga memberi kesan yang teruk kepada kehidupan harian biasa di mana-mana saja," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 di sini.

Terdahulu baginda bertitah bahawa dunia hari ini tidak putus-putus menghadapi pelbagai cabaran yang datang silih berganti dan menimbulkan banyak kebimbangan, terutama sekali kejadian-kejadian tidak diduga yang tiba-tiba menimpa dunia seperti SARS yang sudah lebih sebulan melanda beberapa negara di rantau Asia dan Pasifik.

Baginda seterusnya bertitah di akhir-

Laporan Sahari Akim,
Samle HJ
dan Siti Aishah HS

akhir ini pula, kesan wabak SARS telah mula dirasakan oleh sektor-sektor kewangan serantau dan antarabangsa di mana para pelabur juga mula mengambil langkah berjaga-jaga kerana ada tanda kemerosotan dari sentimen-sentimen pada bursa-bursa saham di rantau Asia.

"Namun alhamdulillah di negara kita kesan-kesan tersebut dapat dikawal dan rakyat serta penduduk masih dapat meneruskan kehidupan harian mereka seperti biasa," titah baginda.

Bagaimanapun baginda bertitah mengingatkan supaya kita tidak boleh leka atau lalai serta perlu merangka strategi dan perancangan untuk menghadapi apa saja cabaran, di samping jangan lupa menumpukan ketakwaan kepada Allah dengan keyakinan bahawa ikhtiar itu di tangan kita, sementara Allah pula penentu yang mutlak.

Perhimpunan, Perarakan Maulud di seluruh negara 14 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN. - Negara Brunei Darussalam akan mengadakan kemuncak sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari Rabu, 12 Rabiulawal 1424 bersamaan 14 Mei 2003 dengan Perhimpunan dan Perarakan yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Perhimpunan dan Perarakan serupa juga akan diadakan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Umat Islam di negara ini adalah dialu-alukan untuk sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan sambutan tersebut.

Sementara itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan Sambutan Maulud tahun ini, telah mengagih-agihkan poster berkenaan kepada kementerian dan jabatan kerajaan di Majlis Penyerahan Poster di jabatan berkenaan semalam, 6 Mei. Jabatan Penerangan telah mencetak 4,000 keping poster dalam dua saiz.


Program Info Belia Daerah Temburong

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan Program Info Belia bagi Daerah Temburong dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dan Jabatan Belia dan Sukan selama empat hari bermula

pada 8 hingga 11 Mei 2003 bertempat di Dewan Muafakat, Jabatan-jabatan Daerah Temburong.

Info Belia bertemakan 'Belia Berilmu Negara Maju' antara lain bertujuan bagi membantu golongan belia lepasan sekolah

menengah/pengajian tinggi yang belum bekerja dengan memberi latihan kemahiran dalam bidang tertentu supaya mereka nanti akan dapat berdikari atau memilih pekerjaan yang bersesuaian baik di sektor kerajaan mahupun sektor swasta.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BINTI AL-MARHUM PENGIRAN PEMANCHA PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM, D.K.M.B., D.K., P.H.B.S.

GAMBAR WAJAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA YANG BARU

GAMBAR wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang baru boleh didapati di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas mulai hari ini.

Gambar wajah tersebut hendaklah digantung atau dipasang bersama-sama dengan gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu di sebelah kiri baginda sebagaimana contoh kedudukan susunan seperti di atas.

Brunei tidak terlibat

BANDAR SERI BEGAWAN. - Satelit Beppo-SAX kepunyaan Agensi Angkasa Itali (Italian Space Agency) yang dijangka pecah di atmosfera pada ketinggian lebih kurang 100 km dari permukaan bumi telah jatuh ke bumi pada 30 April 2003, jam 6.06 pagi, waktu Brunei. Satelit yang digunakan untuk kajian sinar X telah diberhentikan operasinya sejak 30 April 2002 lalu. Satelit ini berukuran 2.4 m x 3.6 m (badan satelit) x 18 m (panel surya) dan mempunyai keberatannya sebanyak 1,400 kg.

Hampir semua satelit itu hangus melainkan 40 pecahan dijangka jatuh ke bumi dengan keseluruhan berat sebanyak 650 kg. Pecahan yang paling besar adalah dianggarkan seberat 120 kg dan pecahan-pecahan ini akan jatuh ke bumi pada kelajuan di antara 60 hingga 460 km/j. Pecahan-pecahan tersebut terdiri daripada stainless steel, titanium dan mengandungi bahan kimia daripada bateri

satelit. Ianya mengandungi bahan-bahan beracun dan membahayakan yang tidak boleh disentuh dan dihidu. Walau bagaimanapun ianya tidak mengandungi bahan radioaktif.

Menurut kenyataan akhbar Kementerian Perhubungan, pecahan itu telah dijangka akan jatuh ke bumi di dalam lingkungan Khatulistiwa (Equator) di antara +4.36° Utara dan -4.36° Selatan. Kawasan ini termasuk bahagian Selatan Negara Brunei Darussalam, terutama di sebelah pedalaman Daerah Belait, Tutong dan Temburong. Walau bagaimanapun, kemungkinan jatuhnya pecahan ini di dalam kawasan Negara Brunei Darussalam adalah sangat tipis.

Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AiTi) melalui Kementerian Perhubungan telah dimaklumkan mengenai perkara ini oleh pihak Kedutaan Besar Republik

Itali di Singapura. Sehubungan dengan itu, satu jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil daripada kementerian-kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perkhidmatan Bomba serta jabatan-jabatan yang berkenaan telah ditubuhkan bagi memantau sebarang kemungkinan jatuhnya pecahan satelit ini ke Negara Brunei Darussalam serta dalam memberikan bantuan jika ianya berlaku. Selain daripada itu, satu talian hotline 199 yang beroperasi daripada 29 April hingga keesokan harinya, telah disediakan untuk memudahkan orang ramai dalam membuat sebarang pertanyaan dan mendapatkan sebarang maklumat lanjut mengenai hal ini.

Pada 30 April 2003 jam 1.50 pagi waktu Brunei, Bilik Operasi Pemantauan Kemasukan Satelit Beppo-SAX Republik Itali telah menerima penge-

sahan bahawa kawasan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkandung di dalam kawasan satelit tersebut akan jatuh. Ini dinyatakan di dalam laporan yang ke-21 oleh Agensi Angkasa Itali yang bertarikh 30 April 2003, jam 12.50 pagi.

Bilik Operasi Pemantauan Kemasukan Satelit Beppo-SAX Republik Itali juga telah menerima satu pengesahan daripada Alberto Dercole, Pegawai Angkatan Tentera Laut Republik Itali, bahawa pecahan Satelit Beppo-SAX telah jatuh di kawasan perairan Lautan Pasifik pada 30 April 2003, jam 6.06 pagi, waktu Brunei. Menurut beliau lagi, lalu-lu kemasukan terakhir pecahan satelit itu meliputi kawasan sepanjang longitude 168° Barat dan berakhir di longitude 100° Barat. Kawasan di mana jatuhnya pecahan satelit ini dikenal pasti di antara latitude 0° Utara dan 4° Utara, kira-kira 400 km daripada Kepulauan Galapagos.

Dari muka I

Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal; Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong; Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam, Tuan Yang Terutama Phan Van Khai dan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra.

Menurut baginda, perhimpunan para pemimpin ASEAN di Bangkok ini adalah satu usaha yang penuh bertanggungjawab dalam menangani krisis SARS.

Semua penduduk ASEAN berperanan cegah SARS

Keyakinan penduduk rantau ini, tegas baginda, perlu dikembalikan. Sehubungan itu, pihak kerajaan berperanan penting memberikan bimbingan dan kepimpinan. Untuk itu, baginda menekankan, ASEAN perlu menunjukkan ianya bersatu sebagai sebuah rantau dengan perkongsian maklumat dan pengalaman untuk mengatasi krisis berkenaan.

Negara Brunei Darussalam, titah baginda, walaupun bebas daripada penyakit SARS, kerajaan baginda telah melakukan langkah-langkah bersesuaian untuk mengesan dan membendung penyakit itu dan bekerja

sama rapat dengan negara-negara jiran.

Terdahulu dari itu, semasa merakamkan penghargaan kepada para menteri kesihatan ASEAN mengenai mesyuarat mereka di Kuala Lumpur sebelum ini, baginda mengakui bahawa Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN itu telah memberikan isyarat yang penting bahawa negara-negara Asia Tenggara bersungguh-sungguh untuk membendung masalah itu dan mengelakkannya daripada terus merebak.

Sementara di awal mesyuarat khas petang tadi, para pemimpin ASEAN telah men-

dengar taklimat Pengarah Eksekutif Penyakit-Penyakit Berjangkit Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr. David Heymann mengenai perkembangan SARS di peringkat serantau dan global.

Di akhir mesyuarat itu, para pemimpin ASEAN telah mengeluarkan deklarasi bersama yang anjara lain menyeru bagi kerjasama yang erat di antara negara-negara ahli ASEAN, WHO dan badan kerjasama antarabangsa yang lain dan mengenal pasti beberapa langkah untuk memberantas merebaknya penyakit yang berbahaya ini.

BANGSA BERILMU NEGARA MAJU BERTERASKAN WAHYU

دتریتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

BAGI memeduli dan atas rasa simpati terhadap golongan yang memerlukan bantuan khususnya kebajikan anak-anak yatim di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui jawatankuasa yang diamanahkan telah menubuhkan 'Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim'.

Penubuhan dana tersebut adalah bersempena dan memperingati Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 10 Ogos 1998 iaitu dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan sembah cadangan YSHHB bagi satu pesambah yang berkekalan dalam bentuk Yayasan Amal untuk ditubuhkan.

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim ditubuhkan dengan titah perkenan baginda di bawah akta yang digelar Akta Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (Penggag 185).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan pelancaran Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-



Anak Yatim pada 25 Ogos 1998 yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong.

Beberapa agensi kerajaan dan swasta, institusi kewangan, badan perniagaan dan per-

usahaan, persatuan dan orang perseorangan telah menyumbangkan sumbangan ikhlas ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk

Menjaga kesejahteraan anak-anak yatim

OLEH BOLHASSAN HAB

dermawan.

PROJEK BANTUAN

Bagi menyalurkan sumbangan-sumbangan yang diterima oleh Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim kepada anak-anak yatim, beberapa projek bantuan telah dilaksanakan, antaranya membuka akaun simpanan untuk anak-anak yatim yang dikenali dengan Akaun Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (Akaun DANA) di institusi-institusi kewangan kepada setiap anak-anak yatim yang berdaftar di Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Pelancaran dan pengurniaan Akaun

DANA telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang telah diadakan pada 30 Ogos 1999 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sememangnya memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk dengan menyediakan skim kepada mereka yang kurang berkemampuan, kurang berupaya serta mereka yang ditimpa musibah.

Perancangan terus dipergiatkan dari masa ke semasa dalam memelihara kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim supaya kehidupan mereka di masa hadapan tidak akan terabai.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah anak-anak yatim yang menerima bantuan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Anak-Anak Yatim.

umur 18 tahun.

DASAR DAN TUJUAN PENUBUHAN

Menghayati konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang taat setia kepada raja, agama dan negara merupakan dasar penubuhannya untuk mengasuh dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran serta berakhlak mulia.

Selain itu dana tersebut merupakan satu amal jariah untuk mempertingkatkan dan mewujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemedulian terhadap anak-anak yatim yang belum mencapai

Tujuan penubuhannya adalah dihasratkan bagi membantu anak-anak yatim untuk mendapatkan asuhan, kepimpinan yang mulia dan pendidikan yang berguna bagi menjadikan mereka warga-negara yang berguna.

Sebagai satu badan yang bertaraf nasional yang memelihara kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim memerlukan sekumpulan wang yang sumbernya adalah daripada sumbangan ikhlas daripada para



NASIB anak-anak yatim terbelas dengan adanya penubuhan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang ditubuhkan pada 25 Ogos 1998.

MENGHAYATI konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang taat setia kepada raja, agama dan negara merupakan dasar penubuhannya untuk mengasuh dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran serta berakhlak mulia.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايي

AKTIVITI-AKTIVITI PENGAJARAN LISAN

KEMAHIRAN bertutur dan mendengar merupakan dua komponen dalam kemahiran lisan. Kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang melibatkan aktiviti penerimaan mesej atau maklumat. Manakala kemahiran pula adalah kemahiran yang melibatkan aktiviti penghasilan maklumat.

Kebolehan untuk mendengar dan bertutur dengan baik serta berkesan penting dalam kehidupan seharian. Seorang pendengar yang baik dapat memahami dan memproses maklumat yang didengarnya dalam sesuatu interaksi. Seseorang penutur yang baik pula dapat menyampaikan perasaan dan pemikirannya dengan tepat dan berkesan dalam interaksi tersebut.

Tegasnya kebolehan untuk memahami dan memproses maklumat yang didengar serta kebolehan untuk bertutur dengan lancar dapat mempengaruhi perkembangan pemikiran seseorang individu. Di samping itu, kemahiran itu juga dapat memperkembangkan kebolehan membaca. Justeru, kemahiran mendengar dan bertutur dianggap sebagai asas untuk perkembangan kemahiran bahasa yang lain iaitu membaca dan menulis.

Kemahiran bertutur amat penting dalam pendekatan pengajaran struktural atau situasi dan komunikatif. Walau bagaimanapun, tanggapan kedua-dua pendekatan ini terhadap kemahiran bahasa adalah berbeza (Siti Hajar Haji Abdul Aziz, 1997:1).

PENTINGNYA AKTIVITI LISAN DALAM PENGAJARAN BAHASA

Aktiviti lisan sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ia diketengahkan dengan tujuan supaya pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran mendengar dan bertutur pada peringkat rendah dan tinggi. Untuk membolehkan para pelajar menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan lebih baik, guru perlu merancang pelbagai aktiviti terlebih dahulu yang dapat melibatkan sepenuhnya kemahiran lisan pelajar.

Andaian yang menyatakan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur tidak perlu diajarkan kepada para pelajar dengan alasan mereka telah dilengkapkan dengan kebolehan tersebut adalah tidak benar sama sekali.

Kebolehan pelajar mendengar dan bertutur lazimnya berada pada tahap yang sangat rendah dan tidak memuaskan sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran untuk mendengar dan menguasai pertuturan. Justeru, beberapa jenis aktiviti lisan akan diterangkan bagi membuka ruang kepada para guru merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti lisan di dalam bilik darjah bagi mempertingkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar.

AKTIVITI-AKTIVITI PENGAJARAN LISAN

Ada banyak jenis aktiviti dalam pengajaran lisan seperti syarahan, perbincangan, deklamasi puisi, bercerita, perbincangan, berlakon, menyanyi, bercakap berdasarkan gambar, kuiz dan lain-lain lagi.

Kertas kerja ini akan diterangkan beberapa jenis aktiviti-aktiviti dalam pengajaran lisan.

AKTIVITI BERCEKITA

Kaedah bercerita dalam pengajaran bahasa merupakan pendekatan yang paling sesuai

KEBOLEHAN pelajar mendengar dan bertutur lazimnya berada pada tahap yang sangat rendah dan tidak memuaskan sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran untuk mendengar dan menguasai pertuturan. Justeru, beberapa jenis aktiviti lisan akan diterangkan bagi membuka ruang kepada para guru merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti lisan di dalam bilik darjah bagi mempertingkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar.

OLEH NASRIN H.J.

digunakan untuk pelajar yang baru mempelajari sesuatu bahasa malahan pelajar yang telah mahir dalam sesuatu bahasa juga turut menikmati kaedah ini. Pelajar didedahkan kepada pelbagai corak cerita bukan bertujuan untuk hiburan semata-mata, sebaliknya ia lebih menekankan kepada tujuan menambahkan ilmu pengetahuan.

Bercerita merupakan suatu teknik yang penting dalam pengajaran bahasa, baik sebagai bahasa pertama ataupun bahasa kedua. Teknik ini mempunyai beberapa unsur membina yang terselindung di sebalik cerita. Unsur-unsur ini dapat membina bahasa pelajar seperti melatih pemahaman dan memperluas perbendaharaan kata.

Bercerita merupakan aktiviti atau pendekatan yang menarik dan paling sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ia bersesuaian dengan sifat semula jadi kanak-kanak yang suka mendengar cerita dan para pelajar yang baru mempelajari sesuatu bahasa. Dengan kata lain, bercerita memainkan peranan yang penting bukan sahaja di kalangan kanak-kanak malah juga di kalangan para remaja.

Oleh sebab bercerita merupakan aktiviti lisan yang penting, ia memerlukan beberapa kebolehan tertentu seperti kebolehan memilih dan menggunakan perkataan yang sesuai, menggunakan ayat dengan betul dan menarik, melahirkan sesuatu dengan gaya, turun naik suara, mimik muka dan intonasi yang mampu menarik minat pendengar.

Sehubungan itu, ia mempunyai beberapa unsur yang boleh membina bahasa para pelajar, melatih pemahaman, memperluas perbendaharaan kata, kemahiran berbahasa dengan penuh yakin dan mampu menguasai kemahiran mendengar dengan sempurna.

Oleh sebab itu, sekiranya seseorang itu mahu meningkatkan kemahiran lisan, dia harus memperbanyakkan aktiviti ini di dalam kelas. Pelajaran cerita ini boleh dijalankan oleh guru dengan pelbagai teknik atau cara tertentu, misalnya menunjukkan gambar tunggal atau bersiri, menyuruh para pelajar menceritakan cerita-cerita pendek yang mereka tahu, menyuruh para pelajar melakonkan sesebuah cerita serta memperdengarkan rakaman cerita.

Melalui rakaman ini guru

boleh memperdengarkan cerita ataupun memberi beberapa isyarat bunyi dan menyuruh pelajar membentuk sebuah cerita melalui bunyi-bunyi yang telah diperdengarkan.

Aktiviti bercerita merupakan aktiviti yang menarik dan boleh digunakan dalam mana-mana pelajaran bagi menghidupkan sesuatu pengajaran khususnya mata pelajaran bahasa Melayu.

Menurut Thomas L.C. (1981:29): The story teller developed qualities of the creative artistic imagination, perception, insight, enthusiasm, spontaneity and concentration.

Menurut Siti Hajar (1997:169) aktiviti bercerita juga dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pelajaran dan boleh merangsangkan pelajar melahirkan idea atau pendapat serta menjadikan pembelajaran sebagai suatu pengalaman yang menyeronokkan. Jadi guru boleh menjalankan pelbagai aktiviti bercerita seperti:

1. **Cerita lisan** - Guru menyampaikan cerita kepada pelajar secara lisan melalui bacaan daripada buku cerita, menonton video atau tayangan filem sementara pelajar mendengar, memahami, menghayati dan menceritakan kembali cerita yang didengar.

2. **Menyambung cerita** - Guru menceritakan bahagian awal atau akhir cerita. Pelajar yang menggunakan daya imaginasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menyelesaikan masalah serta kemahiran meramal untuk merangka permulaan dan kesudahan cerita.

3. **Membina cerita daripada bahan rangsangan** - Pelajar dibimbing membina cerita sendiri berdasarkan bahan rangsangan dan bercerita kepada guru dan rakan-rakan. Antara bahan rangsangan yang sesuai digunakan ialah:

a. **Gambar-gambar** - Contoh: Kata-kata kunci, frasa atau klausa, gambar-gambar tunggal atau bersiri termasuklah lukisan sendiri, foto, lutsinar, slaid, kartun daripada potongan akhbar atau komik. Guru boleh memilih gambar yang sesuai dengan kemahiran dan objektif yang dirancang. Pelajar mengamati gambar bersiri dan membina ayat sendiri sehingga menjadi sebuah cerita sama ada secara individu atau kumpulan. Aktiviti susulan yang sesuai ialah

melakonkan cerita dengan dialog atau membina dialog-dialog secara spontan.

b. **Gambar rajah, peta, jadual, graf dan pelan** - Sesuai digunakan untuk aktiviti bercerita mengenai pengembangan watak dari satu tempat ke satu tempat dengan melalui halangan dalam bentuk simbol. Antara simbol-simbol yang boleh digunakan ialah:

	Kawasan Tasik
	Kawasan Hutan
	Kawasan Pergunungan

c. **Boneka** - Boneka boleh disediakan untuk watak pencerita dan beberapa watak yang penting dalam cerita yang hendak disampaikan.

AKTIVITI PERBINCANGAN

Sebagai satu teknik pengajaran dan pembelajaran, perbincangan merujuk kepada satu aktiviti berkumpulan dan pelajar akan bekerjasama antara satu sama lain untuk meneliti dan membincangkan sesuatu topik atau masalah. Guru mengemukakan beberapa tajuk yang bersesuaian dengan kehendak, situasi dan kebolehan murid-murid, misalnya kalau di peringkat sekolah rendah tajuk-tajuk mengenai sekolah, rumah, ibu bapa, pelajaran dan lain-lain boleh dikeduhkan. Murid-murid disuruh mengemukakan pendapat mereka secara bebas. Rumusan-rumusan mengenai pendapat-pendapat mereka bolehlah dicatatkan dan guru harus memastikan bahawa semua murid diberi peluang mengambil bahagian.

Dalam situasi yang unggul, beberapa isu, pendapat, maklumat dan pelbagai jenis data yang berkait dengan masalah dan topik itu akan dikaji dan dianalisis dengan tujuan mencapai persetujuan, rumusan dan persefahaman yang lebih mendalam.

Perkataan *perbincangan* ini mengikut Kamus Dewan (2000:161) membawa maksud:

'Lahir daripada perkataan bincang iaitu berbincang-bincang, bertukar-tukar pendapat antara satu dengan yang lain mengenai sesuatu perkara yang penting. Dalam perbincangan pula adanya orang yang membincangkan sesuatu dan sebelum memberi pendapat masing-masing, ketua sidang mem-

berikan ucapan pembukaan.'

Perbincangan merupakan satu kaedah dan teknik mengajar yang melibatkan aktiviti perbincangan antara guru dan pelajar di dalam kelas. Perbincangan juga bermaksud sesuatu jenis aktiviti pembelajaran secara bertukar-tukar fikiran atau idea serta berkongsi maklumat mengenai sesuatu perkara melalui perbincangan di bawah penyeliaan seorang guru.

Mengikut Kamarudin (1990:138), perbincangan ialah satu aktiviti lisan yang berbentuk perbincangan dan ia dilakukan di kalangan pelajar bawah penyeliaan dan kawalan guru. Sewaktu perbincangan dijalankan, pelajar diberi peranan aktif untuk menyatakan segala pandangan dan pendapat mereka mengenai sesuatu topik, sambil itu guru memantau dan mengarahkan pandangan-pandangan mereka kepada satu prinsip idea yang menyeluruh.

Perbincangan ialah suatu aktiviti berkumpulan iaitu pelajar akan bekerjasama antara satu sama lain meneliti dan membincangkan sesuatu topik atau masalah-masalah atau topik itu akan dikaji, dianalisis dan diteliti.

Perbincangan juga boleh dikatakan sebagai satu aktiviti mengeluarkan dan mengulas pendapat mengenai sesuatu tajuk.

Mengikut Ee Ah Meng (1987:158) perbincangan merupakan satu aktiviti yang membolehkan individu-individu berinteraksi antara satu sama lain dan berkongsi maklumat mengenai sesuatu topik atau masalah dengan tujuan mencari suatu penyelesaian.

AKTIVITI SYARAHAN

Aktiviti ini boleh dijalankan apabila murid-murid sudah dapat menguasai bahasa dengan baik, boleh bertutur dengan gaya, nada dan intonasi yang betul. Tajuk yang dipilih haruslah bersesuaian dengan minat dan umur murid-murid.

Syarahan merupakan aktiviti yang dilakukan secara individu. Individu itu akan berucap bagi menghuraikan dan menjelaskan perkara-perkara mengenai sesuatu tajuk.

Syarahan juga merupakan kaedah penyampaian maklumat untuk meyakinkan para penonton atau audien. Gerak-geri atau gaya pemidato amatlah penting untuk lebih menyakinkan penonton. Gerak-geri itu termasuklah memek muka cara berpakaian dan perwatakan diri si pemidato. Seandainya syarahan

ini dilaksanakan dan situasi yang betul ia boleh membawa kesan dalam perkembangan individu.

Menurut Siti Hajar (1997:8) pelaksanaan aktiviti syarahan dapat dibahagikan kepada empat objektif utama:

a. Meningkatkan kemahiran berbahasa

Bahasa adalah media komunikasi dan penyampaian maklumat. Untuk menjamin keberkesananannya, seseorang perlu mahir berbahasa. Aktiviti bersyarah dapat menjadi asas untuk mengasah kemahiran menyampaikan buah fikiran. Ketika bersyarah, penggunaan perkataan yang tepat dan struktur ayat yang betul sangat penting supaya pendengar dapat memahami maklumat yang disampaikan oleh penyarah.

Perkara ini perlu kerana syarahan hanya melibatkan hubungan sehalu iaitu penyarah menyampaikan maklumat kepada pendengar sahaja, sebaliknya, pendengar tidak berpeluang menyuarakan jika timbul kekeliruan atau keraguan.

Melalui aktiviti bersyarah, pelajar akan dapat berlatih menggunakan perkataan yang tepat dan bermakna dengan struktur ayat yang betul. Nada dan tekanan suara memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan syarahan. Nada dan tekanan yang berbeza akan membantu pendengar mengesan isi atau fakta yang penting atau sebaliknya. Oleh itu, aktiviti-aktiviti bersyarah akan menjadi asas untuk melatih pelajar menggunakan gaya bahasa mengikut situasi.

b. Meluaskan ilmu pengetahuan

Dalam proses penyediaan syarahan, pelajar perlu membuat rujukan yang mendalam mengenai tajuk yang berkaitan. Ia bertujuan agar pelajar memperoleh fakta yang tepat. Dengan cara ini guru dapat memupuk minat membaca di kalangan pelajar. Seterusnya, kegiatan ini akan dapat memperluas pengetahuan pelajar dalam pelbagai bidang.

c. Mempupuk nilai-nilai murni

Melalui aktiviti syarahan, pelajar belajar menggunakan bahasa tatasulita dan memupuk nilai-nilai murni dalam ucapan. Mereka juga dilatih untuk menajamkan keprihatinan mereka terhadap nilai-nilai masyarakat. Dengan demikian mereka akan dilatih agar sentiasa peka terhadap persekitaran mereka.

d. Mengembangkan asas kepimpinan

Kemampuan menyampaikan maklumat dengan berkesan dan bermakna adalah asas dalam memupuk sifat-sifat kepimpinan seseorang. Kebolehan bersyarah dengan sendirinya memantapkan keyakinan diri serta menonjolkan kemampuan seseorang untuk mempengaruhi orang lain. Seseorang yang berkebolehan dalam bersyarah berkeyakinan dan mampu menghadapi pelbagai masalah dan pantas bertindak untuk menyelesaikan masalah tersebut. Aktiviti bersyarah melatih pelajar berucap di kha-

layak. Ini dapat memupuk sifat berani tampil ke hadapan bagi menyelesaikan masalah dan bertanggungjawab terhadap diri dan orang lain.

Aktiviti syarahan boleh dijalankan sama ada dalam bentuk pertandingan ataupun latihan. Ia juga boleh dijalankan sama seperti aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang lain. Ia dibuat sama ada sebagai aktiviti utama ataupun sebagai aktiviti pengukuhan di dalam bilik darjah. Ia juga boleh dijalankan sebagai aktiviti koku-rikulum.

Penilaian aktiviti syarahan ini hendaklah dibuat sebagai proses yang berterusan dengan menggunakan borang rekod prestasi pelajar untuk melihat kemajuan mereka.

AKTIVITI DEKLAMASI PUISI

Puisi ialah bahan sastera yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa di dalam bilik darjah. Dengan penggunaan puisi, aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa dapat dipelbagaikan untuk meningkatkan keberkesanan sesuatu pengajaran, di samping dapat menarik minat pelajar. Antara kegunaan dalam peranan puisi dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah sebagai isi pelajaran, bahan latihan atau sebagai satu aktiviti penulisan.

Aktiviti deklamasi puisi ialah pembacaan dengan cara yang terancang dan penuh perasaan agar pendengar dan penonton dapat memahami kandungan dan mesej yang terkandung dalam puisi tersebut. Pendeklamasi puisi perlu dilakukan memahami isi, menghayati mesej dan seterusnya melafazkan puisi itu dengan penyebutan yang jelas dan teratur.

Aktiviti ini bertujuan untuk membiasakan murid-murid membaca puisi dengan gaya, gerak-geri, nada suara dan intonasi yang betul, di samping memperkenalkan bentuk-bentuk puisi kepada murid-murid. Guru boleh mencipta sendiri puisi itu akan menyuruh murid-murid menciptanya.

Keberkesanan aktiviti mendeklamasi puisi banyak bergantung pada suara pendeklamasi. Suara yang lantang dan sedap didengar akan dijadikan aktiviti ini lebih menarik. Apabila aktiviti deklamasi puisi dijalankan dengan berkesan di dalam bilik darjah, pendeklamasi dan penonton akan dapat manfaatnya. Pendeklamasi atau pelajar akan dapat menguasai perasaan gugup apabila berhadapan dengan rakan-rakan.

Di samping itu, aktiviti ini membantu meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pelajar terhadap kemampuan dan kebolehannya. Para penonton pula akan memupuk disiplin diri dengan mendengar dan memberi perhatian akan persembahan tersebut di samping mengenali puisi yang bermutu.

Membantu rakyat awam Iraq Marilah kita hulurkan derma

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan melakukan apa jua perintah-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 yang tafsirnya:

"Bahawasanya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Ayat tersebut menerangkan kepada kita bahawa orang yang beriman adalah bersaudara dengan mukmin yang lain. Persaudaraan yang diikat oleh tali akidah dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala serta Rukun Iman yang lain. Bukan ikatan yang meliputi batas keturunan, pangkat, darjat, bangsa dan suku bangsa, warna kulit dan kedudukan.

Demikianlah persaudaraan sejagat yang tidak mengenal batas negeri dan negara. Tidak mengenal perbezaan bangsa, pertuturan dan adat budaya. Semua berpadu dalam kepercayaan dan pegangan Rukun Islam dan Rukun Iman.


Di atas dasar persaudaraan itu maka kewajipan seseorang saudara terhadap saudaranya adalah tidak sanggup dan

tidak senang jika melihat saudaranya ditimpa kemudaratan, malah ia wajib menolak dari segala kemudaratan itu. Seandainya mereka menderita sakit, maka penderitaan itu turut sama dirasai, turut berdukacita dengan apa yang dialami mereka.

Perkara tersebut jelas digambarkan dalam maksud hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Seorang Muslim adalah bersaudara bagi Muslim yang lain ia tidak menzaliminya dan menyusahkannya. Barang siapa yang memenuhi hajat saudaranya maka Allah akan memenuhi hajatnya. Barang siapa yang melapangkan kesusahannya kepada seseorang Muslim, maka Allah akan melapangkan kesusahannya pada Hari Kiamat dan siapa yang menutup keburukan seorang Muslim, nescaya Allah Subhanahu Wataala akan menutup keburukannya pada Hari Kiamat." (Riwayat Al-Bukhari dan Imam Muslim).

Dalam Islam, kerjasama, tolong-menolong dan bantu-membantu dalam kebaikan dan ketakwaan adalah merupakan ajaran Islam yang sangat-sangat dituntut untuk kita melaksanakannya. Sifat tolong-menolong dan bantu-membantu ini boleh menimbulkan perasaan hormat-menghormati, ka-



sih-mengasahi dan sayang-menyayangi maka akan terbinalah kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni serta padu di kalangan umat Islam.

Demikianlah cantik dan indahnya ajaran Islam itu,

apabila konsep persaudaraan seperti yang diajarkan itu kita amalkan, insya-Allah kita akan beroleh bahagia dan sejahtera. Perpaduan umat Islam akan kukuh dan kuat dan akan digeruni oleh

musuh-musuhnya.

Agama Islam memandang berat tentang kehidupan yang aman dan kasih-mengasahi. Justeru itu galakan bersedekah merupakan latihan jiwa atau rohani agar diri sese-

orang Muslim itu mempunyai perasaan halus dan sentiasa mengucapkan syukur atas nikmat-nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Kita telah mendengar dan menyaksikan sendiri melalui media massa mengenai dengan keadaan negara Iraq dan rakyatnya. Banyak kemusnahan telah terjadi, bangunan-bangunan banyak yang hancur, ekonomi lumpuh, banyak manusia yang tidak berdosa terkorban, banyak kerugian dan kemusnahan terpaksa ditanggung oleh negara yang diserang.

Selaku umat Islam yang mempunyai ikatan persaudaraan yang bersandarkan keimanan dan keagamaan maka kita hendaklah peka dengan apa yang dialami oleh saudara kita di negeri tersebut. Walaupun berlainan negara, kita juga sepatutnya menghulurkan bantuan dan pertolongan untuk membangunkan semula negara mereka.

Rakyat awam Iraq memerlukan bantuan dan pertolongan, mereka juga memerlukan ubat, makanan dan tempat tinggal, kita hendaklah memberikan sokongan yang berupa moral dan material kepada mereka.

Atas dasar tanggungjawab dan demi belas kasihan kita terhadap mereka, maka marilah kita menghulurkan derma atau sedekah walaupun kecil atau sedikit, sumbangan yang diberikan jika disertai dengan keikhlasan setentunya lebih bermakna dan besar ganjaran di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 yang tafsirnya:

"Bandangan derma orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai: Tiap-tiap tangkai itu pula mengandunginya seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgan-

dakan pahala bagi siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah maha luas rahmat kurnia-Nya lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Begitu juga hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari yang bermaksud:

Dari 'Adi ibni Hatim Radiallahuanhu, beliau berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Jauhkanlah dirimu daripada Api Neraka walaupun hanya dengan separuh biji tamar."

Dalam hubungan ini Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan satu jawatankuasa bantuan kemanusiaan kepada rakyat awam Iraq yang antara lain bertujuan sebagai satu usaha di atas rasa tanggungjawab dan perike-manusiaan untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka semata-mata bagi meringankan beban kehidupan dan kesengsaraan yang sedang mereka alami.

Bertepatan dengan itu juga Urusetia Bantuan Kemanusiaan Rakyat Awam Iraq telah menempatkan tabung-tabung di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan tempat lain yang bersesuaian di seluruh negara semata-mata bagi memberi bantuan kepada mereka.

Marilah kita hulurkan sedekah atau apa jua bantuan pertolongan sama ada banyak atau sedikit agar kita mendapat naungan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala serta menyelamatkan diri dan negara kita dari ditimpa apa jua kecelakaan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hadiid ayat 11 yang tafsirnya:

"Siapakah orang yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik ikhlas supaya Allah melipatgandakan balasannya? Dan selain itu ia akan beroleh pahala yang besar."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري راير، 5 ربيع الأول، 1424 برسان دغن
7 مي، 2003 هيغك كهاري ثلاث، 11 ربيع الأول، 1424 برسان دغن 13 مي، 2003 اداله سمرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	سمبھيغ
ربيع الأول									
5	12.18	3.37	6.26	7.39	4.37	4.47	6.07	6.31	7
6	12.18	3.37	6.26	7.39	4.37	4.47	6.07	6.31	8
7	12.18	3.38	6.27	7.39	4.37	4.47	6.07	6.31	9
8	12.18	3.38	6.27	7.39	4.36	4.46	6.06	6.31	10
9	12.18	3.38	6.27	7.40	4.36	4.46	6.06	6.31	11
10	12.18	3.38	6.27	7.40	4.36	4.46	6.06	6.30	12
11	12.18	3.39	6.27	7.40	4.35	4.45	6.06	6.30	13

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دغه ساتو مينيت دان دائره بلايت دغه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

DALAM Islam, kerjasama, tolong-menolong dan bantu-membantu dalam kebaikan dan ketakwaan adalah merupakan ajaran Islam yang sangat-sangat dituntut untuk kita melaksanakannya. Sifat tolong-menolong dan bantu-membantu ini boleh menimbulkan perasaan hormat-menghormati, kasih-mengasahi dan sayang-menyayangi maka akan terbinalah kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni serta padu di kalangan umat Islam.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu
Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihi
Wasahbihi Waman Walah.

3) Hendaklah penjampe beriktihad bahawa yang menyembuhkan ialah Allah Subhanahu Wataala:

Para ulama bersepakat mengatakan penjampe hendaklah beriktihad bahawa yang berkuasa menyembuhkan dan menolak kemudaratan ialah Allah Subhanahu Wataala. Jampi itu sendiri tidak mempunyai kuasa untuk menyembuhkan akan tetapi kesembuhan, terselamat daripada bahaya bencana dan sebagainya semuanya dengan izin Allah Taala. Ini kerana yang menurunkan penyakit itulah juga yang menurunkan ubat dan menolak segala bala bencana iaitu Allah Azzawajalla.

Oleh itu, barangsiapa yang beriktihad bahawa jampi itu sendiri mempunyai kuasa untuk menyembuhkan, menolak kemudaratan atau mendatangkan manfaat maka sesungguhnya dia telah sesat dan melakukan dosa yang amat besar yang tidak diampunkan oleh Allah Subhanahu Wataala iaitu dosa syirik yakni menyembah Allah dengan makhluk-Nya. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Kalau demikian, apa fikiran kamu tentang yang kamu sembah selain dari Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan kepadaku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahaya-Nya itu atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka me-

nahan rahmat-Nya itu?" Katakanlah lagi: "Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara)! Kepada-Nyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah dirinya." (Surah Az-Zumar ayat 38).

Melalui ayat di atas, Allah Taala menunjukkan kata-kata-Nya kepada golongan musyrik, di mana mereka itu mengakui bahawa Allah Azzawajalla adalah Pencipta segala sesuatu akan tetapi mereka memohon doa dan menyembah selain Allah untuk menolak kemudaratan dan bala bencana, sedangkan apa yang mereka sembah itu tidak mampu untuk mencegah daripada mereka sebarang kemudaratan dan tidak mampu pula memberi sebarang manfaat kepada mereka.

Di dalam hadis shahih diriwayatkan daripada Aisyah Radiallahuanha bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam apabila Baginda meminta perlindungan bagi setengah ahli keluarganya Baginda akan mengusap dengan tangan kanannya sambil berdoa yang maksudnya:

"Ya Allah, Tuhan manusia, hilangkanlah pen-

BATASAN-BATASAN SYARAT BERUBAT DENGAN JAMPI DAN TANGKAL

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُهُ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

deritaan, sembahkanlah dia, Engkaulah yang menyembuhkan. Tidak ada kesembuhan melainkan kesembuhan-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan sakit." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Daripada hadis di atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberi petunjuk bahawa setiap ubat dan pengobatan tidak akan mendatangkan manfaat kesembuhan jika tidak dengan izin Allah Taala. Maka yang berkuasa menyembuhkan itu ialah Allah Azzawajalla.

4) Hendaklah penjampe itu orang yang berpengetahuan tentang cara-cara pengobatan dengan jampi yang dibenarkan syarak:

Sebenarnya, dalam apa pun bidang apabila kita hendak meminta bantuan khidmat tertentu kita mestilah pergi mencari orang yang ahli dan tahu

mengenai bidang tersebut. Maka begitu juga dengan bidang perubatan dengan jampi perlulah orang itu terdiri daripada orang yang tahu dan belajar mengenai perubatan dengan jampi yang dibenarkan oleh syarak.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menerangkan bahawa jampi merupakan ilmu yang berkehendakkan ianya dipejajari untuk menjadikan seseorang itu pandai dan tahu mengubat dengan menggunakan jampi. Diriwayatkan daripada Asy-Syiffa' binti Abdullah, dia berkata: "Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berjumpa menemui aku sedang aku di sisi Hafshah, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepadaku yang maksudnya:

"Tidaklah kamu ajarakan Hafshah mentera penyembuh cacar akibat gi-

gitan semut sebagaimana kamu ajarkannya menulis." (Hadis riwayat Abu Daud).

Ketiga - Batasan-batasan syarak khusus bagi orang yang dirawat:

1) Hendaklah dia beriktihad bahawa yang menyembuhkan ialah Allah Subhanahu Wataala:

2) Memelihara jampi atau tangkal dari sebarang perkara yang keji:

Hendaklah orang yang dirawat itu memelihara jampi atau tangkal yang digunakannya daripada perkara-perkara yang hina atau keji kerana jampi atau tangkal itu mengandungi ayat-ayat Al-Quran, nama-nama dan sifat-sifat Allah Yang Maha Suci.

Jika tangkal yang dipakai itu digantung di badan maka bungkuslah dengan elok supaya tidak terkena najis atau kotoran. Jangan dibawa masuk ke dalam tandas, jangan dilangkahi atau diduduki dan ketika berjinak dengan isteri hendaklah ditanggalkan.

Bilangan 157 Bahagian Akhir

Kalau ianya merupakan air untuk diminum yang dibacakan ke atasnya jampi maka elok membaca Bismillah pada setiap kali pernafasan ketika dia minum sambil berniat mengikut kehendak masing-masing tujuan dia berubat kerana sesungguhnya Allah akan mengurniakan atau menunaikan kehendaknya mengikut apa yang diniatkan.

Jika air tersebut khusus untuk dibuat mandi, maka jangan dicurahkan di tempat yang kotor atau yang bernajis, dan jangan dicurahkan di tempat yang dipijak-pijak. Akan tetapi seeloknya dicurahkan di tempat yang bersih dan tidak dipijak-pijak.

3) Menghindarkan diri dari melakukan perkara yang mendatangkan dosa:

Di antara perkara yang mesti dijaga bagi orang yang menerima rawatan ialah menjaga dirinya daripada melakukan sebarang perbuatan yang boleh mendatangkan dosa sama ada dosa kecil apatah lagi dosa besar, khususnya dalam tempoh menerima rawatan, kerana melakukan ketaatan dan menghin-

darkan makhsiat merupakan cara atau jalan rawatan yang paling berkesan.

Al-Imam Ibn Al-Qayyim pernah berkata:

"Di antara jalan yang lebih berkesan dalam pengobatan ialah dengan membuat kebajikan dan ihsan, berzikir (mengingati Allah), berdoa, merendahkan diri dan memohon dengan sepenuh hati kepada Allah serta bertaubat. Semua ini memberi kesan dalam menolak berbagai penyakit dan menghasilkan kesembuhan dan ianya lebih berkesan berbanding ubat biasa."

Sebagai suatu rumusan, Islam ketika meletakkan beberapa batasan mengenai rawatan dengan jampi dan tangkal bukan saja bermaksud untuk menjadikan rawatan tersebut lebih berkesan, akan tetapi yang lebih besar daripada itu ialah ianya bermaksud untuk memelihara tujuan induknya iaitu menjunjung perintah Allah dan tidak melampaui sempadan larangan-Nya dan seterusnya menyumbang kepada pemantapan akidah supaya tidak terseleweng daripada landasan yang sebenar.

WALLAHUAKLAM

Kewajipan membayar hutang

HUTANG adalah satu fenomena yang sukar dihindari oleh sesetengah individu, kerana mereka beranggapan hanya dengan berhutang sahaja mereka akan dapat memenuhi keperluan hidup dan sesetengahnya kerana menjaga nama dan kedudukan dan ada juga yang berhutang untuk tuntutan hidup yang canggih dan ingin menyaingi hidup orang lain. Perubahan gaya dan kos kehidupan yang semakin tinggi juga menguatkan keperluan berhutang.

Islam tidak melarang umatnya berhutang. Walau bagaimanapun Islam tidak menggalakkannya lebih-lebih lagi bila hutang tersebut membebaskan untuk dilunaskan. Jika terpaksa berhutang hendaklah ia berazam dan berniat untuk membayar hutangnya.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan menunaikan niatnya itu. Tetapi sesiapa mengambilnya dengan niat akan membinasakannya (dengan tidak membayar) maka Allah akan membinasakannya."

Diriwayatkan oleh Al-Imam An-Nasa'ie dari Muhammad bin Jahsy, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Demi Tuhan yang diriku di tangan-Nya, jika seseorang lelaki itu terbunuh di jalan Allah, kemudian dia dihidupkan semula, kemudian dia terbunuh lagi, kemudian dia dihidupkan lagi, kemudian dia terbunuh lagi dalam keadaan dia menanggung hutang, ia tetap tidak akan dapat masuk Syurga selagi hutangnya belum dibayar."

Malangnya segelintir masyarakat sekarang mengabaikan kewajipan membayar hutang. Ini

ISLAM tidak melarang umatnya berhutang. Walau bagaimanapun Islam tidak menggalakkannya lebih-lebih lagi bila hutang tersebut membebaskan untuk dilunaskan. Jika terpaksa berhutang hendaklah ia berazam dan berniat untuk membayar hutangnya.

mungkin disebabkan kejahilan mereka mengenai hukum-hukum hutang-piutang menurut pandangan Islam. Sebenarnya tanggungjawab membayar hutang jelas terpicul di bahu orang yang berhutang. Kewajipan membayar hutang tidak akan terlepas sekalipun dengan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar pahalanya. Oleh sebab itu Islam mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap hutang-piutang sehingga orang yang berhutang tidak boleh lari daripada membayarnya.

Adapun orang-orang yang berhutang tetapi enggan membayar hutangnya sedangkan mereka mampu untuk membayarnya adalah mereka termasuk dalam golongan yang memakan harta milik orang lain dan melakukan kebatilan serta dosa yang nyata.

Orang muslim yang mati dan meninggalkan hutang akan dikenakan hukum qishash pada Hari Kiamat kecuali pada tiga perkara sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dari Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma iaitu orang yang lemah kekuatannya kerana memperjuangkan agama Allah kemudian ia berhutang untuk menghimpunkan kekuatan bagi menghadapi musuh Allah dan musuhnya sendiri,

من وجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

orang yang mengunjungi jenazah seorang Muslim dan ia mendapati mereka tidak mempunyai wang untuk menguruskannya jenazah tersebut kecuali dengan berhutang dan lelaki yang sudah lama bujang yang ditakuti dirinya tidak terpelihara daripada perbuatan makhsiat maka ia berhakwin kerana memelihara agama. Maka mengikut hadis tersebut, Allah akan membayar (menunaikan) hutang mereka pada Hari Kiamat.

Hutang perlu dijelaskan dengan segera. Sesiapa yang tidak menghiraukan hutangnya sehingga menyebabkan hutang tersebut tertangguh terlalu lama dengan memberikan berbagai-bagai alasan akan menyebabkan kesusahan kepada pemberi hutang. Hal ini juga merengangkan hubungan kedua-dua belah pihak. Melengah-lengahkan membayar hutang sedangkan kemampuan untuk membayar hutang itu ada, adalah satu kezaliman. Dari itu hindarilah perbuatan suka berhutang kerana hutang itu boleh merosakkan kebahagiaan hidup dan boleh membawa keburukan kepada diri sendiri.

Kerajaan serius terhadap kemajuan tenaga manusia

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 April. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Rancangan-Rancangan Kemajuan Negara sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap isu kemajuan perkembangan tenaga manusia di negara ini.

"Kita difahamkan bahawa tenaga kerja yang banyak setentunya belum dapat menjamin kesejahteraan negara jika tenaga kerja itu tidak berkualiti," ini dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin yang juga selaku tetamu kehormat di Majlis Pembukaan Rasmi Program Orientasi Bagi Graduan-graduan Tempatan Kementerian Kesihatan bagi tahun 2003 berlangsung di Dewan Serbaguna, Kementerian Kesihatan.

Beliau seterusnya menerangkan kualiti yang dimaksudkan bukanlah sahaja dari segi kemahiran, kecekapan dan kepakaran, malahan juga kualiti dari segi pendirian peribadi yang kukuh yang taat kepada perintah Allah dan berbakti kepada raja, bangsa dan tanah air.

Beliau menambah kata, dengan mempunyai semangat bekerja dan ekspektasi yang tinggi diharapkan para graduan akan dapat membantu meningkatkan dan memperkukuhkan kualiti perkhidmatan kerajaan ini.

"Dengan bertambahnya bilangan pegawai-pegawai yang baru dan berkecayaan di Kementerian ini ianya adalah perlu bagi pembangunan dan kemajuan negara khususnya dalam bidang kesihatan di mana rakyat yang cukup dengan kemahiran-kemahiran yang tertentu, berdisiplin serta beriman merupakan tenaga manusia yang kukuh yang dapat menjalankan bermacam-macam rancangan dan usaha bagi membangun negara ke tahap yang lebih tinggi melalui jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala," tambah beliau.

Beliau juga menjelaskan, sebagai pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan kita tidak dapat lari menghadapi masalah dengan orang ramai, dari itu kita perlulah bijak memikirkan apakah cara atau

Oleh
Awangku Jefferi PD

apakah langkah yang perlu diambil dalam menghadapi senario tersebut dengan mempunyai ciri-ciri pengurusan yang berkualiti sekurang-kurangnya dapat menangani masalah itu.

Beliau seterusnya mengemukakan agar setiap perkhidmatan yang diberikan itu mestilah dipastikan tidak mempunyai kecacatan (defect free) atau kesilapan sifar (zero defect) kerana kecacatan atau kesilapan boleh menjejaskan kepuasan hati orang ramai atau pesakit khusus bagi mereka yang berkhidmat di hospital-hospital atau perkhidmatan kesihatan.

"Kita mestilah mempunyai fokus kepada perkembangan sistem-sistem dan proses-proses kerja yang berkualiti kerana hanya sistem dan proses yang teratur sahaja akan dapat menjamin perkhidmatan yang berkualiti," jelasnya.

Ke arah itu tambah beliau, kita perlu mempunyai strategi untuk meningkatkan kualiti dengan menekankan proses penambahbaikan yang berterusan (continuous improvement).

Beliau seterusnya berkata, proses ini perlulah mengandungi tindakan-tindakan strategi yang dirancang dengan teliti dan berorientasikan matlamat jangka panjang yang melibatkan seluruh organisasi di mana segala sumber dan kekuatan yang ada dalam organisasi berkenaan akan dibuat sepenuhnya dalam meningkatkan kualiti.

Dalam penambahbaikan yang berterusan, jelas beliau, semua peringkat pegawai umum dan kakitangan diharuskan untuk mengikuti latihan dalam bidang kualiti demi untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi kerana setiap satu-satu rancangan tersebut memerlukan sokongan dan penyeratan kakitangan yang mahir dan berpengetahuan serta dapat mengelakkan masalah-masalah yang berpunca dari tenaga manusia (human error).

Sementara itu, tambah beliau, dalam menayakan matlamat ini kita seharusnya mempunyai sasaran prestasi (performance target) untuk mengetahui sejauh mana ran-

cangan-rancangan yang telah disusun sudah dilaksanakan sepenuhnya mengikut sasaran-sasaran.

Selain itu sistem pengukuran prestasi kualiti adalah penting untuk mengetahui dan menilai prestasi semasa bagi sesuatu proses kerja dilaksanakan, di samping dapat mengesan perbezaan di antara prestasi semasa proses kerja dengan mutu atau standard kualiti yang telah ditetapkan bahkan kita juga dapat mengenal pasti peringkat-peringkat proses kerja yang mempunyai masalah kualiti dan akhirnya dapat merancang tindakan-tindakan penambahbaikan seterusnya.

Program Kursus Orientasi diungkapkan adalah semata-mata untuk mewujudkan dan membina satu kumpulan atau team work dari kalangan pegawai dan kakitangan dari berbilang kepakaran untuk bersatu hati dan bersepadu menuju satu arah tuju.

Sejauh ini sudah tiga program serupa diadakan melibatkan lebih kurang 600 orang pegawai dan kakitangan kerajaan itu sejak tahun 1999.

Kesedaran untuk mengadakan program ini adalah dari pandangan bahawa kerajaan tersebut merupakan salah sebuah yang terbesar dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai jenis perkhidmatan yang mempunyai peruntukan yang besar dan kakitangan yang ramai.

Ia juga disebabkan banyak peraturan-peraturan dan dasar-dasar kerajaan yang perlu diketahui oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang baru berkhidmat supaya mereka tidak akan merasa asing atau janggal dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar tersebut.

Sebagai sebuah organisasi yang besar dan mempunyai pelbagai kategori kakitangan, kita juga memerlukan kerjasama, 'teamwork' dan kesanggupan untuk menuju matlamat yang telah ditetapkan dalam Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara tahun 2000 hingga 2010.

Program Orientasi bagi graduan-graduan yang baru berkhidmat ini khusus

diadakan untuk memberikan pendedahan bagi maksud tersebut memakan masa lebih kurang dua minggu bagi membolehkan graduan-graduan mengetahui dengan lebih mendalam lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan di seluruh daerah dan jabatan-jabatannya.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan (duduk di tengah) ketika hadir membuka rasmi Program Orientasi Bagi Graduan-graduan Tempatan Kementerian Kesihatan tahun 2003. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna, Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Jun depan

Oleh
Haji Ahmad HS

JALAN MUARA, 23 April. - Seramai 14 qari dan 14 orang qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan pada bulan Jun depan.

Dari jumlah itu 10 orang qari dan 10 qariah adalah mereka yang terpilih dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir bagi tahun 1424/2003 yang telah dilangsungkan selama dua malam di Masjid Kampung Salambigar.

Tiga qari dan tiga orang qariah yang telah memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1423/2002 akan juga turut bertanding, manakala seorang johan qari dan johan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir juga turut sama.

Sementara itu seramai 42 orang qari dan qariah telah memperdengarkan bacaan mereka dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan yang telah dijalankan dua malam berturut-turut, bermula pada 22 hingga 23 April di Masjid Kampung Salambigar.

Dalam pertandingan itu seramai 10 qari dan qariah dipilih bagi menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir yang akan diadakan awal bulan Jun tahun ini.

Penyampaian cenderahati kepada qari dan qariah yang terpilih di pertandingan tersebut telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd. Daud yang diadakan di Masjid Kampung Salambigar di sini.

Pertandingan tersebut dikendalikan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Salambigar.



DATO Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd. Daud ketika menyampaikan cenderahati kepada seorang qari yang terpilih memasuki Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PARA jemputan khas dan orang ramai yang hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir bagi tahun 1424/2003 yang berlangsung selama dua malam di Masjid Kampung Salambigar. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PARA Graduan tempatan Kementerian Kesihatan yang mengikuti Program Orientasi Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Bersepadu menangani jangkitan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)

DUNIA ketika ini dilanda wabak misteri Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang begitu mencemaskan masyarakat. Wabak ini amat berbahaya, mudah berjangkit dan belum ada vaksin yang ditemui untuk merawatnya. Kini negara-negara dunia mengambil langkah-langkah perlu untuk mencegah dan menangani wabak tersebut di samping mengenal pasti ubat yang boleh merawatnya.

Wabak SARS yang bermula sekitar bulan Februari 2003 di China, Hong Kong dan Taiwan itu kini merebak ke lebih dari 20 buah negara seluruh dunia. Hampir lima ribu kes SARS dicatatkan seluruh dunia mengakibatkan melebihi 300 kematian.

Virus yang dianggap misteri itu kini berjaya dibongkar apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan bahawa SARS berpunca dari coronavirus jenis baru. Ia dinamakan sebagai coronavirus kerana bentuknya seperti

mahkota apabila virus ini dilihat menerusi mikroskop. Walau bagaimanapun setakat ini belum ada ubat yang ditemui meskipun ada negara yang mendakwa sudah menemukannya.

SARS merebak secara 'close contact' dari 'droplet' seseorang yang dijangkiti semasa bersin atau batuk. Sebab itu seseorang yang disyaki dijangkiti perlu diasingkan atau dikurangkan untuk beberapa hari bagi mengelakkan dari merebak kepada orang lain terutama orang terdekat. Pemakaian topeng juga perlu untuk mengelakkan jangkitan semasa berada di tempat-tempat yang difikirkan perlu.

Negara Brunei Darussalam amat prihatin terhadap SARS dan dari awal-awal lagi telah membuat pemantauan mengenai perkembangan wabak tersebut, di samping mengambil langkah-langkah perlu secara bersepadu untuk menanganinya. Alhamdulillah berkat usaha dari semua pihak tidak ada kes jangkitan SARS di-

porkan di negara ini. Keadaan ini akan dapat dikekalkan jika semua pihak secara berterusan mengamalkan langkah-langkah pencegahan.

Langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah penubuhan Jawatankuasa 'Task Force' Menangani Wabak SARS Kebangsaan yang di-pengerusi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan dianggotai oleh agensi-agensi berkenaan. Selain itu beberapa jawatankuasa kerja juga ditubuhkan dengan menyusun strategi-strategi pencegahan dan rawatan.

Agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah perlu menangani SARS khusus bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut terutama warga sekolah. Begitu juga pihak Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang menjalankan pemantauan kepada penumpang dari dalam dan luar negeri termasuk krew penerbangan. Semua pintu

masuk ke negara ini juga dipantau dengan rapi untuk mengelakkan jangkitan dari negara luar.

Selain penerangan, taklimat dan nasihat kepada orang ramai pihak jawatankuasa bertindak juga memperjelaskan wabak tersebut melalui media elektronik dan media-media cetak, di samping mengedarkan poster-poster dan risalah-risalah mengenainya.

Walaupun belum terdapat kes jangkitan SARS di negara ini namun usaha pencegahan hendaklah diteruskan bukan sahaja oleh pihak-pihak berwajib malah oleh masyarakat keseluruhannya. Seperti yang dimaklumi masih terdapat jangkitan baru dan kematian di sesetengah negara terutama di China dan Hong Kong.

Apa yang kita perlu lakukan ialah mematuhi nasihat doktor supaya tidak melancang ke tempat atau negara-negara yang dijangkiti SARS, di samping mendapatkan rawatan doktor jika menghidap simptom-simp-tom seperti suhu badan

meningkat (38 darjah celsius), batuk yang kering, rasa dingin dan menggigil, sakit di bahagian sendi-sendi dan susah bernafas.

Juga patut diamalkan ialah pengajaran kesihatan diri dengan memakan makanan yang sihat, berehat secukupnya serta bersenam. Kita juga disyorkan menutup mulut dengan tisu apabila bersin atau batuk selain mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau air serta menjauhi tempat-tempat yang sesak.

Selain dari melakukan pencegahan secara fizikal rakyat dan penduduk di negara ini juga dinasihatkan berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala seperti melakukan sembahyang hajat dan mengamalkan doa-doa agar wabak tersebut tidak menimpa kita dan merebak ke negara ini.

Zakaria bin Haji Sani,
No. 12-378-50, Jalan Putat,
Kampung Putat, BJ 1324.
No. k/p : 00-301427

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Contohi Akhlak Keperibadian Junjungan Besar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'. Tarikh tutup 10 Mei 2003.
2. 'Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Benteng Pertahanan Negara'. Tarikh tutup 17 Mei 2003.
3. 'Memanfaatkan Cuti Persekolahan'. Tarikh tutup 24 Mei 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelital.htm>
email: pelita@brunet.bn

Patuhi saranan Kementerian Kesihatan, WHO

SELEPAS kegawatan ekonomi Asia Tenggara dalam tahun 1997 dan tragedi 11 September 2001 di Amerika Syarikat, kini masyarakat dunia dikejutkan lagi dengan Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang mula dikesan di Hong Kong pada 12 Februari 2003, merupakan penyakit yang mudah berjangkit dan membawa maut. Republik Rakyat China, Hong Kong, Kanada dan Republik Singapura antara negara-negara yang teruk dilanda wabak SARS. Perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang dikeluarkan pada 29 April lalu mencatatkan lebih 5,000 kes SARS dilaporkan di seluruh dunia yang mengakibatkan 328 kematian. WHO juga menyenaraikan 23 negara dilanda kes SARS termasuk ASEAN dan sehingga kini belum ada vaksin atau ubat untuk menyembuhkan wabak maut tersebut.

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan tidak ketinggalan mengambil langkah berjaga-jaga mengekang wabak SARS walaupun wabak tersebut belum lagi dilaporkan di sini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai pemimpin tertinggi negara telah berkenan berangkat meninjau Kementerian Kesihatan pada 19 April lalu. Baginda juga melawat ke Pusat Pemeriksaan SARS dan Unit Pengasingan SARS di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Usaha pencegahan dan pengawalan yang negara kita lakukan telah mendapat pujian dari WHO yang merupakan antara negara paling awal menyediakan Protokol dan Pelan Bertindak Mengenai SARS.

Pusat Pemeriksaan SARS di RIPAS dikehendaki bagi orang ramai yang ingin mendapatkan rawatan dan ujian SARS,

lebih-lebih lagi bagi mereka baru balik dari mengunjungi negara-negara yang dilanda wabak maut ini dan/atau terdapat kes SARS. Unit Pengasingan SARS pula menempatkan empat buah bilik berasingan masing-masing dilengkapi kemudahan bilik air dan telefon, keadaan tekanan negatif, kemudahan rawatan intensif seperti penggunaan ventilators dan stok ubat-ubatan yang mencukupi mengikut garis pandu WHO seperti antivirals - ribavirin dan antibiotics - clarithromycin dan fluoroquinolones. Kementerian Kesihatan juga berusaha mendapatkan bekalan topeng penutup hidung dan mulut (mask) jenis N-95 yang direka khas bagi menapis kuman semasa menghembus nafas keluar seperti yang disarankan oleh WHO.

Setiap individu dan warga negara ini boleh membantu mengekang wabak SARS dengan mengambil perhatian serius saranan pihak Kementerian Kesihatan. Antaranya patuhi nasihat supaya jangan melancong/pergi ke Hong Kong, Taiwan, Tanah Besar China, Kanada, Hanoi dan Republik Singapura; dapatkan rawatan perubatan dengan segera di hospital/Pusat Kesihatan yang berdekatan jika menghidap simptom dan telah berkunjung ke tempat yang terjejas atau ada hubungan rapat dengan mereka yang telah dikenal pasti menghidap SARS; jika merasa tidak sihat gunakan penutup muka (surgical mask) untuk melindungi mereka yang berada di sekeliling kita, jangan pergi ke sekolah/pejabat dan segera berjumpa doktor, patuhi kebersihan diri dengan menutup mulut dengan tisu apabila bersin/batuk dan cuci tangan dengan sabun dan air; tingkatan sistem ketahanan badan melalui pemakanan yang sihat, berehat secukupnya dan bersenam/be-

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Menangani Jangkitan Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

riahad.

Kementerian Kesihatan juga menyedari wabak SARS terus mencabar memandangkan maklumat terperinci mengenai wabak ini masih belum diperolehi, di samping ketiadaan ujian diagnostik (diagnostic test) dan rawatan khusus. Berpandukan bukti terkini bahawa jangkitan SARS disebarkan dari seorang ke seorang melalui sentuhan atau konteks titisan dan cairan badan orang yang telah dijangkiti, kakitangan kesihatan dan makmal yang merawat pesakit SARS, mengendalikan contoh darah dari kes SARS dan keluarnya terdapatnya dimestikan menjalani 'Praktis Pengawalan Infeksi Tinggi' termasuk menggunakan topeng N-95 yang ketat, sarung tangan, gaun dan kerap mencuci tangan.

Para Menteri Kesihatan ASEAN dalam mesyuarat di Kuala Lumpur pada 26 April lepas bersama rakan sejawatan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea antara lain bersetuju menandatangani pemeriksaan kesihatan kepada setiap penumpang yang tiba dari negara-negara yang dilanda wabak SARS sama ada melalui udara, laut atau pos-pos kawalan dalam usaha mengesan dan mencegah wabak yang menjadi ancaman sejagat tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik China telah menghadiri Mesyuarat Khas SARS di Bangkok pada 29 April baru-baru ini membuktikan bahawa dunia begitu serius dan prihatin dalam mencegah wabak SARS dan mesyuarat tersebut memberi tumpuan kepada satu sis-

tem amaran awal kepada anggota ASEAN yang lain dalam usaha mencegah penyebaran wabak berkenaan dan pelbagai strategi yang diusulkan oleh para Menteri Kesihatan ASEAN yang telah bermesyuarat di Kuala Lumpur. Para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik Rakyat China juga terdahulu sebelum Mesyuarat Khas SARS telah diberikan taklimat oleh wakil WHO mengenai maklumat terkini SARS dan panduan pengawalan dan pencegahan serta menyekat penyebaran wabak yang mengancam nyawa manusia sejagat.

Alhamdulillah, di negara kita belum ada sebarang kes konteks SARS seperti yang dilaporkan oleh wakil pihak Kementerian Kesihatan melalui siaran media dan siaran televisyen serta radio bagi mengelakkan kebimbangan di kalangan orang ramai. Sebagai warga Negara Brunei Darussalam, setiap individu haruslah mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi dan memainkan peranan yang aktif dalam sama-sama menyahtu seruan pihak berkuasa kesihatan bagi mengelak dan mencegah kemungkinan penyebaran wabak tersebut ke negara kita seterusnya menyekat sebarang risiko yang berpunca akibat Wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk yang masih menjadi misteri segajit mencari puncanya.

Norhidayati binti Haji Sulong,
No. 9, Simpang 40 - 175,
Kampung Sungai Akar,
BC 4115.
No. k/p : 00-305971

Ikuti panduan Kementerian Kesihatan

PADA ketika ini dunia sedang diselubungi dengan rasa kebimbangan berikutan dengan peningkatan kes jangkitan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) di beberapa buah negara yang terjejas. Berita mengenai wabak SARS ini sering kita dengar melalui kaca tv, radio, akhbar-akhbar dan media massa yang memperkatakan mengenai peningkatan jangkitan dan kes kematian hampir setiap hari. Dari apa yang kita dengar dan lihat ada sesetengahnya menjadikan wabak itu sebagai berita utama atau masih hangat diperkatakan pada ketika ini.

Ketika ini, pihak-pihak tertentu mengenai kes SARS masih lagi tidak mengetahui dari mana punca wabak tersebut. Manakala ubat menyembuhkan penyakit tersebut masih belum ditemui. Justeru itu orang ramai perlulah berhati-hati dan berwaspada bagi menangani jangkitan wabak SARS itu dari merebak ke negara ini.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga telah memberikan panduan yang perlu dipatuhi, antaranya ialah menasihatkan supaya orang ramai tidak melancong atau mengunjungi ke Hong Kong, Taiwan, China, Kanada, Hanoi dan Republik Singapura. Ini adalah kerana terdapat kes

jangkitan SARS yang begitu ketara.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat, jika mempunyai simptom-simptom dan telah berkunjung ke tempat-tempat yang terjejas atau ada hubungan rapat dengan mereka yang telah dikenal pasti menghidap SARS.

Jadilah seorang yang bertanggungjawab. Jika seseorang itu merasakan dirinya kurang sihat atau tidak sihat, agar dapat memakai penutup mulut untuk melindungi orang lain yang berada di sekeliling. Selain itu jangan pergi ke sekolah atau ke tempat kerja. Berjumpalah doktor secepat mungkin bagi mengenal pasti penyakit yang dihidapi.

Jagalah kebersihan diri, tutup mulut dengan tisu apabila bersin atau batuk. Cuci tangan dengan bersih ketika menyentuh makanan atau sebelum hendak makan. Pastikan mencuci tangan dengan sabun dan air selepas menggunakan tandas dan berhati-hati apabila menggunakan tandas awam.

Tingkatkan sistem ketahanan badan dengan mengamalkan makanan makanan berkhasiat lagi sihat. Berehat dengan secukupnya dan bersenam serta amalkan kehidupan

yang sihat.

Antara simptom-simptom penyakit SARS yang perlu diketahui adalah seperti peningkatan suhu badan kepada 38 darjah celsius, batuk yang kering, rasa dingin dan menggigil, sakit di bahagian sendi-sendi dan susah bernafas. Apabila mempunyai salah satu simptom-simptom seperti ini, perlulah membuat rawatan doktor dengan segera bagi mengenal pasti.

Dalam menangani jangkitan wabak SARS ini, pihak Kementerian Kesihatan perlulah mengambil langkah-langkah yang tegas bagi membataskannya dari merebak ke negara ini. Selain itu orang ramai juga perlu sama-sama menangani dengan mengambil berat mengenai kesihatan dan berjumpa doktor jika perlu. Selain itu elakkan diri dari mengunjungi tempat-tempat yang dikenal pasti dilanda wabak SARS serta berhati-hati dengan orang yang berada di sekeliling kita. Pihak Kementerian Kesihatan mestilah memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan SARS dari masa ke masa untuk kebaikan bersama dan keselamatan kita semua.

Salbiah binti Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampung Lumapas 'B', BJ 3524.
No. k/p : 00-286748

REMAJA

MEMBINA DIRI YANG BERKUALITI

OLEH H. A. MANAP

SALAH satu dari peringkat usia yang paling menyeronokkan ialah bila usia remaja menjelang tiba. Keseronokan yang dapat dirasakan ialah kita mula keluar dari kepompong anak-anak kecil. Bermula dari sini akan timbullah lagak yang tidak sama dengan sebelumnya. Usia sebegini sentiasa mahukan pengiktirafan agar ianya kelihatan lebih dewasa dan ada kalanya ia mahu mendahului umurnya dengan kedewasaan. Bila remaja berlagak dewasa, akan timbul tabiat yang tidak seimbang dengan alam yang sepatutnya dilalui. Dari sini akan bermulalah sesuatu yang agak tidak seimbang, bila ini berlaku maka akan wujudlah remaja yang berlagak dewasa tetapi daya fikir masih di tahap remaja. Rasa cemas, takut dan ragu tidak konsisten dalam membuat tindakan, akan mula mewarnai kehidupan.

Semua ini boleh sahaja mempengaruhi keperibadian seseorang remaja. Ini juga yang akan menimbulkan penilaian mengenai kualiti yang ada pada diri setiap remaja. Seorang remaja yang melalui proses pertumbuhan hidupnya dengan lebih teratur akan lebih kelihatan mantap dan dapat menghasilkan wibawa diri yang sangat kukuh. Kemampuan diri dalam bertindak juga akan setara dengan keadaan usia yang dilalui.

Bukan tidak ada baiknya jika remaja mendahului usia atau bak kata lebih 'mature' dalam tutur kata dan tindak-tanduknya, kerana ini membantu dalam menjadikan remaja itu mengurus kehidupannya dengan lebih berkeyakinan. Sebaliknya jika mendahului usia untuk setakat mahu diiktiraf sudah menjangkau dewasa, ia boleh menghasilkan natijah lain yang tidak dapat menggambarkan

kesan positif dari kedewasaan tersebut. Misalnya ada remaja mahu cepat dewasa supaya senang dia merokok dan dia boleh bergaul ke mana saja tanpa ada sekatan dari ibu bapa, lain lagi yang mahu cepat memandu kereta supaya akan lebih diiktiraf kawan kerana dia sudah dewasa dan bermacam-macam lagi.

Akhirnya bila tidak mampu berada di alam kedewasaan, ia terjerumus ke satu lembah di mana kerosakan kehidupan pula yang diundang dalam melalui suasana tersebut. Kedewasaan yang datang terlalu awal juga boleh menjadikan seseorang remaja itu kehilangan kesempatan yang amat berharga dalam pembentukan nilai diri. Tidak dapat tidak remaja tidak boleh melepaskan diri dari tanggungjawab membina

kehidupan. Tanggungjawab beragama perlu disemai dengan sebaiknya untuk dijadikan bekal di hari tua, memahami kehidupan dalam konteks kehidupan yang baik mesti dihayati sewaktu usia remaja ini dengan sebaiknya.

Menimba ilmu pengetahuan dengan sebanyaknya hanya dapat digiatkan dalam usia remaja, usia yang tahan dan mudah pula memahami keilmuan perlu dimanfaatkan dengan sebanyak mungkin. Maknanya usia remaja perlu digunakan untuk membentuk kualiti diri. Kualiti yang akan menjadi modal dan aset untuk melangkah dewasa. Jika remaja memiliki nilai dan kualiti yang tinggi maka lahirlah generasi pewaris yang kukuh dan mantap. Jika sebaliknya kita tidak akan dapat melahirkan

kualiti generasi yang berkesinambungan yang akan mewarisi kepimpinan masyarakat dan negara di masa hadapan. Maknanya usia remaja mesti dijadikan 'platform' yang akan membantu ke alam dewasa.

'Platform' tersebut hendaklah kukuh dan menarik baru kita akan dapat memasuki alam dewasa dengan lebih mantap dan wibawa. Merancang masa depan bermula dari alam remaja adalah juga merupakan langkah yang sangat baik. Masa depan mesti ditentukan dalam tempoh usia remaja, merancang dengan teliti ke mana hala tuju sewaktu dewasa akan mewujudkan satu laluan kehidupan yang baik dan teratur. Misalnya jika kita berhajat untuk menjadi seorang jurutera bila dewasa, kita mesti bermula di usia remaja iaitu sewaktu masih di bangku sekolah kita belajar dengan gigih, tekun dan ber-

dedikasi. Menghasilkan kejayaan cemerlang akan dapat dijadikan sebagai pasport untuk merealisasikan matlamat di hari dewasa.

Begitulah betapa usia remaja sangat penting

dalam berperanan merealisasikan corak kehidupan di hari dewasa. Usia remaja mesti bijak dikendalikan supaya tidak menjadi peluang yang menengancam dan merugikan diri sendiri.

INAYAH

JANGAN BUNUH ANAK

KATAKANLAH : "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu pun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamillah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu memahaminya."

(Surah Al-An'aam ayat 151).

Dengan Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media Menangani Isu Sosial

Berkawad memantapkan kualiti disiplin

MUARA, 24 April. - Dalam memantapkan lagi kualiti disiplin di kalangan anggota angkatan tentera di negara ini, tempat yang ulung bagi membentuk tatatertib dan bermulanya tatatertib seseorang tentera adalah di padang kawad.

Sehubungan dengan itu adalah sewajarnya semangat dan ciri-ciri berkawad itu ditanamkan

Oleh Awangku Jeffery PD


kepada seluruh anggota dalam pasukan kerana tanpa berkawad dan melupakan padang kawad akan hilanglah satu tradisi yang ulung dan timbulah satu persoalan kemerosotan disiplin angkatan tentera.

Ke arah ini, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) telah mengadakan Pertandingan Kawad Peringkat ATLDB bagi tahun 2003.

Dalam pertandingan tersebut, seramai 34 anggota termasuk pegawai mengetuai pasukan masing-masing. Sebanyak empat pasukan menyertai pertandingan tersebut iaitu Pasukan Pengkalan,

Skuadron Bantu, Skuadron Laut dan Skuadron Tempur Khas. Aktiviti antara lain adalah bertujuan bagi mempertingkatkan lagi mutu kawad di kalangan anggota ATLDB.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pemangku Pemerintah ATLDB, Letenan Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji Metussin.



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Letenan Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji Metussin (dua dari kiri) hadir selaku tetamu kehormat di Pertandingan Kawad Peringkat ATLDB (kiri). Sementara gambar kanan, Pertandingan Kawad Peringkat ATLDB berlangsung di markas angkatan itu di Muara. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Kunjungilah Kunjungilah



**PESTA BUKU
BRUNEI 2003**



BUKU UNTUK SEMUA
30 SAFAR - 9 RABIULAWAL 1424
2 MEI - 11 MEI 2003

Tempat
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, Brunei Darussalam

MASA DIBUKA
8.30 pagi hingga 10.00 malam

KECUALI HARI JUMAAT
9.00 pagi - 11.30 pagi
2.30 petang hingga 10.00 malam



Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Program Amal bagi membantu rakyat Iraq anjuran JPCC



AWANG Chua Pheng Chai, Pengerusi Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (kiri) sedang menerangkan beberapa perkara berhubung program-program yang akan diadakan sepanjang bulan Mei bagi memungut derma bantuan kemanusiaan rakyat Iraq.

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 April. - Di dalam usaha meringankan penderitaan yang dialami oleh rakyat Iraq berikutan serangan oleh tentera bersekutu pimpinan Amerika Syarikat yang bertubi-tubi ke atas Iraq, beberapa bentuk rancangan kegiatan telah diusahakan.

Sehubungan dengan itu, beberapa buah negara dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuk Negara Brunei Darussalam sendiri juga berusaha untuk membantu penderitaan yang dialami oleh rakyat awam Iraq yang serba kekurangan dan daif, dalam apa jua bentuk bantuan atas dasar kemanusiaan.

Untuk membantu dalam kutipan derma tersebut, Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (JPCC) akan menganjurkan Program Amal bagi membantu rakyat Iraq yang bermula bulan depan.

Ini dijelaskan ketika mengadakan taklimat mengenai program berkenaan oleh Pengurus Taman Permainan JPCC, Awang Chua Pheng Chai berkata, program amal tersebut akan dimuatkan dengan pelbagai acara yang menarik bagi tontonan orang ramai dan di masa yang sama menghulurkan derma kepada tabung dana bantuan kemanusiaan rakyat Iraq.

Beliau menambah kata, acara tersebut merupakan acara mega yang pertama kalinya diadakan di negara ini dan akan berakhir sehingga bulan Ogos.

Beliau juga berkata, program diadakan adalah bertujuan bagi sama-sama memberikan sokongan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq yang ditubuhkan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping untuk memupuk sifat prihatin dan tanggungjawab bersama di kalangan masyarakat di negara ini.

Antara acara-acara yang akan diadakan sepanjang program amal

Oleh Awangku Jefferi PD

ini adalah Tabung Amal Iraq yang bermula pada 28 Mei hingga 1 Jun di Taman Permainan JPCC Fasa 1 bermula jam 8.30 malam.

Konsert JPCC CHARITYAID For Iraq yang mana diadakan pada 3 Mei di JPCC Ampitheatre, Jerudong bermula jam 8.00 malam. Tiket-tiket berharga \$10.00 akan dijual dan setiap \$2.00 dari hasil jualan tiket tersebut akan didermakan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq.

Antara acara menarik yang juga akan diadakan ialah JPCC Playground Fun Race bermula pada 22 Jun di JPCC Properties bermula jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang dan Bacaan Puisi Kedamaian pada 5 Julai di JPCC Ampitheatre pada jam 8.00 malam yang mana ianya juga akan melibatkan bacaan puisi daripada penyair-penyair ternama negara ini dan juga penyair-penyair VIP serta duta-duta besar negara asing yang berada di negara ini.

Lain-lain acara pula ialah Dangdut Ria Iraq dan Charity Carnival For Iraq yang dijangka diadakan pada pertengahan dan penghujung bulan Julai.

Program ini nanti akan ditutup dengan satu konsert pada bulan Ogos yang juga bakal membariskan artis dari luar negara.

Bagi memudahkan lagi orang ramai menghulurkan derma, JPCC juga turut menyediakan enam kotak derma di tempat-tempat utama iaitu Ruang Masuk Utama JPCC Playground, Pondok Tiket JPCC Ampitheatre, Ruang Masuk JPCC Polo Club House, Ruang Masuk JPCC Golf Club House, JPCC Food Court Fasa 2 dan JPCC Food Court Fasa 3.

Kotak-kotak derma tersebut bagi memudahkan orang ramai untuk menderma sehingga 2 Ogos sebelum ianya diserahkan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Bantuan Kemanusiaan Rakyat Iraq.

jpcc presents

CHARITYAID for IRAQ musicaidconcert

Saturday, 3 May 2003

8:00 pm @ JPCC Ampitheatre

Ticket price: B\$10 available at the Entrance Gate

WE CARE!

featuring

white slash sova x bantana beetlejuice v2k crescendo
d'grace b style m & c lazy chai enoya liyana aron siti norain
siti nurhaliza b boys



Jointly Organised by:

DIGITAL SNAIL SOLUTIONS

an event engineering company



JERUDONG PARK COUNTRY CLUB SDN BHD

Enquiries Call: 2611353 or 2611894



BKN berjaya merampas 100 paket plastik

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 April. - Sepasukan Pegawai-pegawai Skud Gerakan Khas, Biro Kawalan Narkotik telah menyerbu sebuah rumah di No. 167, J.1, Kampong Saba Darat, Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan.

Dalam serbuan tersebut, seorang lelaki tempatan berumur 32 tahun dan seorang wanita warganegara Malaysia berumur 25 tahun telah ditahan, di samping pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik juga berjaya merampas kira-kira 100 paket plastik mengandungi dadah terkawal Methamphetamine ataupun dikenali juga sebagai 'Syabu' yang mana dipaket dalam plastik berlainan ukuran saiz.

Paket-paket dadah berkenaan dipercayai berharga di antara \$30.00, \$50.00 dan \$100.00. Kegiatan pasangan ini dalam pengedaran dadah terkawal telah dipantau sejak beberapa minggu sebelum serbuan dijalankan.

Sepanjang pemeriksaan dijalankan di rumah tersebut seramai lapan orang lagi penagih dadah yang datang ke rumah itu dipercayai untuk membeli dadah

terkawal juga telah dapat diberkas.

Dengan tertangkapnya pasangan itu, Biro Kawalan Narkotik telah berjaya menumpaskan satu lagi kegiatan pengedaran dadah khasnya di kawasan Kampong Ayer.

Pasangan tersebut juga ditahan untuk siasatan lanjut bagi kesalahan mengedar dadah yang dikawal iaitu kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27. Sementara lapan orang yang lain dipercayai penagih juga ditahan bagi tujuan penyiasatan atas kesalahan memakan dadah iaitu kesalahan di bawah akta yang sama.

Biro Kawalan Narkotik dalam usahanya membanteras kegiatan pengedaran dadah sekali gus membebaskan negara ini dari gejala dadah ingin menyeru kepada orang ramai terutama ketua-ketua masyarakat dan pihak-pihak lain yang bertanggungjawab di kawasan kampung supaya dapat memberi kerjasama melaporkan ke Biro Kawalan Narkotik sebarang kegiatan yang disyaki melibatkan dadah di dalam kampung mereka.

PEMANGKU Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Mohd. Yusof ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar yang menyertai Minggu Membaca Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar. - Gambar oleh Halim HS.

Mewujudkan suasana membaca yang kondusif

Oleh Samle HJ

BERAKAS, 26 April. - Setiap kakitangan dan individu sekolah perlu memainkan peranan penting dalam pelaksanaan program untuk mewujudkan suasana membaca yang kondusif.

Penuntut-penuntut juga perlu dilibatkan secara aktif kerana mereka merupakan sasaran yang akan menentukan kejayaan sesuatu program.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Mohd. Yusof di Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Sempena

Minggu Membaca Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

Katanya berdasarkan kajian dan penyelidikan yang telah dibuat, mewujudkan suasana membaca yang kondusif adalah tunjang penting untuk mencapai tujuan dan matlamat program penggalakan membaca.

Menurutnya, pentadbir sekolah, pengetua dan guru harus berperanan menggerakkan program tersebut dengan menyediakan ruang dalam bilik darjah

atau pusat sumber, memamerkan objektif program serta mengintegrasikan program membaca dalam perancangan mengajar.

Sementara itu, penuntut pula harus berperanan aktif membantu menyusun buku di ruang membaca serta mewujudkan ruang program membaca peringkat darjah bersama guru.

"Dengan penggabungan tugas tersebut, aktiviti yang dijalankan akan lebih mantap dan berkesan dalam suasana yang membezakan," jelas Dayang Hajah Norjum.

Beliau berharap pelaksanaan Program Minggu

Membaca akan menjadi pemangkin dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyumbang ke arah pencapaian akademik yang cemerlang serta membimbing masyarakat berbudaya membaca.

Minggu Membaca kali ketujuh itu dihasratkan bagi mempromosikan minat membaca dan mewujudkan kesedaran penuntut-penuntut mengenai pentingnya membaca dalam kehidupan seharian.

Sebanyak 21 aktiviti telah dijalankan kebanyakannya berbentuk peraduan termasuk peraduan 'short story writing', peraduan 'book review', peraduan mengarang serta pemilihan bagi para peserta kuiz lisan Bahasa Inggeris dan Melayu bagi kelas agama dengan tema 'Sihat dan Berilmu, Masyarakat Maju'.

Program berkenaan merupakan rentetan dari Program Minggu Perpustakaan yang dilancarkan pada tahun 1997 bagi penglibatan penuntut-penuntut sekolah untuk menanamkan tabiat dan memupuk budaya membaca.

Penuntut-penuntut yang berjaya dari menengah satu hingga lima telah menerima hadiah masing-masing dari tetamu kehormat.

Sempena majlis itu, pameran hasil peraduan dan kraf tangan penuntut sekolah berkenaan juga diadakan.



PROGRAM Minggu Membaca menjadi pemangkin dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh menyumbang ke arah pencapaian akademik yang cemerlang (atas). - Gambar oleh Halim HS.

Kegiatan kebajikan usaha terpuji

BENGKURONG, 27 April. - Penglibatan masyarakat dalam mengerjakan amal kebajikan adalah usaha yang terpuji terutama dalam membantu mereka yang kurang upaya dan individu yang memerlukan bantuan sama ada dari segi kewangan atau sumber ihsan kebajikan daripada orang perseorangan.

Justeru, Pusat Ehsan di Kampong Bengkurong menganjurkan Kempen Derma Darah bertempat di Dewan Serbaguna pusat tersebut di sini.

Seramai 60 orang penderma darah melibatkan ahli-ahli jawatankuasa, kakitangan, ibu bapa kepada para pelajar Pusat Ehsan, sukarelawan dan orang awam telah menghadiri kempen tersebut.

Kempen itu antara lain bertujuan untuk

mengisi tabung darah hospital, di samping melibatkan Pusat Ehsan dalam kegiatan komuniti selain daripada kerja amal kebajikan yang dijalankan oleh golongan orang istimewa (kurang upaya).

Ia juga bertujuan bagi membawa masuk masyarakat tempatan ke perkarangan pusat supaya mereka tahu adanya latihan pemulihan yang dijalankan di pusat tersebut dengan lebih dekat lagi.

Turut hadir dalam kempen tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti PDNDR Pengiran Haji Abdul Momin.



KEMPEN Derma Darah yang melibatkan ahli-ahli jawatankuasa, kakitangan, ibu bapa para pelajar Pusat Ehsan dan sukarelawan serta orang awam. - Gambar oleh Masri Osman.

Oleh Samle HJ

PERADUAN FOTOGRAFI DAN MELUKIS POSTER MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGENALAN

MAJLIS Keselamatan Jalan Raya adalah satu badan/induk yang bertanggungjawab dalam memastikan hal-ehwal keselamatan jalan raya di negara ini sejak iannya ditubuhkan pada tahun 1977.

TUJUAN

Peraduan ini bertujuan bagi memupuk kesedaran mengenai bahaya di jalan raya, melalui rakaman dan peristiwa yang boleh menyumbang perubahan minda orang ramai.

OBJEKTIF

- Untuk memupuk kesedaran pentingnya keselamatan ketika berada di jalan raya.
- Salah satu usaha terus-menerus Majlis Keselamatan Jalan Raya bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara ini.
- Untuk menimbulkan dan meluahkan pendapat orang ramai merakamkan pengajaran dan ciri-ciri keselamatan jalan raya yang perlu dipraktikkan.
- Untuk dijadikan bahan pameran dan koleksi Majlis Keselamatan Jalan Raya dan bahan-bahan rujukan orang ramai mendapatkan maklumat dan pengetahuan.
- Untuk memberi kesedaran khususnya generasi masa kini dan akan datang mengenai risiko bahaya di jalan raya.

SYARAT DAN PERATURAN BAGI PERADUAN FOTOGRAFI

- Penyertaan dibukakan kepada tiga bahagian :
 - Penyertaan 1 (Kategori A) bagi penyertaan VIP peringkat Pengarah.
 - Penyertaan 2 (Kategori B) dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, kecuali pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Perhubungan.
 - Penyertaan 3 (Kategori C) dibukakan kepada penuntut-penuntut sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan VI).
- Peserta hendaklah berumur 18 tahun ke atas bagi Kategori A, B. Sementara bagi peserta-peserta Kategori C hendaklah mendapat pengesahan daripada Pengetua sekolah masing-masing.
- Gambar-gambar yang dipertandingkan mestilah berwarna penuh (full colour).
- Gambar-gambar yang dicetak daripada rakaman menggunakan slaid juga dibolehkan.
- Gambar-gambar yang dirakam secara digital atau menggunakan komputer tidak akan diterima.
- Gambar-gambar yang dipertandingkan hendaklah merakamkan yang berkisarkan hal-ehwal keselamatan jalan raya.
- Setiap gambar yang dipertandingkan hendaklah berukuran 14 inci x 20 inci dan dilekapkan (mounted) di atas kad pelekap (mounting board) berwarna hitam berukuran 16 inci x 22 inci (dua inci luas keliling daripada ukuran gambar yang berperanan sebagai bingkai untuk Kategori A dan Kategori B. Bagi peserta-peserta Kategori C, gambar-gambar yang dipertandingkan hendaklah berukuran 8R (8 inci x 12 inci) dan dilekapkan di atas kad pelekap berwarna hitam berukuran 10 inci x 14 inci.
- Setiap gambar yang dipertandingkan hendaklah disertakan dengan filem negatif/slaid asal gambar berkenaan termasuk gambar yang dirakamkan menggunakan digital, dan hendaklah disimpan dalam beg plastik yang dilekatkan di bahagian belakang gambar berkenaan.
- Gambar-gambar yang pernah dipamerkan atau memenangi sebarang pertandingan adalah tidak akan diterima menyertai peraduan ini.
- Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan disediakan oleh pihak penganjur (borang fotokopi juga diterima). Peserta dikehendaki mengisi dan mengembarakan satu borang bagi setiap penyertaan dan sekeping gambar peribadi berukuran pasport.
- Setiap gambar yang dihantar untuk dipertandingkan hendaklah diberikan mesej/moto/tema keselamatan jalan raya dan hendaklah tidak kurang daripada 25 perkataan dan ditaja. Hal ini akan turut dinilai dalam pemarkahan.
- Nama dan alamat peserta serta keterangan ringkas (kapsyen) gambar dan tarikh pengambilannya hendaklah dilekatkan di bahagian belakang gambar-gambar berkenaan.
- Semua gambar-gambar yang dihantar untuk dipertandingkan akan menjadi hak milik penganjur dan pihak penganjur berhak pada bila-bila masa menggunakan gambar atau gambar-gambar berkenaan dalam apa jua bentuk penerbitan.
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau seumpamanya terhadap gambar atau gambar-gambar yang akan dipertandingkan semasa penghantaran.
- Setiap penyertaan adalah percuma.
- Keputusan peraduan akan diumumkan di Majlis Penyampaian Hadiah dan Perasmian Pameran/Peraduan Fotografi Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam.

SYARAT DAN PERATURAN BAGI PERADUAN MELUKIS POSTER

Penyertaan dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 16 tahun ke atas.

- Poster yang dilukis hendaklah mengikut ilustrasi daya usaha, gaya dan teknik pelukis itu sendiri.
- Poster yang dipertandingkan hendaklah berkisarkan hal-ehwal keselamatan jalan raya.
- Poster yang dipertandingkan hendaklah berukuran 81sm x 50sm dan dilekapkan (mounted) di atas kad pelekap.
- Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan disediakan oleh pihak penganjur (borang fotokopi juga diterima). Peserta dikehendaki mengisi dan mengembarakan satu borang bagi setiap penyertaan dan sekeping gambar peribadi berukuran pasport.
- Setiap poster yang dihantar untuk dipertandingkan hendaklah diberikan slogan keselamatan jalan raya. Hal ini akan turut dinilai dalam pemarkahan.
- Nama dan alamat peserta serta keterangan ringkas hendaklah dilekatkan di bahagian belakang gambar-gambar berkenaan.
- Semua poster-poster yang dihantar untuk dipertandingkan akan menjadi hak milik penganjur dan pihak penganjur berhak pada bila-bila masa menggunakan poster atau poster-poster berkenaan dalam apa jua bentuk penerbitan.
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau seumpamanya terhadap poster atau poster-poster yang akan dipertandingkan semasa penghantaran.
- Setiap penyertaan adalah percuma.
- Keputusan peraduan akan diumumkan di Majlis Penyampaian Hadiah dan Perasmian Pameran/Peraduan Fotografi dan Melukis Poster Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam.

PENGHAKIMAN

Pihak penganjur akan melantik panel-panel hakim yang terdiri daripada ahli dalam

bidang fotografi /pelukis dan Majlis Keselamatan Jalan Raya. Hakim-hakim berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai peraduan ini.

Sudut penghakiman adalah diselarasakan dengan tujuan, objektif dan syarat peraduan. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

HADIAH

Penganjur menyediakan tiga hadiah utama dan empat hadiah sagu hati dalam bentuk wang tunai bagi setiap kategori.

FOTOGRAFI

Kategori A : VIP	
Hadiah Pertama	BS300.00
Hadiah Kedua :	BS200.00
Hadiah Ketiga :	BS100.00
Kategori B : (Terbuka)	
Hadiah Pertama:	BS1,000.00
Hadiah Kedua :	BS700.00
Hadiah Ketiga :	BS500.00
3 Hadiah Sagu Hati :	BS200.00 (bagi setiap pemenang 4, 5 dan 6)
Kategori C: Penuntut sekolah menengah	
Hadiah Pertama	BS700.00
Hadiah Kedua :	BS500.00
Hadiah Ketiga :	BS300.00
3 Hadiah Sagu Hati :	BS100.00 (bagi setiap pemenang 4, 5 & 6)

MELUKIS POSTER

Hadiah Pertama	BS1,500.00
Hadiah Kedua :	BS1,000.00
Hadiah Ketiga :	BS700.00
7 Hadiah Sagu Hati :	BS100.00 (bagi setiap pemenang 4, 5, 6, 7, 8, 9 & 10).

PENYERTAAN

Borang penyertaan mestilah diisi lengkap dan dikembalikan berserta gambar-gambar yang diperadukan tidak lewat pada hari Sabtu 14 Rabiulawal 1424 Hijrah, bersamaan 14 Jun 2003, jam 4.00 petang kepada :

Urusetia
Peraduan Fotografi dan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya
Tingkat II
Majlis Keselamatan Jalan Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Pengangkutan Darat
Kementerian Perhubungan
Jalan Gadong
Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2451979 sambungan 201/202/203

 MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA <i>Peraduan Fotografi dan Melukis Poster</i>		GAMBAR PESERTA (PASPORT SIZE)
MENYERTAI PERADUAN Fotografi : ☐ Kategori A. ☐ Kategori B. ☐ Kategori C. Melukis Poster : ☐		
KETERANGAN PESERTA Nama: _____ Alamat: _____ Pos Kod: Tarikh Lahir: No. Kad Pengenalan: - Warna: No. Tel.: - Rumah - Bimbit - Ofis No. Fax.: - E-mail: _____		
KEGUNAAN PEJABAT Disahkan oleh: _____ Keterangan: _____ Tanda Tangan: _____ Tarikh: - - 2003		

Perhatian: Isikan borang dengan tulisan huruf besar.

KELUARGA Ketua Kampung Haji Jahar dan segelintir saudara-mara dari dekat dan jauh sibuk membantu membuat persediaan untuk majlis perkahwinan Saiful Bahari, anak sulung Ketua Haji Jahar. Malam itu mereka makan besar sekeluarga dan hidangan istimewa malam itu ialah lauk tambahan salai, tahai masak asam pedas, nenggalah Temburong dan siar masak aing dan 'ambuyat'.

Haji Jahar Ketua Kampung di Kampong Tanjung Melongkok. Saiful Bahari, anak sulungnya, graduan dari UK. Bertugas sebagai 'branch manager' di salah sebuah bank tempatan di mukim tempatnya tinggal. Bakal isterinya ialah seorang graduan dari UK juga. Anak Dato Taib. Bertugas sebagai akauntan di bank yang sama.

"Heey...nyaman ehh...makan ambuyat ani kalau beimpun-impun miani. Lebih sudah kan anam bulan inda ku makan ambuyat ani. Mun kan makan seorang-orang atu inda siuk bah...Ani beimpun-impun ani baru ya kebalasan...Cacahnya lagi jaruk binjai ni ...mengana eh..." kata Haji Moxsin, abang Haji Jahar.

"Eh ... lalat ani, mun memasak-masak neggalah siar atu, keciuman tia tu. Hedieh... patai masak belacan pun ada... patutlah macam melagau si awang lalat ani... Hei basar-basar lagi lalatnya... nah langau pun ada... ada orang bekabun lalat-langau engkali di kampung ani...?" gerutu Haji Panjang, sambil tangan kanannya menguar-ngibas lalat dan langau yang berterbangan.

"Cuba jua ambil pengampas lalat atu Boy. Mun ku mengambat karang menampar kau..." kata Haji Jahar geram campur marah. Si Boy terus berlari ke ruang dapur untuk mengambil plastik pemukul lalat yang dibeli dari kedai kerana lalat dan langau sentiasa menyerang bila mereka makan. Mungkin sudah lebih ratusan lalat dan langau maut di tangan plastik penampar khas itu.

Si Boy berlari anak menuju bapanya dan menyerahkan plastik pemukul khas lalat. Pemukul plastik itu berbentuk seperti reket badminton yang direka khas untuk memukul lalat.

"Babal banar lalat ani eh... nah, " Haji Jahar menghayunkan pemukul plastik itu dan tepat mengenai lalat yang sedang bertinggir di hujung meja makan. "Nah... nahas kau," bentak Haji Jahar bercampur geram dan puas.

"Hei... hancur, tepelacit parut-tahnya..." kata si Boy.

"Apakan putih-putih atu...?" tanya si Boy.

"Iatah talornya tu, mun kau kan tau...mun temakan tu, au belingkar jua parut ceret-beret olehnya... I tah mun makan, liat-liat jua daulu, jangan tarus-tarus talan...lauk-laukan tah kadang-kadang ia betalur dalam perut lauk.. yang herannya lauk baru bermasak-bergoreng pun kan tempatnya betalur bah..." sungut Haji Jahar.

"Au membari panas hati bah eh.. katah ditutup rapat sudah tu almari barawa atu. Masuk jua ya..." sampuk Hajah Taisah, membenarkan kata-kata lakinya.

"Bah, lalat, lalat jua.. makan, makan jua... Ehih... laju perau kamu ani... tuhu sudah ambuyat semangkuk basar ani... Eh, Mamu... aga menumpahi lagi, balum kebalasan usulnya bisdia ani..." kata Haji Jahar ceria.

"Au pikii saja dangan... kau mehambat lalat kami mencungkil hambuyat," kata Kamis. Kedayannya masih kental.

"Au, Kedayan hantap kau atu Miiis... Mis. Inda pandai hilang kedayanmu atu. Macam Kedayan Si Kudil..." usik Tamit.

Semua orang ketawa. Ringsak bunyi ketawa mereka memecah hening malam. Mungkin juga perawakan dan nama Kudil yang mengeletek perasaan mereka.

Setelah selesai makan malam, Jahar memanggil semua ahli keluarganya berhimpun di ruang tamu untuk mengadakan muzakarah. Kanak-kanak diarahkan untuk berhimpun di ruang lain untuk menonton tayangan VCD bertajuk 'The Mummy Returns'.

"Semua sudah beimpun ni...? Heih... mana tia si Pandin...?" tanya Haji Jahar.

"Anu... ke jamban ya. Katanya beria-beria ya sajak-sajak siang ah... Salah makan engkali?" lapor Palam, bininya.

"Andangnya liau atu, mun salah makan selalu tia tu kambung parut, beria-beria tia tu..." sambung Palam.

"Makan ubat ia sudah... jangan dibiar-biarkan. Mun luan sakit, suruh ia ke hospital daulu..." kata Haji Jahar.

"Temakan tahi langau tia pakah... membayi cahaa... jamu tahi langau ani..." kata Kamis.

Suasana jadi riuh sejenak.

"Lucu banar Si Kamis ani, badan kurus-cankii, macam Si Jamil kawan Si Kudil, misai tabal melantik, mata mihak... macam pemantak saja usulnya..." bisik hati Haji Jahar. Mengulum senyum.

"Bah, ok. sebentar malam... larut malam karang... kamu jua kan bemukun bekaraoke ku dangaa..." Haji Panjang mengingatkan mereka.

"Au eh. Kamu ani tah, aku kamu galap akan. Ketulahan kamu kaang..." kata Jamil sambil memulas kumisnya.

"Bah, hadang tah, kucukur kaang sumitmu tu kaang..." kata Haji Panjang yang berjanggut putih panjang macam janggut Osama bin Laden itu. Sesuai dengan tubuhnya yang kurus panjang.

"Au mun ku menunu janggut atu ada kan dipajahi..."

CERPEN

SAMPAH

OLEH IMAM

balas Kamis bersahaja dengan biji matanya dibeliakkan.

"Mun baani, cuba tia cucuh... Engkali kaang bayia tahi cahaa..." balas Haji Panjang yang kebilangan jadi bomoh di Kampong Tanjung Melongkok itu.

Sekali lagi mereka yang ada dalam kumpulan itu terburai ketawa sehingga ada yang terbatuk-batuk dan memicit perut.

"Hadang tah kamu luan beibun ani eh, masap karang..." Palam mengingatkan sambil ia sendiri ketawa terkikik-kikik.

"Sakit perutku katawa eh... kan kelangaa pakah bisdia ani eh," rintih Palam. Ia masih tersengih menahan ketawa.

"Bah, selasai, Ehem..." Haji Jahar memutus episod gelak-ketawa dang sanaknya itu. "Kamu pun tahu esok hari naik kahwin Saiful. Jadi kamu tah kuharapkan memeduli semua persiapan perkawinan atu. Inda jua sibuk banar engkali tu. Jamuan pakai catering. Diorang yang menyusun-nyusun tu, cukup dengan pelayannya tu. Kitani ganya memata-matai lebih kurangnya saja. Dan melayani jamputan. Mungkin Dato ada datang tu esok. Orang-orang VIP giring ya ke dalam rumah. Ni, di bilik tamu ah... Jamputan biasa dalam kem saja. Kau Mis menjadi ketua penyambut tetamu laki-laki. Binimu... kau Kiah ketua penyambut tetamu bini-bini. Kita Ka Haji Panjang mengawasi bahagian catering. Pastikan makanan atu cukup langkap. Jaga-jaga dikacau lalat-langau... Tahu jua kita kan keadaannya... Sekeliling kampung bah lalat-langau ani. Jadi wabak tia pulang. Membari ijap eh. Mun tejadi orang keracunan, kesakitan parut, ceret-beret kitani jua yang malu karang... Dato lagi kan datang ni... Anu jua, usin sedakah orang, jangan beciciran, atu kua-manahkan arah kita tu Bang Haji Moxsin," kata Haji



Jahar penuh mengharap. Haji Moxsin adalah abangnya yang tua.

"Ok tu bos... kau tau bees saja. Kau menjagai Dato sama orang VIP saja. Yang lain-lain saahkan aah kami..." kata Kamis optimis.

"Au, mun Si Kamis haap ku banaa tu... Walaupun badan cangkii... tapi cakah olahnya ni, macam belingkas..." kata Tamit. Semua sanak-saudara memberikan sokongan padu.

Para jemputan sudah ramai yang datang. Halaman rumah Ketua Haji Jahar sudah sesak dengan para jemputan. Kiri kanan jalan raya berjarak kereta parking. Seperti suasana orang sedang melelong kereta. Petugas daripada Pasukan Polis Trafik diundang khas untuk memberikan kerjasama mengatur dan mengawasi kenderaan lalu lintas dan kenderaan jemputan agar tidak menjejaskan pengguna jalan raya yang lain.

"Banyak jua lalat ani ah... dari mana luahnya kian?" tanya seorang jemputan yang datang dari kampung sebelah. Satu kemujuran, orang tempatnya bertanya itu adalah penduduk asal di Kampong Tanjung Melongkok itu.

"Iatah jadi masalah kami ni Tuan, tu nah, tempat pembuangan sampah lama ah, sudah diberi notis tu, dua buah papan notis tu dibuat oleh pihak Bandaran, dilarang membuang sampah dan diberitahu sudah tu, seksyen-seksyen sekian-sekian, siapa didapati membuang sampah di tempat itu akan didakwa dan didenda. Tapi masih jua ada penduduk yang babal atu membuang sampah di sana. Makin banyak tia pulang sampah kana buang. Macam memperli tia pulang. Puas sudah Ketua Kampung Haji Jahar ani membuat surat pemakluman, Majlis Perundingan Kampung sudah balik-balik kempen kebersihan, masih jua ada orang yang dajal atu membuang sampah... Memberi garam ati bah ulah diorang inda betanggungjawab atu..." lelaki berbau cara Melayu warna hijau daun itu menjelaskan.

"Iatah sikap setengah orang inda bertanggungjawab ani, memburukkan nama baik kampung bah... Arah kampung abis amba atu lain kisahnya. Ada sapi orang bekeliaran di sepanjang jalan, ter-

biar. Membahayakan pengguna jalan raya. Berapa banyak sudah orang eksiden olehnya," sungut lelaki berkupiah hitam baldi itu.

"Ustaz engkali orang ani..." kata hati lelaki berbaju cara Melayu warna hijau daun itu.

"Iatah amba pun hairan orang kitani ani. Dilarang macam menyuruh..." kata lelaki berbaju cara Melayu warna hijau daun itu.

Dalam rumah. Di ruang tetamu khas. Berhawa dingin dan dilengkapi perabot eksklusif. Dato, ketua-ketua jabatan dan beberapa orang pemimpin masyarakat duduk dan berbual mesra di ruang itu. Dua orang pelayan wanita berbangsa Indonesia berpakaian kebaya akan melayani mereka.

"Hai Tuan... baik jua purihnya bini-bini atu," usik seorang pemimpin masyarakat yang berkupiah hitam. Lebih rambut di bawah tempurung kupiahnya kelihatan sudah putih semuanya.

"Au... baik jua liuu dangan atu. Amba dangar baru mulih dari Balikpapan, banarkah tu...? tanya pemimpin masyarakat yang sebaya umur Haji Jahar.

"Au, membali-bali perabot."

"Bukan melawat anak cucu...? Sana atu sedikit-sedikit Bapak... Bapak... Eh... Amba dangar, sana atu belampar anu semacam atu...?"

"Eh, dusta jua tah mun belampar. Sebanarnya mun inda diunjar, payah jua kan bejumba jamu. Ganya di sana atu, manis-manis bah bini-bininya. Mun kan menawar-nawarkan barang ani, luntur iman olehnya bah. Luan murah atu, menawar pun inda lagi sampat bah... Mun sudah sana-sini melagau Bapak..."


Mereka ketawa terkikik-kikik kerana ada isu yang melucurkan.

"Ampit-ampiti eh... paibunan ah... Baik betayamum, Liau..." usik teman sejawatan mereka.

"Au eh... aturan tu eh..."

"Eh, Neng... banyak jua dian dipasang ani, macam sambutan Valentine Day pulang?" tegur Dato.

"**IA TAH Dato, sebagaimana Dato lintasi antadi tapak pembuangan sampah lama atu sudah dibuatkan dua buah papan tanda tu, memberitahu tapak pembuangan sampah atu sudah ditutup dan dinyatakan jua tu akibat siapa yang membuang sampah di sana mengikut akta dan undang-undang. Kempen sudah Dato, MPK pun sudah kempen membersihkan, ada jua masih orang yang babal membuang sampah atu,"**
Haji Jahar menjelaskan.





سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 7 MEI	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		'Cahaya Di hujung Kabus'			
			Sambungan	4.15	ANIMATION - 'Marsupilami'			9.25	HALUAN		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	BERITA	7.20	SKOP	10.30	COSBY SHOW - SR. 2	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	CAFE DIGITAL	7.39	AZAN ISYAK		'Old Yeller'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.26	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.00	THE INVESTIGATOR	
				6.45	DIKIR MAULUD	8.50	DRAMA - AMANAH -	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT		

K H A M I S 8 M E I	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10 4.15	SUSUNAN RANCANGAN ANIMATION HOUR:	6.45	DIKIR MAULUD	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	THE MAGICIAN/ FRACASSE	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.30	DRAMA - 'Melarik Kasih'	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.30 5.45	BEYOND OUR WORLD BERITA	7.25 7.39	WARTA ISLAM AZAN ISYAK	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Into The Badlands'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.26	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 9 MEI	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		- Sambungan	7.20	FEMINA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI	7.39	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.15	INDUSTRI BRUNEI	2.00	SUKAN ANTARABANGSA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	9.00	MENDULANG EMAS - 'Warga Emas'
	9.00	BERITA	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Dulhan Banoo Main Teri'	9.30	MEDICAL DIARY

S A B T U 10 MEI	PAGI		10.10	ANIMATION HOUR:		Sambungan	3.38	AZAN ASAR	MALAM	
				CLAMITY JANE/			4.15	BEYOND 2000	7.00	DUNIA ASIA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		STREET SHARKS	PETANG		4.45	ANIMATION : ENGMA	7.25	KLINIK KITA SR. 3
		KEBANGSAAN	11.00	BIOLOGIC	1.15	PANGGUNG PETANG	5.15	MY BEST FRIEND IS AN	7.39	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA		SABTU - 'Spider & Rose'		ALIEN - 'A Very Buttsman	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.40	DRAMA - 'Koma'	2.30	TINJAUAN/		Christmas'	8.50	HIBURAN Hujung
		Siaran Langsung		- (Ulangan)		KAMPUNG KITA - Ulangan	5.45	BERITA		MINGGU
	9.00	BERITA	12.15	DOKUMENTARI :	3.00	SPORT PAGE	5.55	LALUAN SUTERA -	10.00	NEWS AT 10
9.15	RAMPAI PAGI -		'Permainan Tradisi Gasing'	3.30	GRB SPECIALS -		Ulangan	10.30	TAYANGAN GAMBAR -	
	Sambungan	12.18	AZAN ZUHUR		'Daredevils Aka Life &	6.27	AZAN MAGHRIB		'Disturbed'	
10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.25	DOKUMENTARI -		Dare'	6.45	DIKIR MAULUD	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

A H A D 11 MEI	PAGI	10.10	SESAME STREET		PREVIEW		'Komunikasi Berkesan Keluarga Sejahtera'	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	PADA SUATU HARI SR. II	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2002/2003	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.05 PRISMA 7.40 AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.40	CROCODILE HUNTER	5.35	SALAM NUSANTARA	8.00 BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Betaville'	3.15	MASAK APA?	5.45	BERITA	8.50 TIRAI KELUARGA
	9.00	BERITA	12.18	AZAN ZUHUR	3.38	AZAN ASAR	6.15	THAT'S MY BABY	10.00 NEWS AT 10 10.30 TIRAI KELUARGA
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		4.00	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	6.27	AZAN MAGHRIB	- Sambungan 11.00 GUINNESS RECORDS :
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2002/2003 -	4.30	KAUNSELING MASYARAKAT -	6.45	DIKIR MAULUD	PRIME TIME 11.50 DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 12 MEI	PAGI			Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.45	DIKIR MAULUD	8.50	DRAMA - 'Musim Cinta Kembali Berbunga'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		TOUCHE PRINCE OF THE STREET/BOB MORANE			9.25	ORL FORUM - 'Skull Base Surgery'
	6.02	MUTIARA FIRMAN		PETANG	5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	SAJIAN ORIENTAL	10.30	THE ULTIMATE GUIDE - 'Fireworks'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	ENDANGERED	7.40	AZAN ISYAK	11.20	BIZARRE
	9.15	RAMPAI PAGI -	4.12	SUSUNAN	6.27	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
				RANCANGAN						

S E L A S A 13 MEI	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Nekad' -	Sutera' - Ulangan		
			9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	Ulangan	7.40	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		Sambungan	4.15	ANIMATION : 'TOTALLY	6.27	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		SPIES'	6.45	DIKIR MAULUD	8.50	PENUTUP DIKIR MAULUD
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.00	NATURAL HISTORY -			10.00	NEWS AT 10
			PETANG				MALAM		10.30	BERSAMA MUFTI
	6.12	RAMPAI PAGI -				'Return Of The Unicorn'			11.30	LADY COP
	Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.00	DRAMA - 'Meniti Benang	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

Dari muka 2

AKTIVITI PERBAHASAN

Perbincangan merupakan aktiviti lisan yang sesuai untuk peringkat persekolahan yang lebih tinggi. Pelajar-pelajar yang mampu menggunakan dan menerapkan pengetahuan dalam pelbagai ilmu untuk berhubung secara terbuka mencerminkan tahap penguasaan dalam sesuatu bahasa. Selain itu, keupayaan berhubung adalah satu aset yang dapat berfungsi sebagai alat yang mempengaruhi pemikiran pihak lain.

Perbincangan melibatkan proses mendengar yang dapat membantu pelajar dalam kemahiran lisan. Ia merupakan komunikasi manusia dalam bentuk lisan iaitu melalui pertuturan.

Perbincangan merupakan aktiviti pengucapan untuk menyampaikan idea, fakta dan hujah mengenai sesuatu pendirian sama ada menyokong atau membangkang sesuatu tajuk atau persoalan dan menolak serta membidas hujah-hujah pihak dengan berlandaskan peraturan-peraturan tertentu. Pembentangan hujah ini dijalankan oleh dua kumpulan yang bertentangan pendapat sesuatu isu.

Penyataan eksplisit objektif pengajaran dan pembelajaran berdasarkan aktiviti perbincangan seharusnya menjurus ke arah memperkukuhkan kemahiran bahasa lisan pelajar. Melalui aktiviti ini mereka dapat berhujah mengikut ayat yang bertenaga, padat, berkesan dengan penampilan gaya yang menarik.

Dalam aktiviti perbincangan, penglibatan para pelajar secara keseluruhan patut dipertimbangkan secara berhati-hati dan teliti. Oleh itu, guru harus memikirkan atau merancang prosedur penyampaian dengan berkesan supaya pelajar dapat mengambil bahagian sepenuhnya sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Justeru itu peluang tersebut dapat diadakan apabila tamatnya sesuatu sesi perbincangan. Guru boleh membuka ruang kepada pelajar yang tidak terlibat secara langsung ataupun sebaliknya. Justeru itu peluang tersebut dapat diadakan apabila tamatnya sesuatu sesi perbincangan. Guru boleh membuka ruang kepada pelajar yang tidak terlibat secara langsung untuk mengemukakan idea atau pandangan mereka sama ada bersikap pro atau kontra

berdasarkan tajuk perbincangan tadi. Guru hanya bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing atau membentulkan kesilapan yang berlaku.

KESIMPULAN

Aktiviti-aktiviti lisan seperti yang diterangkan di atas tadi dan ada beberapa lagi aktiviti-aktiviti lisan yang lain adalah sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ia diketengahkan dengan tujuan supaya para pelajar dapat menguasai kemahiran mendengar dan bertutur pada peringkat rendah dan tinggi. Untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan lebih baik, guru perlu merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti lisan di dalam bilik darjah bagi meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar. Aktiviti-aktiviti lisan ini sesuai digunakan untuk sekolah menengah dan juga sekolah rendah dengan sedikit pengubahsuaian bersesuaian dengan kehendak, situasi dan kebolehan pelajar-pelajar yang hendak diajar.

BIBLIOGRAFI

Abdullah Hassan. 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sendirian Berhad.

Ah Meng, Ee 1987. Pedagogi untuk Bakal Guru. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sendirian Berhad. Juriah Long, Raminah Haji Sabran, dan Sofiah Hamid. 1990. Perkataan Pengajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti Sendirian Berhad.

Kamarudin Hj. Husin. 1990. Pengajaran Lisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Ketiga 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam. 1985. Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Raminah Hj. Sabran 1989. Kecekapan Berkomunikasi Dalam Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Siti Hajar Hj. Abdul Aziz 1997. Aktiviti Lisan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Thomas, L.C. 1986. Games, theory and applications. England: Ellis Harwood Limited.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan hormat Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Daweesak Somabha. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kunjungan hormat ke ATLDB

MUARA, 25 April. - Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Daweesak Somabha mengadakan kunjungan hormat kepada Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Leftenan Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji Metussin di Markas ATLDB, pagi tadi.

Sejurus ketibaan, Laksamana Daweesak Somabha menerima tabik kehormatan dan memeriksa barisan kawalan kehormatan terdiri anggota ATLDB.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua pemerintah bertukar pandangan mengenai operasi dan kemajuan angkatan tentera masing-masing.

Oleh Samle HJ

Rombongan dari Thailand itu juga disertai oleh Puan Funagpetch Somabha adalah dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini selama dua hari.



Hubungan pertahanan Brunei - Thailand

BERAKAS, 25 April. - Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Daweesak Somabha mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di pejabat Yang Amat Mulia di Bolkliah Garrison di sini.

Turut hadir di majlis itu ialah Pemangku Pemerintah

Oleh Aliddin HM

Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Leftenan Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji Metussin dan Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sunthon Niyomyath.

Tujuan lawatan Laksamana Daweesak Somabha ialah untuk mewujudkan persefahaman yang lebih baik bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala dalam bidang pertahanan dan latihan ketenteraan laut di antara ATLDB dan Angkatan Tentera Laut Diraja Thailand (ATLDT) yang telah lama wujud.

Selain itu, lawatan Laksamana Daweesak Somabha juga merupakan lawatan perkenalan beliau semenjak dilantik menjawat jawatan sekarang pada 1 Oktober 2002.

Sebelum itu, Laksamana Daweesak Somabha juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi di pejabatnya di Bolkliah Garrison di sini.

Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Laut Diraja Thailand dan rombongan juga diraikan di Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Pemangku Pemerintah ATLDB.

Rombongan tiba ke negara ini bagi lawatan rasmi selama dua hari.

LAKSAMANA Daweesak Somabha mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi (atas). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

PEMANGKU Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Leftenan Kolonel (L) Haji Joharie menerima kunjungan hormat Laksamana Daweesak Somabha di Markas ATLDB, Muara (kiri). - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

- Siapakah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Dasar dan Pentadbiran) yang baru dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada bulan Februari lepas?
 - Pg. Hj. Abd. Hamid bin Pg. Hj. Mohd. Yassin
 - Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamenteri Kolonel (L) Hj. Mohammad Yasmin bin Hj. Umar
 - Awang Hj. Jemat bin Hj. Ampal
- Pasukan manakah yang memenangi Perlawanan Golf Muhibbah antara pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang lalu?
 - Brunei Shell Petroleum Co. Sdn. Bhd.
 - Penerbangan Diraja Brunei (RBA)
 - Syarikat Pegawai-pegawai Kerajaan
- Apakah tajuk Menuju Keredaan Allah PELITA BRUNEI keluaran 12 Februari lepas?

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini. Jawapan Alai Pintar keluaran 16 April 2003.
- A. 2. B. 3. 'Otorhinolaryngologi': Meningkatkan dan Mengukuhkan Hubungan Kerjasama Serantau.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 580

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 580,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 16 APRIL 2003

MTQ Belia Asia Tenggara Ke-3 diadakan tahun 2005

BERAKAS, 26 April. - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-3 akan dilangsungkan dalam tahun 2005 di Negara Brunei Darussalam.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Majlis Kesyukuran bagi meraikan johan qari Negara Brunei Darussalam di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-2 di negara ini yang berlangsung di Kementerian tersebut di sini.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam turut berbangga dengan pencapaian

Oleh
Haji Ahmad HS

cemerlang Qari Belia Negara Brunei Darussalam iaitu Awang Muhammad Fahmie bin Haji Metussin yang telah menjuarai kategori qari dalam Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara yang baru lalu.

Pencapaian cemerlang qari belia negara diharapkan akan dapat menjadi perangsang kepada belia-belia di negara ini untuk lebih giat berusaha mempertingkatkan mutu pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran mereka, katanya.

Yang Berhormat juga penuh berharap johan qari belia Asia Tenggara akan meneruskan pengajian beliau dalam pembacaan Al-

Quran untuk mencapai ke peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

"Negara memerlukan belia-belia berilmu yang dapat menggunakan ilmu tersebut untuk menyemarakkan nama negara di arena serantau dan antarabangsa," ujarnya.

Di majlis itu Awang Muhammad Fahmie mempersembahkan bacaan Al-Quran dan diraikan dengan Dikir Asyraqal dan ditaburi bunga rampai.

Dalam Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-2, Awang Muhammad Fahmie telah memperolehi markah sejumlah 91.8 peratus di mana menurut para jemaah hakim, mutu pembacaan yang telah ditunjukkannya

serta qari dan qariah yang lain menampakkan prestasi yang tinggi dan setaraf dengan pertandingan Al-Quran peringkat antarabangsa.

Awang Muhammad Fahmie kini berusia 19 tahun dan menuntut di Ma'had Islam Brunei, Tutong dan mempelajari bacaan Al-Quran dari ibunya sendiri iaitu Dayang Hajjah Latifah binti Haji Seruji.

Sebelum ini Awang Muhammad Fahmie pernah menjuarai beberapa pertandingan membaca Al-Quran termasuk johan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Sekolah-sekolah Ugama dalam tahun 1997 dan 1998 serta johan dalam Pertandingan Al-Quran Peringkat Sekolah-sekolah Menengah Seluruh Negara berturut-turut sejak 1999 hingga 2000.

Beliau yang juga johan peringkat akhir membaca Al-Quran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei dalam tahun 2001 mendalami lagi ilmu pembacaan Al-Quran beliau melalui beberapa Skim Bimbingan Tilawah Al-Quran Remaja dalam tahun 1997 hingga 1999 dan Skim Lanjutan Khas Bimbingan Al-Quran Remaja dalam tahun 1999 hingga 2001.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menabur bunga rampai kepada Awang Muhammad Fahmie sebagai tanda kesyukuran atas kejayaannya menjuarai Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-2. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Penyelidikan penting dalam mencapai kecemerlangan

TUNGKU, 28 April. - Penyelidikan merupakan perkara yang sangat penting dalam mencapai kecemerlangan akademik selain membantu serta mendukung usaha-usaha pembangunan nasional.

Ke arah itu, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Bengkel Nasional Mengenai Penyelidikan sebagai sebahagian siri kegiatan universiti dalam menggalakkan dan mempromosikan penyelidikan di UBD khususnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya.

Matlamat utama bengkel tersebut ialah untuk memperkenalkan para penyelidik kepada pendekatan asas mengenai penyelidikan dan mendedahkan mereka kepada beberapa prinsip serta pengetahuan penting berhubung dengan corak projek penyelidikan dan metodologi, di samping

Oleh
Siti Aishah HS

menarik perhatian mereka terhadap kemahiran yang perlu dalam menyampaikan hasil penyelidikan mereka dalam bentuk laporan dan lain-lain bentuk penyampaian.

Bengkel berkenaan antara lain bertujuan untuk memberi dorongan kepada mempopularkan dan menggalakkan kegiatan penyelidikan di Negara Brunei Darussalam dan menggalakkan suasana yang membantu dalam menghidupkan budaya penyelidikan cergas bagi masyarakat Brunei supaya akan dapat bersaing dalam era pembangunan teknologi yang cepat berubah.

Selubungan dengan itu, bengkel juga bertujuan mengenal pasti keutamaan bidang-bidang penyelidikan

di peringkat nasional supaya usaha penyelidikan negara mencakupi fokus yang dikehendaki dan mendatangkan manfaat kepada negara.

Bengkel dua hari itu

dibimbing oleh Profesor Madya Dr. Sharifah Norul Akmar binti Syed Zamri, pakar Jabatan Matematik dan Pendidikan Sains, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM).



PARA tenaga akademik Universiti Brunei Darussalam dan institusi pengajian tinggi, pegawai-pegawai penyelidik dari pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta serta mahasiswa mahasiswa yang menyertai Bengkel Nasional Mengenai Penyelidikan di UBD. - Gambar oleh Halim HS.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menyampaikan cenderamata kepada Awang Muhammad Fahmie bin Haji Metussin yang muncul johan dalam Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-2. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Menggiatkan penyelidikan perkembangan ciri organisasi berjaya

Oleh
Siti Aishah HS

TUNGKU, 28 April. - Salah satu ciri organisasi yang berdaya maju sama ada ia sebuah negara, badan korporat, institusi pengajian tinggi dan seumpamanya merupakan badan yang sentiasa memberikan perhatian berat dalam menggiatkan penyelidikan dan perkembangan atau penyelidikan dan pembangunan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin menyatakan demikian di Majlis Perasmian Bengkel Nasional Mengenai Penyelidikan berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Beliau menambah, organisasi yang tidak mengambil berat penyelidikan dan perkembangan selalunya berketrampil sederhana atau mediocre sahaja, kebanyakan tidak akan bertahan lama.

Untuk itu, perubahan mengikut arus persekitaran adalah perlu selain

peka kepada perubahan-perubahan di sekeliling melalui penyelidikan yang mantap dan berkesan dengan membuat keputusan berasaskan fakta yang tepat.

Justeru, ekspektasi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD mengenai penyelidikan antara lain baginda ingin melihat UBD sebagai pelopor dengan memainkan peranan lebih aktif, umpamanya mengemukakan dengan lebih giat lagi 'collaborative research' dengan pelbagai agensi serta institusi dalam dan luar negeri, supaya hasil-hasil penyelidikan itu nanti akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak baik sektor awam mahupun sektor swasta.

Manakala salah satu kerjasama penyelidikan antara UBD dengan pihak luar adalah bidang penyelidikan hutan atau 'rain forest' melalui kerjasama dengan Royal Geographical Society, United Kingdom melalui penubuhan Field Studies Centre di Belalong yang sedikit sebanyak membantu menempatkan Negara Brunei Darussalam di peta dunia di bidang itu.

Dalam kesempatan itu juga, beliau mengingatkan para penyelidik luar negeri yang berhajat untuk menjalankan penyelidikan di negara ini, bahawa kerajaan sejak tahun 1987 telah menubuhkan satu



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin ketika berucap merasmikan Bengkel Nasional Mengenai Penyelidikan. Majlis berlangsung di UBD. - Gambar oleh Halim HS.

badan yang bertanggungjawab bagi menyediakan dasar serta syarat penyelidikan bagi Negara Brunei Darussalam yang dipanggil Majlis Penyelidikan Brunei Darussalam.

Majlis tersebut antara lain diamanahkan untuk membuat peraturan-peraturan bagi meneliti dan mempertimbangkan sesuatu permohonan, mengawasi kegiatan-kegiatan penyelidikan dan mengawal mereka supaya mematuhi peraturan-peraturan negara, yang bertujuan untuk memastikan khazanah negara dipelihara, dimanfaatkan dan tidak sewenang-wenangnya dieksploitasi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Bengkel dua hari itu disertai oleh para tenaga akademik UBD dan institusi pengajian tinggi yang lain, pegawai-pegawai penyelidik, mahasiswa mahasiswa, wakil pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta serta orang perseorangan.



KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : KPH/EG BANDWIDTH/01/2003

TAWARAN BAGI "BEAUTY CONTEST" METHOD FOR THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF INTER-CONNECTIVITY (EG BANDWIDTH) OF ALL MINISTRIES AND DEPARTMENTS UNDER THE E-GOVERNMENT INITIATIVES, BRUNEI DARUSSALAM.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "BEAUTY CONTEST" METHOD FOR THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF INTER-CONNECTIVITY (EG BANDWIDTH) OF ALL MINISTRIES AND DEPARTMENTS UNDER THE E-GOVERNMENT INITIATIVES, BRUNEI DARUSSALAM.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Teknologi Maklumat, Penyelidikan dan Perkembangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
3. Bayaran tawaran (Tender Fee) sebanyak \$ 200.00 (Dua Ratus Ringgit) menggunakan cek tempatan adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Pentadbiran (Kewangan), Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari berikut: Isnin- Khamis, 8.30 hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 2.30 petang. Sabtu 8.30 hingga 10.00 pagi (tidak termasuk hari-hari kelepasan awam).
4. Dokumen tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk seperti berikut: Bilangan Tawaran: (KPH/EG BANDWIDTH/01/2003) - "BEAUTY CONTEST" METHOD FOR THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF INTER-CONNECTIVITY (EG BANDWIDTH) OF ALL MINISTRIES AND DEPARTMENTS UNDER THE E-GOVERNMENT INITIATIVES, BRUNEI DARUSSALAM. Tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong tawaran hendaklah ditujukan dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 16 Jun 2003**.
5. Dokumen tawaran yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran tertentu.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JPH/S/TAW/164

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 26 Mei 2003** bagi tajuk berikut: PENINGKATAN RANGKAIAN JALAN HUTAN ZON B DALAM HUTAN SIMPAN BUKIT LABI, DAERAH BELAIT - (JPH/S/TAW/164).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Setiap kontraktor yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar yuran sebanyak B\$ 50.00 wang tunai bagi tiap-tiap satu tawaran.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PERATURAN PENGIKLANAN
DI PELITA BRUNEI**

1. IKLAN hendaklah dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan sistem ejaan baru.
2. Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz font yang digunakan ialah antara 9 hingga 12 point.
3. Penghantaran iklan dalam disket komputer adalah sangat disyorkan dan disyorkan menggunakan Microsoft Word. Disket yang sudah selesai penggunaannya boleh diambil semula.
4. Iklan hendaklah sampai ke alamat seperti dinyatakan di bawah ini sekurang-kurangnya DUA (2) MINGGU sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (bagi yang tidak menggunakan disket).
5. Mana-mana kementerian atau jabatan yang menghantar iklan mereka dengan menggunakan disket, disket tersebut hendaklah sampai kepada alamat di bawah seminggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (tertakluk kepada ruangan).
6. Rang iklan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada: Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam. No. Telefon : 2383804, 2383941 atau 2380967. No. Faks : 2381004 atau 2380507.
7. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
8. Iklan-iklan yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan dilayan.

- PENGARAH PENERANGAN



**INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Tawaran: ITB/F3.1.4

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk perkara: "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND TESTING OF AUTOCAD 2002 OR LATEST VERSION LICENSE TOGETHER WITH CPU TO SUPPORT THE SOFTWARE FOR INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI"
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran berharga B\$ 100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) tidak dikembalikan dan boleh didapati dari: Pejabat Am, Institut Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan, Tungku Link, Gadong BE 1410, Negara Brunei Darussalam di antara jam 8.00 hingga 11.00 pagi pada hari Isnin hingga Khamis dan dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi pada hari Sabtu.
3. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran ialah pada hari Isnin, 12 Mei 2003.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan nama syarikat/ pemborong dan hendaklah ditulis pada bahagian atas sampul surat tajuk seperti berikut: "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND TESTING OF AUTOCAD 2002 OR LATEST VERSION LICENSE TOGETHER WITH CPU TO SUPPORT THE SOFTWARE FOR INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI, BRUNEI DARUSSALAM".
5. Tarikh akhir menghantar tawaran berserta dengan resit pembelian dokumen dan resit pembayaran wang cagaran ialah pada **19 Mei 2003 (Isnin)** jam 2.00 petang dan hendaklah dihantar kepada: Unit Tawaran, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Kompleks Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran diiklankan tidak munasabah.



**JABATAN
PELABUHAN-PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**INVITATION TO SUBMIT BUSINESS OF BUNKERING
SERVICES AT MUARA PORT - SCHEME 'A' (SCHEME 'B')**

JABATAN Pelabuhan sukacita menjemput syarikat-syarikat tempatan dan luar negara untuk menghadapi permohonan cadangan "Request For Proposals (RFP)" bagi menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan membekal minyak (Bunkering) untuk kapal-kapal di Pelabuhan Muara.

Dokumen "RFP" bolehlah didapati dari Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pelabuhan Muara dengan harga \$100.00 (tidak dikembalikan) pada waktu-waktu bekerja. Dokumen hanya akan diedarkan bermula 30 April, 2003 hingga 7 Mei, 2003.

"RFP" hendaklah dikembalikan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : POS/T/09/03

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta borang tawaran bolehlah diperolehi di Unit Perkhidmatan dan Tawaran, Tingkat 1, Bangunan Pusat Memproses Surat dan Bungkusan, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam, semasa waktu-waktu bekerja.

Bil. Tawaran	Keterangan Tawaran	Tempat Mengembalikan	Tarikh Tutup
POS/T/09/03	Membekalkan & Pemasangan Komputer bagi Jabatan Perkhidmatan Pos (2003). Bayaran Dokumen \$50.00 tidak dikembalikan)	Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.	19 Mei 2003 hari Isnin jam 2.00 petang

2. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.

JUALAN LELONG



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu bahawa satu Jualan Lelong barang-barang yang tersebut dibawah akan diadakan pada Hari Khamis - 22 Mei 2003.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut :-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Barang-barang yang telah dibeli tetapi dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari tarikh perolehan ini akan di rampas dan dilelong semula.

BIL.	KETERANGAN BARANG	TEMPAT LELOG	TARIKH/MASA
1.	51 Buah Mesin Rumpul (Mesin Surung dan Sikut) (Rujukan Surat Kementerian Kewangan bil: KKW/Z/493/29 bertarikh 22 Syawal 1419/9 Feb 1999)	Bengkel Bandaran Kampong Belimbing Subok, Brunei	Hari Khamis 22 Mei 2003 jam 9.30 pagi



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 121/1998

MORTGAGE AND FINANCE BERHAD Pemiutang/Pemetisyon
LAWAN

HJ. AWG MASRI BIN HJ. AWG HIDOP (K.P. Brunei No. 052420)
..... Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 29 Mac 2003.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
Hj Awg Masri bin Hj Awg Hidop,
No. 3, Simpang 80-27, Kampong Pengkalan Gadong, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan : 3 September 2002. Bertarikh : 2 April 2003.

RAMZIDAH POKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 193/2000

HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD. Pemiutang
Penghakiman/Pemetisyon

LAWAN

JULIA DENNIS (BYIC NO. 052019) Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2000.
Nama dan alamat terakhir diketahui : JULIA DENNIS, No. 16, Simpang 550, Jalan Pasir Berakas, KM 13, Kampong Lambak Kanan, BB 1214, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 14 November 2000. Bertarikh : 16 April 2003.

AWG HAIROLARNI HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi

- b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua (2), Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBANKRAPAN NO. 20/1992

OVERSEAS UNION BANK LIMITED Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyon

LAWAN

1. KARIM BIN SUKIRMAN
2. ROSENAH BTE HAJI BAKAR Penghutang Penghakiman/
Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 September 1992 telah dibatalkan pada 17 April 2003.
Nama dan alamat terakhir diketahui : 1. Karim bin Sukirman
2. Rosenah bte Hj Bakar
Alamat Penghutang : No. 65, Kampong Pengiran Bendahara Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 17 April 2002.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran : DA/K/SSP/166/JPE/2003 HINGGA DA/K/SSP/176/JPE/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dan koperasi sekolah yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk membuat tawaran Perkhidmatan Pemotongan Rumput bagi Sekolah-Sekolah Menengah/Maktab bagi tempoh 2 tahun.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang tinggal di daerah tempat sekolah berkenaan.
3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang ada hubung kaitnya dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
4. Bayaran wang cagaran sebanyak \$100.00 (ditiadakan) dan bayaran dokumen tawaran sebanyak \$20.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
5. Borang-borang tawaran bolehlah diperolehi di Unit Sebutarga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat Satu (1) setelah membuat pembayaran.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
7. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
8. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Resit Bayaran Dokumen dan Pentadbiran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 25 Mei 2003 jam 2.00 petang.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/DD/DCN/06/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi : "TAWARAN BAGI THE SUPPLY AND DELIVERY OF DATACOM TEST EQUIPMENTS (PART 2)".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan "TENDER FOR OF THE SUPPLY AND DELIVERY OF DATACOM TEST EQUIPMENTS (PART 2)." Bilangan Tawaran : JTB/DD/DCN/06/2003 tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 19 Mei 2003.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Kontraktor, Tingkat 2, Bangunan Telekom, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$100.00 (Tidak dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
5. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

Bilangan Tawaran : JTB/DD/DCN/07/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi : "TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY INSTALLATION AND COMMISSIONING OF MODULES/CARDS FOR ATM NETWORK".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan "TENDER FOR SUPPLY, DELIVERY INSTALLATION AND COMMISSIONING OF MODULES/CARDS FOR ATM NETWORK". Bilangan Tawaran : JTB/DD/DCN/07/2003 tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 26 Mei 2003.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Kontraktor, Tingkat 2, Bangunan Telekom, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$100.00 (Tidak dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
5. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Dokumen	Tarikh Tutup dan Waktu
DA/K/SSP/166/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampong Perpindahan Lambak Kanan, Berakas. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 40 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/167/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 25 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/168/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Sekolah Menengah Sayyidina Hassan Tanjung Bunut, Jalan Ban 5 Mukim Kianat. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 10 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/169/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Kampong Rimba. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 15 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/170/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi 1) Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata. 2) Sekolah Rendah Kiarong. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 12.5 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/171/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi 1) Sekolah Rendah Jerudong. 2) Sekolah Rendah Sengkuring. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 9.7 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/172/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi 1) Sekolah Rendah Tungku. 2) Pusat Latihan Mekanik Gadong. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 6.5 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/173/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Sekolah Rendah Dato Marsal. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 4 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/174/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi 1) Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan. 2) UBD Lama. 3) Perumahan Beribi. Daerah Brunei/Muara bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 8.5 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/175/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Sekolah Rendah Pancong. Daerah Tutong bagi tempoh dua (2) tahun. [Anggaran keluasan 5.5 ekar]	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/176/JPE/2003	Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Padang dan Perumahan Guru-Guru bagi Sekolah Rendah Penanjong. Daerah Tutong bagi tempoh dua (2) tahun.	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan))	26/5/2003 (tidak lewat jam 2.00 petang)

Waktu-waktu Penerimaan Wang Bayaran Dokumen dan Pentadbiran :
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi. 1.30 petang hingga 2.30 petang.
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 193/2000

HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD. Pemiutang
Penghakiman/Pemetisyon

LAWAN

JULIA DENNIS (BYIC NO. 052019) Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 November 2000.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 20 Mei 2003 jam 2.00 petang.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 20 Mei 2003 jam 2.00 petang. Bertarikh : 16 April 2003

AWG HAIROLARNI HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyopal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai hal-hal yang juga sebab kegagalannya.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. KERANI SULIT [BILANGAN KOD: 000 32 123]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: C1-2 EB 3 \$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Private Secretary's Diploma atau Certificate. ATAU
- Mempunyai kelulusan BDVTEC National Diploma in Secretarial Studies yang dikeluarkan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan lulus trengkas dengan kepantasan sekurang-kurangnya 100 p.s.m. dan menaip dengan kepantasan 45 p.s.m. ATAU
- i) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Kerani Sulit sekurang-kurangnya 3 tahun atau jawatan-jawatan dalam Bahagian IV sekurang-kurangnya 5 tahun; DAN
- ii) Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 - 110 p.s.m. dan Sijil Menaip dengan kepantasan 45 p.s.m. atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.
- Kebolehan mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

2. PENOLONG KERANI SULIT [BILANGAN KOD: 000 32 129]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan BDVTEC National Diploma in Secretarial Studies yang dikeluarkan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. ATAU
- i) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya dengan kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk salah satu daripadanya ialah mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemohon yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa adalah diberi keutamaan; DAN
- ii) Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 p.s.m. dan Sijil Menaip dengan kepantasan 40 p.s.m. atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan. ATAU
- i) Mempunyai kelulusan satu (1) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa; DAN
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian IV sekurang-kurangnya 3 tahun; DAN
- iii) Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 p.s.m. dan Sijil Menaip dengan kepantasan 40 p.s.m. atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.
- Kebolehan mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENTERJEMAH [BILANGAN KOD: 000 19 530]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan (NC) dalam bidang yang bersesuaian. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji D1 sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan.
- Calon-calon yang mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang penterjemahan adalah merupakan satu kelebihan.

4. KERANI PERAKAUNAN TINGKATAN III [BILANGAN KOD: 000 33 125]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya dengan kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai kelulusan Simpan Kira/Commerce/Principle of Accounts' serta lulus peperiksaan Kerani-Kerani Rendah adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Membantu dan menyelaraskan kerja-kerja Kerani Perakaunan Tingkat II khususnya dalam bahagian kewangan dan melaksanakan arahan-arahan mengenainya dari Ketua Jabatan.

5. A) PENYAMBUK TETAMU/OPERATOR TELEFON [BILANGAN KOD: 000 38 026]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
B) OPERATOR TELEFON [BILANGAN KOD: 000 38 024]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
C) PENYAMBUK TETAMU [BILANGAN KOD: 000 39 411]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB]. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berpengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan dalam tanggagaji F1 sekurang-kurangnya 5 tahun.

- Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

6. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III [BILANGAN KOD: 000 39 143]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB]. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Storman Tingkat I atau Penyelenggara Stor sekurang-kurangnya 5 tahun.
- Berpengalaman dan berkebolehan dalam ilmu Simpan Kira Perakaunan atau ilmu Hisab atau Penyelenggara Stor atau pembelian barang-barang adalah merupakan satu kelebihan.
- Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

7. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I

[BILANGAN KOD: 000 98 157]
[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F3-4-5 EB 6 \$ 550 - \$ 790 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- i) Mempunyai Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas 9 terhad. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II dalam tanggagaji F34 EB 5 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya sekurang-kurangnya 3 tahun serta lulus ujian bagi mendapatkan Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas 9 terhad yang diaturkan oleh Jabatan Laut.
- Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan sungai-sungai di negara ini.

8. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II [BILANGAN KOD: 000 98 157]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F3-4 EB 5 \$ 550 - 700 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 9 terhad yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji F1 sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Mempunyai pengalaman dalam memandu perahu motor sangkut sekurang-kurangnya 3 tahun dan mempunyai kebolehan untuk membaiki kerosakan kecil serta pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin motor sangkut.
- Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Negara Brunei Darussalam.

9. PEMANDU TINGKAT II [BILANGAN KOD: 000 98 504]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F3-4 EB 5 \$ 550 - \$ 700 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah di dakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan 11[sebelas] serta mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

10. PELAYAN [BILANGAN KOD: 000 37 042]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F1-2-3-4-5 EB 6 \$ 445 - \$ 790 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Lulus Tingkatan I. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

11. PEMBERSIH [BILANGAN KOD: 000 55 298]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F1-2-3 EB 4 \$ 445 - \$ 650 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja pembersihan.

12. PENJAGA MALAM [BILANGAN KOD: 000 58 941]

[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F1-2 EB 3 \$ 445 - \$ 590 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat dan berpengalaman dalam kerja-kerja penjagaan adalah diberi keutamaan.
- Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

NOTA:

- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan yang dinyatakan di atas hendaklah yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan keputihan/kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-

gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah di kembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Satu, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 9 JUN 2003

BILANGAN PENDAFTARAN: 04/2003

RUJUKAN: JPA/3.2/6/76/4

/WEBSITE: <http://www.jpa.gov.bn/iklan.htm>



KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran Biasa : KK/58/2003 HINGGA KK/60/2003
Tawaran Kecil : KK/TK/85/2003 (SE) HINGGA KK/TK/87/2003

Syarat-Syarat Tawaran:

- DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- a) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/58/2003 hingga KK/60/2003 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 26 Mei 2003.
- b) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/TK/85/2003 (SE) hingga KK/TK/87/2003 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 26 Mei 2003.
- Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Yuran tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 hingga 11.00 pagi.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku.

TAWARAN BIASA

BILANGAN TAWARAN: KK/58/2003 :- SUPPLY AND DELIVERY OF SUTURES FOR DEPARTMENT OF MAXILLO FACIAL AND FACIAL PLASTIC SURGERY FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/59/2003 :- SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL SUNDRIES (CATHETERS) FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/60/2003 :- MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLASTIK SAMPAH BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Yuran Tawaran : \$ 200.00.

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/85/2003(SE):- SUPPLY, DELIVERY & TEST ONE UNIT OF BIO-LOGIC NAV PRO TWO CHANNEL ERA SYSTEM FOR E.N.T. DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN: KK/TK/86/2003 (SE) :- REPLACEMENT OF UNDERGROUND FUEL STORAGE TANK AT RIPAS HOSPITAL. Kelayakan Pemborong/Pembekal: Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan Kelas III ke atas. Yuran Tawaran \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/87/2003 :- SUPPLY, DELIVER & TEST FOUR (4) UNITS OF MULTIFUNCTION CARDIAC MONITOR FOR OMF DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$ 100.00.

TEMU DUGA PEMOHON-PEMOHON YANG MENYERTAI RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA DAERAH BELAIT BAGI ORANG AWAM

JABATAN Kemajuan Perumahan Kuala Belait menemuduga pemohon-pemohon yang menyertai Rancangan Perumahan Negara Daerah Belait bagi pegawai dan kakitangan kerajaan Bahagian II, III, IV dan V serta bagi orang awam.

Temu duga tersebut akan diadakan selama sebelas (11) hari bermula 15, 17, 19, 20, 22, 21, 24, 26, 27, 28 dan 29 Mei 2003 di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bangunan Pejabat Daerah Belait, Jalan McKerron, Kuala Belait.

Calon-calon yang hendak ditemu duga adalah dikehendaki membawa bersama dokumen-dokumen asal dan salinan seperti berikut:-

- Kad Pengenal pemohon suami/isteri/anak-anak serta tanggungan.
- Kad Pengenal Asal jika pemohon terdiri dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Polis Diraja Brunei.
- Sijil Kerakyatan pemohon suami/isteri / anak-anak serta tanggungan.
- Surat Beranak pemohon suami/isteri/anak-anak serta tanggungan.
- Surat lantikan ke Jawatan Tetap/Open Vote/Sebulan ke Sebulan dan semasa bergaji hari jika berkenaan.
- Surat lantikan bekerja dengan Syarikat Swasta.
- Penyata lantikan pemohon suami/isteri
- Sijil Nikah/ Kahwin/ Ceraf.
- Geran Tanah yang dimiliki oleh pemohon suami/isteri.
- Lesen Tumpang Sementara (T.O.L) yang dimiliki oleh pemohon suami/isteri.
- Surat Penganugerahan Geran-geran Tanah

Berikut disenaraikan nama-nama pemohon yang dipanggil temu duga bagi Rancangan Perumahan Negara Daerah Belait bagi orang awam

HARI KHAMIS 15 MEI 2003

- 1) BRAYAN ANAK USIT - 01-036511 (K); 2) HJH. MARIANA BINTI HJ. MOHD. YASSIN - 00-260091 (K); 3) HASWANDY BIN ASHAN - 00-277192 (K); 4) JAMALIAH BINTI ISMAIL - 00-260298 (K); 5) ALISSA BINTI AJIS - 278525 (K); 6) RIDEHAM BIN HJ. KARIM - 00-270492 (K); 7) KHAIZAL BIN MUTUSOF @ HASDIE - 00-275827 (K); 8) MARIAH BINTI HAJI LAMIT - 00-251947 (K); 9) JEFFERY BIN ISMAIL - 275908 (K); 10) HAYATI BINTI ABDULLAH - 00-114313 (K); 11) NORIYATI BINTI HAJI YUSOF - 00-265003 (K); 12) MAWAR BINTI JAPAR - 00-120119 (K); 13) ASNAWI BIN HJ. MOHAMAD - 00-268351 (K); 14) DG. SALMAH BINTI HJ. AHMED - 00-079436 (K); 15) MOHAMMAD HARFIAN BIN HJ. RAMLEE - 00-251738 (K); 16) HARINA BINTI HAJI RAMLEE - 268284 (K); 17) MUSAINI BIN HAJI MURAH - 00-127030 (K); 18) ROZINOR BIN SAMAH - 00-265194 (K); 19) ABINI BIN SALLEH - 00-278417 (K); 20) OSMAN BIN AHMAD - 00-275992 (K); 21) HAJI AMIRHALIM BIN HAJI AHMAD - 00-264807 (K); 22) SHAM-SUDIN BIN HAJI SAHAK - 00-121665 (K); 23) ANUAR BIN JAHIS - 00-256913 (K); 24) ZAMRY BIN SULAIMAN - 273665 (K); 25) AWANG MOHAMAD BIN AWANG MOKTI - 00-070340 (K).

HARI SABTU, 17 MEI 2003

- 1) RAJIS BIN JUDIN - 262490 (K); 2) GEOFFREY SIM - 01-036501 (K); 3) RASYNORFADILLAH BIN ABD. RASHID - 00-254172 (K); 4) VORNIKA SUHANA ANAK BUNGO - 00-278422 (K); 5) BAHARIN BIN HAJI SABAN - 00-270488 (K); 6) MOHAMMAD FAZILLAH BIN BOHARI - 00-281543 (K); 7) MOHAMMAD NADZRI BIN HAJI MD. TAHIR - 00-264949 (K); 8) AIAREN BIN ZAINI - 00-254091 (K); 9) BAHIRIN BIN HJ. BUJANG - 129272 (K); 10) ROSS BINTI HAJI SALMAN - 00-265196 (K); 11) BOHARI BIN MD. DIAH - 00-111410 (K); 12) CHAN YONG KIM - 00-268302 (K); 13) JUNIE ERNA BINTI MD. JUNIT - 00-288177 (K); 14) JUNIE FARIENA BINTI MD. JUNIT - 00-297046 (K); 15) MOHAMMAD AZMAN BIN MOHAMED ALI - 00-278515 (K); 16) METALI BIN UNTONG - 00-282746 (K); 17) NOR EZAM BIN KEPLI - 00-268075 (K); 18) NORHAYATI BINTI HAJI MD. DAUD - 00-257139 (K); 19) SALIHA BINTI HAJI BAGOL - 00-112605 (K); 20) MOHAMMAD NIEKMAN BIN HAJI MATASSAN - 00-254224 (K); 21) NORHAYA BINTI SAHARI - 00-122400 (K); 22) SITA ANAK KASI - 00-251604 (K); 23) SHAHRULNIZAL BIN SABARALI - 00-288041 (K); 24) SARBINI BIN HAJI MOHAMAD - 00-270593 (K); 25) HJ. MOHD AZFAZUL BIN HAJI MOHAMAD - 00-28447 (K).



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

TABUNG UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap untuk memenuhi Jawatan Kosong sebagai Jurukira Tabung Universiti Brunei Darussalam.

Jawatan : JURUKIRA
Tanggagaji : UB 1EB2 - \$2,630-\$4,240

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasrakan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang Jurukira (accountancy) dan mempunyai kelayakan Professional dalam bidang akaunting (Professional Accounting) adalah diutamakan.
- Berkemahiran dan berpengetahuan dalam perisian ACCPAC dan boleh mengendalikan set akaun yang penuh (full set of accounts).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Mengurus kewangan Tabung UBD.
- Memastikan peraturan-peraturan dan prosedur dilaksanakan dengan teratur.
- Menyediakan perakaunan Tabung UBD yang lengkap dengan menggunakan perisian ACCPAC.
- Menyediakan Laporan Akaun Tabung (untuk pihak pengurusan, Jabatan-Jabatan diluar UBD dan Juruaudit).
- Memantau pergerakan aliran wang tunai keluar masuk.
- Menyediakan anggaran belanjaan dan anggaran pendapatan tahunan.
- Melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tabung UBD.

Pemohon-pemohon hendaklah mengisikan borang yang boleh didapati dari Bahagian Personal, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisiikan beserta salinan kelayakan dan juga dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan ke alamat berikut: Pendaftar dan Setiausaha Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong, BE 1410, Negara Brunei Darussalam [U.P.: BAHAGIAN PERJAWATAN].

Peringatan: Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendekkan (shortlisted) sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

Tarikh tutup: 21 Mei 2003 jam 4.30 petang.



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

KEMENTERIAN Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam akan menawarkan tiga (3) kekosongan Lesen Rampaian bagi menjalankan Perusahaan sebagai Pedagang Kenderaan Bermotor Terpakai Luar negeri [KBTLN].

Dokumen-dokumen dan Borang - borang permohonan serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian ini, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan tidak lewat daripada hari **Rabu 21 Mei 2003**. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Antara syarat-syarat tawaran adalah seperti berikut:

1. Syarikat hendaklah berdaftar di negara ini sebagai Syarikat Sendirian Berhad, dimiliki oleh Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menunjukkan keupayaan dan kewibawaan dari segi kewangan dan pengalaman.
2. Mempunyai surat perantaraan yang sah atau franchise dari pengedar atau pengeluar bagi KBTLN



JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPONG BATANG TUAU MUKIM BANGAR DAERAH TEMBURONG

PENDUDUK-PENDUDUK Kampong Batang Tuau/Kampong Seri Tanjung Belayang adalah dipelawa untuk mencalonkan penduduk-penduduk kampung yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampong Batang Tuau dengan syarat-syarat berikut:-

TANGGAGAJI : C1. EB2 iaitu \$ 1,280.00 hingga \$ 1,930.00 sebulan

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG:-

- 1) Setiap calon Ketua Kampung hendaklah:
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasarakatan dan adat tesam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan,
 - h) Tidak pernah disyiaharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharkan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini diberi notis jualan lelong bagi kenderaan BG 2022 dan BG 3483, seperti dalam jadual di bawah akan diadakan pada 15 Mei 2003.

Lelong ini adalah mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

- i) Pembeli yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai dan memindahkan kenderaan-kenderaan tersebut tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
- ii) Kenderaan-kenderaan yang telah dibeli tetapi dipindahkan dalam tempoh yang ditetapkan di atas akan dirampas dan dilelongkan tempat besi buruk kerajaan.

JADUAL

KETERANGAN BENDA	TEMPAT LELONG	TARIKH DAN MASA
1. BG. 2022 Bas Jenazah Bedford	Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong	15 Mei 2003 Jam 9.00 pagi
1. BG. 3483 Toyota Land Cruiser	Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong	15 Mei 2003 Jam 9.00 pagi

3. Mempunyai tempat perniagaan yang sesuai, bilik pameran (Showroom), yang memenuhi syarat yang ditentukan oleh pihak yang berkuasa berkenaan.
4. Mempunyai bengkel kereta (Workshop) Kelas 'A' sendiri atau usahasama (joint venture) dengan nilai equity tidak kurang 30 peratus yang diiktiraf dan diperakui oleh pihak berkuasa (Jabatan Pengangkutan Darat)
5. Menyediakan perkhidmatan selepas jualan (After Sales Service), mempunyai alat-alat ganti yang tulen dan mencukupi serta mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran dan berkelayakan
6. KBTLN berkenaan mestilah memenuhi kehendak spesifikasi teknikal yang dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat Brunei dan pihak berkuasa yang berkenaan serta kenderaan tersebut boleh digunakan di negara ini dengan keadaan selamat.
7. Usia KBTLN hendaklah tidak melebihi 36 bulan dan diluluskan "road worthiness" oleh Jabatan Pengangkutan Darat.
8. Syarikat yang berjaya hendaklah mengambil sekurang-kurangnya 50% pekerja tempatan dan menyediakan program latihan kemahiran di peringkat pentadbiran, teknikal dan pengurusan.
9. Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang memenuhi syarat di atas dan keputusan adalah muktamad.

4. Seorang pencadang dan dua (2) orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong.
5. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

CARA MEMOHON

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh diperolehi di Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu pejabat dibuka. Setiap borang hendaklah diisi dengan lengkap sebagaimana yang dikehendaki. Borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima. Borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Temburong (UP : Bahagian Institusi Mukim dan Kampung) tidak lewat pada hari **Sabtu, 14 Jun 2003** jam 4.00 petang.



JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI DAN WANITA)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai **AHLI BOMBA PELATIH (Lelaki dan Wanita)** di Jabatan Perkhidmatan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

TANGGAGAJI:

Mulai dari \$ 500.00 sebulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan, calon-calon yang dipilih akan dinaikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Kelas II dengan gaji sebanyak \$ 605.00 sebulan dalam sukatan gaji P.1 EB 2 - \$ 605.00 - \$ 885.00. Tambahan elaun "p" sebanyak \$ 100.00 sebulan kurnia elaun khas sebanyak \$ 100.00 sebulan dan elaun sara hidup sebanyak \$ 140.00.

KELAYAKAN AKADEMIK

Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN FIZIKAL:-

- a. Umur - Di antara 18 tahun hingga 28 tahun
- b. Tinggi - Sekurang-kurangnya 5'4" (1.63m) bagi lelaki dan 5' (1.52m) bagi wanita.
- c. Dada - Sekurang-kurangnya 34" (86sm) apabila tidak ditarik nafas (biasa) bagi lelaki.
- d. Pemohon-pemohon hendaklah tidak memakai kaca mata.
- e. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan kaca mata atau kanta lekak (contact lens) dan boleh membaca dekat J.1/N.5. Tidak buta warna (colour blind).
- f. Pendengaran biasa dan tidak cacat.
- g. Pemohon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan mendapat kelulusan pemeriksaan yang dibuat oleh Pengarah Perubatan dan Kesihatan Kerajaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Calon yang berjaya apabila dicalonkan adalah dikehendaki menjalankan tugas di mana-mana Balai Bomba di negara ini.

UJIAN

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti Ujian Bertulis dan Ujian Praktikal yang akan dimaklumkan kemudian. Mereka yang gagal dalam ujian-ujian tersebut tidak akan di sokong.

CARA MEMOHON

Seseorang Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan Ketua Jabatan tersebut hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonannya satu laopran sulit dan salinan rekod perkhidmatan yang lengkap sebelum tarikh tutup.

Pemohon-pemohon adalah dimestikan membawa bersama kad pengenalan dan sijil-sijil asas persekolahan semasa mengambil borang permohonan. Borang permohonan boleh didapati daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat dan hendaklah diisiikan dengan lengkap satu (1) salinan dengan membubuh satu (1) keping gambar terbaru, ukuran pasport pada borang yang diisiikan. Borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama dengan salinan surat-surat Akaun sijil-sijil kepada Pengarah Perkhidmatan Bomba (Bahagian Perancangan Latihan dan Kakitangan), Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup permohonan: 13 Mei 2003 jam 4.00 petang.

DANA PENGIRAN MUDA
MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH
Untuk Anak-Anak Yatim



كَلَامًا فَخِيرًا وَمَوْكَا
بِالْمَكْرَمَةِ وَالْإِيمَانِ
وَبِالْوَفَاءِ وَالْإِيمَانِ

**DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE
BILLAH UNTUK ANAK-ANAK YATIM
(Di Brunei Darussalam)**

PERINGATAN

Laporan ini disalin ke Bahasa Melayu dari naskah asal dalam Bahasa Inggeris yang disediakan oleh JURUODIT LEE & RAMAN yang dilantik oleh Dana.

AKAUN - 31 DISEMBER 2001

LAPORAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Sukacita kami mengemukakan laporan kami dan akaun Dana yang telah di audit bagi tahun berakhir 31 Disember 2001.

DASAR-DASAR PENUBUHAN DAN TUJUAN-TUJUAN DANA

Dasar-dasar penubuhan Dana adalah seperti berikut:-

- mengasah dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran, berakhlak mulia selaras dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja, yang taat setia kepada raja, ugama dan Negeranya;
 - sebagai satu amal jariah atau sedekah tathauwu' untuk mempertingkatkan dan mengwujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemeduliaan ke atas kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim.
- Tujuan Dana ialah untuk membantu anak-anak yatim bagi membolehkan mereka mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan yang sewajarnya, dan menjadikan mereka warga negara yang berguna.

KEPUTUSAN

	B\$
Lebih pendapatan dari perbelanjaan bagi tahun ini	349,502
Lebih pendapatan dari perbelanjaan yang dihantar kepada	3,783,263
Lebih pendapatan dari perbelanjaan yang dibawa kepada	BS4,132,765

PEMEGANG AMANAH

Pemegang amanah yang memegang jawatan pada tarikh laporan ini adalah seperti berikut:-

- YDMLD Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha (Pengerusi)
- YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar (Timbalan Pengerusi)
- YB Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd Yusof
- YB Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong
- YAM Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit
- YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim
- YDM Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
- YDM Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim

Bersesuaian dengan Perintah Darurat (Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim), 1998 kesemua ahli lembaga kecuali Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

JURUAUDIT

Juruaudit, LEE & RAMAN, telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik untuk memegang jawatan tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Ma Laummanu

YAM PENGIRAN IDERA SETIA DIRAJA
SAHIBUL KARIB PENGIRAN ANAK
HAJI IDRIS BIN PENGIRAN MAHARAJA
LELA PENGIRAN MUDA ABDUL KAHAR
(Pemangku Pengerusi)

Ma Laummanu

YM DATO PADUKA AWANG HAJI ABDUL GHANI
BIN PEHIN DATU PEKERMA DEWA DATO
PADUKA HAJI ABDUL RAHIM
(Ketua Pegawai Eksekutif)

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
AKAUN - 31 DISEMBER 2001**

Kami telah memeriksa akaun yang dibentangkan dari muka surat 4 hingga 10 mengikut Standard Audit Antarabangsa. Kami telah memperoleh semua keterangan dan penjelasan yang kami kehendaki.

Pada pendapat kami, akaun ini memenuhi Perintah Darurat (Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim), 1998 dan memberikan gambaran yang sebenar dan saksama mengenai kedudukan Dana pada 31 Disember 2001 dan mengenai lebih pendapatan dari perbelanjaan dan aliran wang tunai Dana bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, menurut keterangan dan penjelasan yang diberikan kepada kami, dan seperti yang ditunjukkan dalam buku-buku Dana.

LEE & RAMAN

Akauntan Awam Bertauliah

MOHD RAMAN SHAH BIN MOHD SHARIFF
Juruaudit Yang Dibenarkan Brunei Darussalam

NOTA-NOTA BAGI AKAUN

1. DASAR-DASAR PENUBUHAN DAN TUJUAN-TUJUAN DANA

Dasar-dasar penubuhan Dana adalah seperti berikut:-

- mengasah dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran, berakhlak mulia selaras dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja, yang taat setia kepada raja,

agama dan negaranya;

- sebagai satu amal jariah atau sedekah tathauwu' untuk mempertingkatkan dan mengwujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemeduliaan ke atas kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim.

Tujuan Dana ialah untuk membantu anak-anak yatim bagi membolehkan mereka mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan yang sewajarnya, dan menjadikan mereka warga negara yang berguna.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

- Asas Perakaunan
Akaun Dana disediakan berdasarkan konvensyen kos silam.
- Pengiktirafan Pendapatan
(i) Sumbangan yang diterima diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan penerimaan.
(ii) Dividen dan keuntungan yang diterima dari penempatan deposit dan pelaburan-pelaburan lain diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan akrual.
- Sumbangan Kepada Anak-Anak Yatim
Sumbangan kepada anak-anak yatim diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila pembayaran dibuat.
- Perbelanjaan Pentadbiran
Semua perbelanjaan pentadbiran Dana akan ditanggung oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang bertanggungjawab keatas pentadbiran Dana.

3. PENDAFTARAN ANAK-ANAK YATIM

	2001 Bilangan anak-anak yatim	2000 Bilangan anak-anak yatim
Jumlah anak yatim pada 1 Januari	1,834	1,834
Tambah: Jumlah anak yatim yang berdaftar dengan Dana pada tahun ini	202	241
	2,036	2,075
Tolak: Anak yatim yang telah berkahwin	1	4
Anak yatim yang telah mencapai umur 18 tahun	357	243
Jumlah anak yatim pada 31 Disember	1,672	1,828

Semua anak yatim yang berdaftar dengan Dana akan menerima sumbangan sebanyak B\$500 setiap seorang. Walau bagaimanapun hanya 151 orang anak yatim telah menerima sumbangan mereka pada tahun ini.

4. PENEMPATAN DEPOSIT - PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

	2001 B\$	2000 B\$
Baki dipermulaan awal tahun	505,666	184,658
Tambah: Deposit dimasukkan pada tahun ini	-	500,000
Dividen diterima pada tahun ini	24,862	16,408
Jumlah didepositkan dari penutupan akaun pada tahun ini	500	1,050
	531,028	702,116
Tolak: Pemindahan ke akaun anak yatim pada tahun ini	(75,500)	(196,450)
Baki yang tinggal di akhir tahun	BS455,528	BS505,666

Deposit yang dimasukkan dalam Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) adalah dalam akaun simpanan yang mendapat dividen pada kadar 5.135% setahun.

Pada tahun ini, Dana telah memindahkan B\$75,500 ke dalam akaun simpanan Dana di atas nama perseorangan anak-anak yatim (yang berjumlah 151) di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Setiap akaun didepositkan dengan B\$500. Ini ditunjukkan sebagai sumbangan kepada anak-anak yatim di dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan (lihat Nota 8).

5. PENEMPATAN DEPOSIT - BANK ISLAM BRUNEI BHD

	2001 B\$	2000 B\$
(a) AL-BAI'U BITHAMAN AAJIL (BBA)		
Baki dipermulaan awal tahun	2,897,473	2,758,901
Tambah: Pemindahan dari akaun Al-Wadiah "Call Deposit" pada tahun ini	145,812	138,572
Dividen dan keuntungan diterima pada tahun ini	156,140	143,562
	3,199,425	3,041,035
Tolak: Pemindahan ke akaun Al-Wadiah "Call Deposit"	(156,140)	(143,562)
Baki yang tinggal diakhir tahun	BS3,043,285	BS2,897,473

	2001 B\$	2000 B\$
(b) AL-WADIAH "CALL DEPOSIT"		
Baki dipermulaan awal tahun	110,234	104,460
Tambah: Pemindahan dari akaun Al-Bai'uth Bithaman Aajil (BBA) pada tahun ini	156,140	143,562
Dividen dan keuntungan diterima pada tahun ini	579	784
	266,953	248,806
Tolak: Pemindahan ke akaun Al-Bai'uth Bithaman Aajil (BBA) pada tahun ini	(145,812)	(138,572)
Baki yang tinggal diakhir tahun	BS121,141	BS110,234
JUMLAH (a) + (b)	BS3,164,426	BS3,007,707

Deposit dimasukkan ke dalam pelaburan Al-Bai'uth Bithaman Aajil dengan Bank Islam Brunei Bhd. Dividen yang diterima dari pelaburan ini dipindahkan secara bulanan ke dalam akaun Al-Wadiah "Call Deposit".

6. DANA TERKUMPUL

	2001 B\$	2000 B\$
Baki dipermulaan awal tahun	3,783,263	3,452,194
Tambah: Lebih pendapatan dari perbelanjaan bagi tahun ini	349,502	331,069
Baki yang tinggal di akhir tahun	BS4,132,765	BS3,783,263

7. SUMBANGAN DITERIMA

Sumbangan yang diterima dari ahli kerabat diraja, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan orang ramai diambil kira berasaskan penerimaan.

8. SUMBANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM

	2001 B\$	2000 B\$
151 (2000: 206) anak-anak yatim @ B\$500 setiap seorang (pemindahan ke akaun)	75,500	103,000
TIADA (2000: 1,869) anak-anak yatim @ B\$50 setiap seorang (pemindahan ke akaun)	-	93,450
TIADA (2000: 1,588) anak-anak yatim @ B\$50 setiap seorang (dalam wang tunai)	-	79,400
	75,500	275,850
Tolak: Sumbangan dikembalikan atas penutupan akaun 1 (2000: 2) anak yatim @ B\$500 setiap seorang	(500)	(1,000)
TIADA (2000: 1) anak yatim @ B\$50 setiap seorang	-	(50)
	BS75,000	BS274,800

Pada tahun ini, Dana telah membuat sumbangan kepada 151 orang anak-anak yatim dengan membuka akaun simpanan Dana di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Setiap akaun didepositkan dengan B\$500. Jumlah sebanyak B\$75,500 telah dipindahkan dari akaun simpanan Dana di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Baki di dalam akaun-akaun perseorangan anak-anak yatim ini akan dipindahkan ke akaun simpanan Al-Wadiah apabila mereka mencapai umur 18 tahun (lihat Nota 4).

9. PENYESUAIAN LEBIH PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN OPERASI KEPADA ALIRAN KE DALAM WANG TUNAI BERSIH DARI KEGIATAN OPERASI

	2001 B\$	2000 B\$
Lebih pendapatan dari perbelanjaan operasi sebelum keuntungan dan dividen	160,363	161,588
